

**Taqiyuddin An-Nabhani**

**SISTEM**

**ISLAM**

**(Edisi Mu'tamadah)**

**Dikeluarkan Oleh:  
HIZBUT TAHRIR**



تقي الدين النبهاني

# نظام الاسلام

من منشورات

حزب التحرير

الطبعة الأولى  
١٣٧٢هـ - ١٩٥٣م

الطبعة السادسة  
(طبعة معتمدة)  
١٤٢٢هـ - ٢٠٠١م

## KANDUNGAN

Jalan Menuju Iman .....	1
Qada dan Qadar .....	20
Kepemimpinan Berfikir dalam Islam .....	35
Tatacara Mengemban Dakwah Islam .....	89
Hadharah(Peradaban) Islam .....	99
Sistem Islam .....	106
Hukum Syarak .....	115
Jenis-jenis Hukum Syariat Islam .....	120
As-Sunah .....	122
Meneladani Perbuatan Rasulullah SAW .....	124
Mengambil(Tabanni) Hukum-hukum Syariat Islam	127
Perlembagaan dan Undang-undang .....	130
Draf Perlembagaan	
Peruntukan ‘Am .....	139
Sistem Pemerintahan .....	143
Khilafah .....	146
Mu’awin At-Tafwidh(Pembantu Delegasi) .....	155
Mu’awin At-Tanfidz (Pembantu Esekutif).....	158

Al-Wulat (Para Gabenor) .....	159
Amirul Jihad: Jabatan Peperangan & Ketenteraan .....	162
Jabatan Keamanan Dalam Negeri .....	165
Jabatan Luar Negara .....	167
Jabatan Perindustrian .....	167
Al-Qadha (Kehakiman) .....	168
Jihaz Al-Idari (Jentera Pentadbiran) .....	175
Baitul Mal .....	177
Jabatan Penerangan .....	177
Majlis Umat .....	178
Sistem Sosial .....	182
Sistem Ekonomi .....	186
Dasar Pendidikan .....	201
Dasar Luar Negara .....	205
Akhlak dalam Pandangan Islam .....	210



# JALAN MENUJU IMAN (*THARIQUL IMAN*)

Bangkitnya (yanhadu) manusia tergantung kepada pemikirannya (fikrah) tentang kehidupan, alam semesta, dan manusia, serta hubungan antara ketiga-tiganya dengan sesuatu yang ada pada masa sebelum dan sesudahnya. Agar manusia itu mampu bangkit (yanhad), haruslah ada perubahan yang mendasar dan menyeluruh terhadap pemikirannya ketika ini, untuk kemudiannya digantikan dengan pemikiran lain. Ini kerana, pemikiranlah yang membentuk dan memperkuat persepsi (mafahim) seseorang terhadap segala sesuatu. Manusia mengatur setiap tingkah lakunya (suluk) dalam kehidupan ini sesuai dengan mafahim yang dimilikinya. Jadi, mafahim seseorang terhadap orang yang dicintainya akan membentuk tingkah laku yang tertentu terhadapnya. Tingkah laku ini pastinya berlawanan terhadap orang lain yang tidak disukainya atau yang dibenci. Begitu juga dia akan menunjukkan tingkah laku yang berbeza terhadap orang yang sama sekali tidak dikenalnya, atau tidak mempunyai mafhum apa-apa pun terhadap orang tersebut. Jadi, tingkah laku manusia sentiasa berkait erat dengan mafahim yang dimilikinya. Dengan demikian, apabila kita hendak mengubah tingkah laku manusia yang rendah menjadi luhur, maka tidak ada jalan lain kecuali perlu mengubah mafhumnya terlebih dahulu. Berkenaan hal ini, Allah SWT telah berfirman:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ﴾

*“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan suatu kaum, sebelum kaum itu sendiri mengubah apa yang ada pada diri mereka” (TMQ Ar-Ra’d [13]: 11).*

Satu-satunya jalan untuk mengubah persepsi (mafahim) seseorang adalah dengan mewujudkan suatu pemikiran (fikrah) tentang kehidupan dunia sehingga dapat terwujudnya mafahim yang benar tentangnya. Namun, pemikiran seperti ini tidak akan menjadi kukuh dan produktif, kecuali apabila terbentuk dalam dirinya pemikiran tentang alam semesta, manusia, dan kehidupan; dan tentang apa yang ada sebelum dan sesudahnya; serta keterkaitan di antara kehidupan dunia ini dengan apa yang ada pada masa sebelumnya dan sesudahnya. Semua itu dapat dicapai dengan memberikan kepada manusia pemikiran yang menyeluruh dan sempurna (al-fikrah al kulliyah) tentang alam semesta, manusia dan kehidupan. Ini kerana pemikiran yang menyeluruh dan sempurna semacam ini merupakan landasan berpikir (al-qa'idah al-fikriyah) yang bakal melahirkan seluruh pemikiran cabang tentang kehidupan ini. Memberikan pemikiran yang menyeluruh mengenai ketiga unsur tadi, merupakan solusi fundamental terhadap permasalahan terbesar di dalam diri manusia (al-uqdatul al-kubra). Apabila masalah utama ini dapat diselesaikan, maka masalah-masalah lain juga mampu diselesaikan, kerana seluruh permasalahan kehidupan pada dasarnya merupakan sama ada sebahagian atau cabang daripada masalah terbesar tadi. Namun demikian, penyelesaian itu tidak akan membawa kita kepada kebangkitan (nahdah) yang benar, kecuali jika penyelesaian itu sendiri adalah benar, iaitu sesuai dengan fitrah manusia, memuaskan akal, dan lalu memberikan ketenangan hati.

Penyelesaian yang benar tidak akan dapat dicapai kecuali dibina pemikiran yang cemerlang (al-fikru al-mustanir) tentang alam semesta, manusia, dan kehidupan. Oleh itu, bagi mereka yang menginginkan kebangkitan (nahdah) dan mahu ke arah menuju kemajuan, mereka haruslah terlebih dahulu menyelesaikan persoalan utama tersebut dengan benar,

melalui cara berfikir yang cemerlang tadi. Penyelesaian ini akan membentuk akidah seseorang yang seterusnya akan menjadi landasan berfikir (al-qa'idah al-fikriyyah) baginya, sehingga semua pemikiran cabang dan terperinci tentang tingkah laku manusia dan sistem-sistem dalam kehidupan ini dapat dibina.

Islam telah pun menghuraikan permasalahan utama (uqdatul kubra) ini dan menyelesaikannya untuk manusia dengan cara yang sesuai dengan fitrahnya, memuaskan akal, serta memberikan ketenangan jiwa. Islam menjadikan jawapan yang muncul daripada akal (rasional) terhadap penyelesaian ini sebagai syarat untuk memeluknya. Oleh itu, Islam dibangunkan di atas satu dasar, iaitu akidah. Akidah menjelaskan bahawa di sebalik alam semesta, manusia, dan kehidupan, terdapatnya Maha Pencipta (Al-Khaliq) yang telah menciptakan ketiga-tiganya, serta yang telah menciptakan segala sesuatu lainnya. Dialah Allah SWT. Yang Maha Pencipta yang telah menciptakan segala sesuatu daripada tidak ada menjadi ada. Ia bersifat *wajibul wujud*, wajib adanya dan tidak diciptakan. Kerana, jika demikian, bererti Ia tidak akan menjadi Al-Khaliq. Dia bukanlah makhluk, kerana sifat-Nya sebagai Pencipta memastikan bahawa diri-Nya bukanlah makhluk. Kewujudannya pula adalah wajib, kerana semua benda bergantung kepada-Nya untuk wujud sedangkan Dia tidak bergantung kepada sesuatu apapun.

Bukti bahawa semua benda pasti memerlukan Pencipta yang menciptakannya, dapat diterangkan sebagai berikut: bahawa semua benda yang dapat dijangkau oleh akal iaitu manusia, alam semesta, dan kehidupan; ketiga-tiga unsur ini bersifat terbatas, lemah, serba kekurangan, dan saling memerlukan kepada sesuatu yang lain. Manusia terbatas sifatnya, kerana dia tumbuh dan berkembang sehingga pada

suatu batas tertentu yang tidak dapat dilampauinya lagi. Ini menunjukkan bahawa manusia itu bersifat terbatas. Begitu juga dengan kehidupan. Ia bersifat terbatas kerana penampakkannya bersifat individual. Apa yang dapat kita saksikan bahawa kehidupan ini hanya berakhir pada satu individu saja. Jadi, kehidupan ini juga bersifat terbatas. Hal ini juga sama seperti alam semesta yang memiliki sifat terbatas. Alam semesta merupakan himpunan daripada objek-objek angkasa, yang setiap objek tersebut memiliki keterbatasan. Himpunan segala sesuatu yang terbatas, tentu terbatas pula sifatnya. Jadi, alam semesta pun bersifat terbatas. Oleh itu, manusia, kehidupan, dan alam semesta, ketiga-tiganya pasti bersifat terbatas.

Apabila kita merenung kembali semua benda yang bersifat terbatas tadi, kita dapati bahawa semuanya tidak azali. Jika bersifat azali (tidak berawal dan tidak berakhir), tentu sahaja ia tidak mempunyai keterbatasan. Oleh yang demikian setiap sesuatu yang terbatas itu pasti diciptakan oleh "sesuatu yang lain". "Sesuatu yang lain" inilah yang disebut sebagai Al-Khaliq (Maha Pencipta). Dialah yang menciptakan manusia, kehidupan, dan alam semesta. Dalam menentukan keberadaan Pencipta ini akan kita dapati tiga kemungkinan. Pertama, Dia diciptakan oleh yang lain. Kedua, Dia menciptakan diri-Nya sendiri. Ketiga, Dia bersifat azali dan wajibul wujud. Kemungkinan pertama bahawa Dia diciptakan oleh yang lain adalah kemungkinan yang batil, yang tidak dapat diterima oleh akal, kerana jika benar demikian, tentulah Dia bersifat terbatas. Begitu pula dengan kemungkinan kedua, yang menyatakan bahawa Dia menciptakan diri-Nya sendiri. Jika demikian bererti Dia adalah makhluk dan Al-Khaliq pada masa yang sama. Hal yang jelas-jelas tidak dapat diterima oleh akal secara rasional. Oleh yang demikian, Al-Khaliq mesti bersifat azali dan wajibul wujud. Dialah Allah SWT.

Sesiapa saja yang mempunyai akal akan dapat memahami bahawa di sebalik semua benda yang dapat diindera ini, pastinya wujud pencipta. Ini kerana, apa yang boleh kita lihat pada kesemua benda ini, ia bersifat serba kurang, lemah, dan saling memerlukan. Maka sudah pasti kesemua benda ini merupakan makhluk. Jadi untuk membuktikan adanya Al-Khaliq Yang Maha Pengatur, sebenarnya cukup hanya dengan menghalakan perhatian manusia terhadap benda-benda yang ada di alam semesta, fenomena kehidupan, dan diri manusia sendiri. Dengan mengamati mana-mana objek di alam semesta, atau dengan merenungi fenomena kehidupan, atau meneliti salah satu bahagian daripada diri manusia, akan kita dapati bukti yang nyata dan meyakinkan akan adanya Allah SWT.

Kerana itulah Al-Quran menghalakan perhatian manusia terhadap benda-benda yang ada, seraya mengajaknya untuk memerhatikan dan memfokuskan perhatian terhadap benda-benda tersebut dan setiap benda yang ada di sekelilingnya, atau yang berhubungan dengannya, lalu menyimpulkan daripada pemerhatian tersebut akan kewujudan Allah SWT. Dengan mengamati benda-benda tersebut, bagaimana satu dengan yang lain saling memerlukan, akan memberikan suatu pemahaman yang teguh dan meyakinkan, akan wujudnya Allah Yang Maha Pencipta lagi Maha Pengatur. Terdapat beratus-ratus ayat Al-Quran yang menyatakan hal ini, antara lain firman-firman Allah SWT seperti:

﴿إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ  
لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ﴾

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang, terdapat tanda-tanda (ayat) bagi orang yang berakal” (TMQ. Ali ‘Imran [3]: 190).

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ  
وَأَلْوَانِكُمْ﴾

“(Dan) Di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya adalah diciptakan-Nya langit dan bumi serta berlain-lainannya bahasa dan warna kulitmu” (TQS. Ar-Rum [30]: 22).

﴿أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ﴿١٧﴾ وَإِلَى السَّمَاءِ  
كَيْفَ رُفِعَتْ ﴿١٨﴾ وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾ وَإِلَى الْأَرْضِ  
كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٢٠﴾﴾

“Apakah mereka tidak memperhatikan unta, bagaimana ia diciptakan? Dan langit, bagaimana ia ditinggikan? Dan gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan? Dan bumi, bagaimana ia dihamparkan?” (TQS. Al-Ghasyiyah [88]: 17-20).

﴿فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ مِمَّ خُلِقَ ﴿٥﴾ خُلِقَ مِنْ مَّاءٍ دَافِقٍ ﴿٦﴾ تَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ  
الضُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ ﴿٧﴾﴾

“Hendaklah manusia memperhatikan dari apa ia diciptakan? Dia diciptakan dari air memancar, yang keluar dari antara tulang sulbi laki-laki dengan tulang dada perempuan” (TQS. At-Thariq [86]: 5-7).

﴿إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ  
وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ  
السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ  
دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ  
لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ﴾

*“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi. Silih bergantinya malam dan siang. Berlayarnya bahtera di laut yang membawa apa yang berguna bagi manusia. Dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Ia hidupakan bumi sesudah matinya (kering). Dan Ia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan. Dan pengisaran air dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi. Sesungguhnya (semua itu) terdapat tanda-tanda (Keesaan dan Kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan” (TQS. Al-Baqarah [2]: 164).*

Banyak lagi ayat-ayat lain yang serupa, yang mengajak manusia untuk memerhatikan secara saksama terhadap benda-benda ada di alam ini, apa yang ada di sekelilingnya dan keterkaitan di antara mereka, yang membawa kepada sebuah kesimpulan terhadap kewujudan Pencipta Yang Maha Pengatur, sehingga imannya kepada Allah SWT menjadi iman yang mantap melalui pertimbangan akal dan bukti yang nyata.

Memang benar, beriman dengan kewujudan Yang Maha Pencipta merupakan sesuatu yang fitrah pada setiap diri manusia. Walaupun begitu, bentuk keimanan semulajadi yang seumpama ini hanya muncul dari perasaannya semata-mata

(thariqul wijdan). Ia tidak akan menjadi sebuah keyakinan yang benar dan kukuh dalam diri seseorang, apatah lagi apabila ia ditinggalkan bersendirian. Perasaan (wijdan) tersebut sering menambah-nambah perihal yang diimaninya dengan suatu perkara yang tidak ada faktanya. Elemen-elemen yang tidak munasabah dalam keimanan akan mengakibatkan seseorang itu lebih jauh daripada keimanan sebenar lalu mencampakkan mereka ke lembah kekufuran dan kesesatan. Penyembahan berhala, khurafat (cerita bohong), dan hal-hal mistik tidak lain merupakan akibat daripada kesalahan dalam menggunakan perasaan hati ini. Oleh itu, Islam tidak membiarkan perasaan hati ini sebagai satu-satunya jalan menuju iman agar seseorang itu tidak menambahkan sifat-sifat Allah SWT dengan sifat yang bertentangan dengan sifat-sifat ketuhananNya; atau memberikan seseorang itu kesempatan untuk mengkhayalkan penjelmaanNya dalam bentuk materi/fizikal; atau beranggapan bahawa untuk mendekati diri kepada-Nya harus ditempuh jalan penyembahan benda-benda, sehingga menjurus ke arah kekufuran, syirik, khurafat, dan khayalan yang keliru dan sentiasa ditolak oleh iman yang lurus. Itulah sebabnya Islam menegaskan agar manusia harus sentiasa menggunakan akal di samping adanya perasaan hati dan mewajibkan setiap umatnya untuk menggunakan akal dalam beriman kepada Allah SWT, serta melarang bertaqlid (mengikut tradisi) dalam masalah akidah. Justeru itu, Islam telah menjadikan akal sebagai pemberi kata putus (haakiman) dalam beriman kepada Allah, sebagaimana dalam firman Allah SWT:

﴿إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتَلَفِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ

لَايَةٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ﴾

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih

*bergantinya malam dan siang, terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal” (TQS. Ali ‘Imran [3]: 190).*

Dengan demikian setiap Muslim wajib menjadikan imannya benar-benar terbit daripada proses berfikir, selalu meneliti dan memperhatikan, serta sentiasa bertahkim (merujuk) kepada akalya secara mutlak dalam beriman kepada (adanya) Allah SWT. Seruan untuk memperhatikan alam semesta secara saksama, dalam rangka mencari sunatullah serta untuk memperoleh petunjuk agar beriman terhadap Penciptanya, telah disebutkan ratusan kali oleh Al-Quran dalam pelbagai surah yang berbeza. Semuanya ditujukan kepada potensi akal manusia untuk diajak berfikir dan merenung, sehingga imannya benar-benar muncul dari akal dan bukti yang nyata, dan memperingatkannya agar tidak mengambil jalan yang telah ditempuh oleh nenek moyangnya, tanpa meneliti dan menguji kembali sejauh mana kebenarannya. Inilah iman yang diserukan oleh Islam. Iman seumpama ini bukanlah sepertimana yang dikatakan sebagai keimanan nenek moyang, melainkan iman yang berpijak pada pemikiran yang cemerlang dan meyakinkan, bagi mereka yang merenung dan terus merenung, berfikir dan terus berfikir sehingga renungan dan fikirannya sampai kepada keyakinan tentang adanya Allah Yang Maha Kuasa.

Walaupun adanya kewajipan ke atas manusia untuk menggunakan akalnyanya dalam mencapai keimanan kepada Allah SWT, namun manusia tidak mungkin dapat memahami segala sesuatu perkara yang berada di luar jangkauan pancaindera dan akalnyanya. Ini kerana akal manusia itu hanya terbatas di dalam lingkungan yang mampu ia jangkau, tidak kiralah sekuat mana pun ia tumbuh dan berkembang. Melihat kepada kenyataan ini, maka perlulah diingat bahwa akal tidak

mampu memahami Zat Allah dan hakikatNya kerana Allah SWT berada di luar alam semesta, manusia, dan kehidupan. Sedangkan akal manusia tidak mampu memahami apa yang ada di luar ketiga-tiga unsur tadi. Maka ia tidak akan mampu memahami Zat Allah. Tidak bolehlah kita menyatakan bahawa “Bagaimana mungkin seseorang itu dapat beriman kepada Allah SWT, sedangkan akalnya sendiri tidak mampu memahami Zat Allah?” Tentulah kita tidak mengatakan sedemikian, kerana keimanan itu pada hakikatnya adalah yakin terhadap ‘kewujudan’ Allah SWT. KewujudanNya itu dapat disahkan dengan melihat kepada makhluk-makhlukNya, iaitu alam semesta, manusia, dan kehidupan. Makhluk-makhluk ini berada dalam batas jangkauan akal manusia dan melalui pemahaman sedemikian, seseorang itu dapat memahami akan adanya Pencipta, iaitu Allah SWT. Oleh itu, beriman terhadap adanya Allah adalah sesuatu yang rasional dan berada di dalam kemampuan akal. Namun hal ini berbeza dengan hakikat memahami zat Allah, ia sesuatu yang mustahil kerana Zat Allah berada di luar unsur alam semesta, manusia, dan kehidupan, jadi akal manusia tidak dapat menjangkaunya. Akal tidak mungkin akan dapat memahami hakikat yang berada di luar batas kemampuannya, kerana sifatnya yang sememangnya terbatas. Keterbatasan ini sepatutnya menjadi faktor penguat iman seseorang bukan sebaliknya menjadi penyebab keragu-raguan dan kebimbangan.

Apabila iman kita kepada Allah SWT telah dicapai melalui proses berfikir, maka kesedaran kita terhadap kewujudan Allah menjadi sempurna. Begitu pula jika perasaan hati kita (yang timbul dari wijdan, pent.) mengisyaratkan adanya Allah, lalu dikaitkan dengan akal, maka perasaan kita terhadap kewujudan Allah adalah sesuatu yang benar-benar meyakinkan. Bahkan hal itu akan memberikan suatu pemahaman yang sempurna serta perasaan yang meyakinkan

terhadap sifat-sifat ketuhanan. Dengan sendirinya, cara tersebut akan meyakinkan kita bahawa manusia memang tidak mampu memahami hakikat Zat Allah namun hal ini justeru akan memperkuat iman kita kepada-Nya. Oleh yang demikian, kita wajib berserah diri terhadap semua yang dikhabarkan oleh Allah SWT tentang hal-hal yang yang tidak mampu difahami atau yang tidak dapat dicapai oleh akal. Ini disebabkan ketidakmampuan akal manusia secara fitrah yang memiliki ukuran-ukuran (maqaayis) yang relatif dan terbatas, untuk memahami apa yang ada di luar jangkauan akalnya. Sedangkan untuk memahami hal seumpama ini, diperlukan ukuran-ukuran (maqaayis) yang tidak relatif dan tidak terbatas, yang justeru tidak dimiliki dan tidak akan pernah dimiliki manusia.

Berkenaan dengan bukti keperluan manusia terhadap para Rasul, dapat dibuktikan dengan hakikat bahawa manusia adalah makhluk Allah SWT dan beragama adalah sesuatu yang fitri pada diri manusia, kerana ianya termasuk salah satu daripada naluri yang ada pada diri manusia. Di dalam fitrahnya, manusia sentiasa mensucikan Penciptanya. Aktiviti mensucikan inilah yang dinamakan ibadah, yang berfungsi sebagai tali penghubung antara manusia dengan Penciptanya. Apabila hubungan ini dibiarkan begitu sahaja tanpa aturan, tentu sahaja ia akan menimbulkan kekacauan di dalam ibadah bahkan dapat menyebabkan terjadinya penyembahan kepada selain dari Penciptanya. Jadi, wajiblah untuk manusia mengikut aturan urusan hubungan atau ibadah ini dengan sebuah aturan yang benar yang pastinya bukan diciptakan oleh manusia. Ini kerana manusia tidak mampu memahami hakikat Al-Khaliq sehingga ia dapat membina sendiri peraturan ibadah di antara dirinya dengan Pencipta. Oleh sebab itu, peraturan ini mestilah datang dari Al-Khaliq. Memandangkan peraturan ini perlu sampai ke tangan manusia, maka tidak boleh tidak, wajib ada para Rasul yang menyampaikan agama Allah ini

kepada umat manusia.

Bukti lain akan keperluan manusia terhadap para Rasul adalah hakikat bahawa pemuasan naluri-naluri (gharizah) dan keperluan jasmani manusia itu merupakan suatu keperluan. Pemuasan semacam ini jika dibiarkan berjalan tanpa peraturan akan menjuruska ia ke arah pemuasan yang salah dan menyimpang, yang seterusnya akan menyebabkan kesengsaraan kepada umat manusia. Dengan demikian, adalah keperluan bagi wujudnya suatu peraturan untuk mengatur naluri dan keperluan jasmani manusia. Namun, peraturan ini tidak boleh datang dari manusia sendiri kerana pemahaman manusia dalam mengatur naluri dan kebutuhan jasmani cenderung kepada terjadinya perbezaan, perselisihan, pertentangan, dan terpengaruh dengan lingkungan tempat ia berada. Apabila manusia dibiarkan membuat peraturan sendiri, tentunya peraturan tersebut akan memungkinkan terjadinya perbezaan, perselisihan, dan pertentangan, lalu akan menjerumuskan manusia ke dalam lembah kesengsaraan. Maka peraturan tersebut harus datang dari Allah SWT melalui para Rasul.

Mengenai bukti bahwa Al-Quran itu datang dari Allah, dapat dilihat dari kenyataan bahawa Al-Quran adalah sebuah kitab berbahasa Arab yang dibawa oleh Rasulullah Muhammad SAW. Dalam menentukan dari mana asal Al-Quran, akan kita dapati tiga kemungkinan. Pertama, kitab itu adalah karangan orang Arab. Kedua, karangan Muhammad SAW. Ketiga, berasal dari Allah SWT. Tidak ada kemungkinan selain daripada yang tiga kemungkinan ini kerana Al-Quran adalah berciri khas Arab, baik dari segi bahasa maupun gayanya.

Kemungkinan pertama yang mengatakan bahwa Al-

Quran adalah karangan orang Arab, tidak dapat diterima. Ini kerana Al-Quran sendiri telah menentang mereka untuk membuat karya yang serupa. Sebagaimana tertera dalam ayat:

﴿قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُورٍ مِّثْلِهِ﴾

“Katakanlah: ‘Maka datangkanlah sepuluh surah yang (dapat) menyamainya” (TQS. Hud [11]: 13).

Di dalam ayat lain:

﴿قُلْ فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ﴾

“Katakanlah: (‘Kalau benar apa yang kamu katakan), maka cubalah datangkan sebuah surah yang menyerupainya” (TQS. Yunus [10]: 38).

Orang-orang Arab telahpun berusaha mencubanya, akan tetapi tidak berhasil. Hal ini membuktikan bahawa Al-Quran bukan berasal dari perkataan mereka kerana mereka tidak mampu menghasilkan karya yang serupa, walaupun Al-Quran telah mencabar mereka dan mereka telah berusaha mencuba menghasilkan seumpamanya. Kemungkinan kedua yang mengatakan bahawa Al-Quran itu karangan Muhammad SAW, juga tidak dapat diterima oleh akal. Ini kerana Muhammad SAW adalah orang Arab juga dan walaupun betapa bijaknya sekalipun, Baginda tetaplah seorang manusia yang menjadi salah satu anggota dari masyarakat atau bangsanya. Oleh sebab seluruh bangsa Arab tidak mampu menghasilkan karya yang serupa, maka Muhammad juga tidak terkecuali, seorang Arab yang tidak mampu menghasilkan karya yang serupa. Oleh itu, jelas bahawa Al-Quran itu bukan karangannya.

Tambahan lagi, dengan adanya banyak hadis-hadis sahih yang berasal dari Nabi Muhammad SAW - malah yang sebahagiannya diriwayatkan melalui cara yang tawatur- yang

kebenarannya tidak diragukan lagi. Apabila mana-mana hadis ini dibandingkan dengan mana-mana ayat dalam Al-Quran, maka tidak akan dijumpai adanya kemiripan dari segi gaya bahasanya. Nabi Muhammad SAW selalu membacakan setiap ayat-ayat yang diwahyukan kepadanya walhal dalam waktu yang sama juga mengeluarkan hadis. Namun, ternyata keduanya tetap berbeza daripada segi gaya bahasanya. Walau bagaimana sekalipun seseorang itu berusaha menciptakan berbagai-bagai macam gaya bahasa dalam ucapannya, kemiripan antara gaya yang satu dengan yang lain tetap ada, kerana ia merupakan sebahagian daripada dirinya. Oleh yang demikian, tiada kemiripan antara gaya bahasa Al-Quran dengan gaya bahasa hadis, maka bererti Al-Quran itu pastinya bukan perkataan Nabi Muhammad SAW. Selain itu, tiada mana-mana di kalangan orang-orang Arab yang paling tahu gaya dan sastera bahasa arab— pernah menuduh bahawa Al-Quran itu perkataan Muhammad SAW, atau mirip dengan gaya ucapannya. Satu-satunya tuduhan yang mereka lontarkan adalah bahawa Al-Quran itu dibawa oleh Muhammad SAW dari seorang pemuda Nasrani yang bernama Jabr. Tuduhan ini telah ditolak keras oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

﴿وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ لِّسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِيٌّ وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ ﴿١٠٣﴾﴾

*“(Dan) Sesungguhnya Kami mengetahui mereka berkata: ‘Bahawasanya Al-Quran itu diajarkan oleh seorang manusia kepadanya (Muhammad). Walhal bahasa orang yang mereka tuduhkan (bahawa) Muhammad belajar daripadanya (adalah) bahasa ‘ajami (non-Arab), sedangkan Al-Quran itu dalam bahasa arab yang jelas” (TQS. An-Nahl [16]: 103).*

Apabila telah terbukti bahawa Al-Quran itu bukan karangan bangsa Arab, bukan pula karangan Muhammad SAW, maka Al-Quran itu pastinya adalah kalamullah, seterusnya menjadi mukjizat bagi sesiapa yang membawanya.

Maka oleh kerana Nabi Muhammad SAW ialah orang yang membawa Al-Quran —yang merupakan kalamullah dan Syariat Allah, serta tidak ada yang membawa syariat-Nya melainkan para Nabi dan Rasul— maka berdasarkan dalil aqli (bukti rasional) dapat diyakini secara pasti bahawa Muhammad SAW itu adalah seorang Nabi dan Rasul. Inilah dalil aqli tentang iman kepada Allah, kerasulan Muhammad SAW, dan bahawa Al-Quran itu merupakan Kalamullah.

Oleh kerana itu, beriman kepada Allah itu dapat dicapai melalui cara yang rasional (thariqul akal), dan keimanan ini mestilah dengan cara yang rasional. Justeru itu, beriman kepada Allah akan menjadi asas bagi terbinanya keimanan terhadap perkara-perkara ghaib dan segala hal yang dikhabarkan Allah SWT. Jika kita telah beriman kepada Allah SWT yang memiliki sifat-sifat ketuhanan, maka wajib pula bagi kita untuk beriman terhadap apa sahaja yang dikhabarkan oleh-Nya. Baik hal-hal itu dapat dijangkau oleh akal mahupun tidak, kerana semuanya dikhabarkan oleh Allah SWT. Dari sini kita wajib beriman kepada Hari Kebangkitan dan Pengumpulan di Padang Mahsyar, Syurga dan Neraka, hisab dan seksa. Juga beriman terhadap kewujudan malaikat, jin, dan syaitan, serta apa saja yang telah diterangkan oleh Al-Quran dan hadis yang mutawatir. Iman seperti ini, walaupun diperoleh dengan jalan ‘mengutip’ (naql) dan ‘mendengar’ (sama’), akan tetapi pada hakikatnya merupakan iman yang aqli juga kerana sumbernya telah dibuktikan oleh akal. Jadi, akidah seorang Muslim itu mestilah bersandar kepada akal atau pada sesuatu yang sumber asalnya telah terbukti

kebenarannya oleh akal. Seorang Muslim wajib meyakini segala sesuatu yang telah terbukti dengan akal atau yang datang dari sumber berita yang yakin dan pasti (qath'i), yaitu apapun yang telah ditetapkan oleh Al-Quran dan hadits qath'i -yaitu hadits mutawatir-. Apa saja yang tidak terbukti melalui dua jalan tadi, yaitu akal serta nash Al-Quran dan hadits mutawatir, haram baginya untuk mengimani kerana akidah tidak boleh diambil kecuali dengan kepastian (yakin).

Berdasarkan penjelasan ini, maka kita wajib beriman kepada apa yang ada sebelum kehidupan dunia, yaitu Allah SWT; dan kepada setelah kehidupan dunia, yaitu Hari Akhirat. Memandangkan perintah-perintah Allah membentuk hubungan antara kehidupan dunia ini dengan apa yang ada sebelumnya, di samping hubungan penciptaan; dan perbuatan seseorang di dalam kehidupan ini akan dihisab merupakan hubungan antara kehidupan ini dengan apa yang ada setelahnya, tambahan lagi adanya hubungan dengan Hari Kiamat, maka mestilah terdapat hubungan antara kehidupan ini dengan sesuatu yang ada sebelum dan setelahnya. Oleh sebab itu, kedudukan manusia dalam kehidupan ini mestilah terikat dengan hubungan tersebut. Dalam perkataan lain, manusia wajib menjalankan kehidupan ini menurut peraturan-peraturan Allah, dan wajib meyakini bahawa Dia akan menghisabnya atas perbuatan-perbuatannya di dunia pada Hari Kiamat.

Dengan demikian maka terbentuklah pemikiran cemerlang (al-fikru al-mustanir) tentang apa yang ada di sebalik alam semesta, kehidupan dan manusia. Begitu juga terbentuk pula al-fikru al-mustanir tentang apa yang ada sebelum kehidupan dunia dan yang ada sesudahnya, dan ia memiliki hubungan antara apa yang ada sebelum dan sesudahnya. Dengan demikian, terurailah permasalahan

utama (uqdatul kubra) secara sempurna dengan akidah Islamiyah.

Apabila manusia berhasil mencapai penyelesaian ini, maka dia dapat beralih memikirkan kehidupan dunia serta mewujudkan mafahim yang benar dan produktif tentang kehidupan ini. Penyelesaian inilah yang menjadi dasar bagi berdirinya suatu mabda (ideologi) yang dijadikan sebagai jalan menuju kebangkitan(nahdhah). Penyelesaian itu pula yang menjadi asas bagi berdirinya hadharah iaitu suatu peradaban yang muncul daripada mabda tadi, yang menjadi asas bagi melahirkan pelbagai sistem dan yang menjadi asas bagi berdirinya Negara Islam. Dengan demikian, asas bagi berdirinya Islam —baik secara fikrah(pemikiran) mahupun thariqah(methodologi pelaksanaan bagi fikrah)— adalah akidah Islam.

Allah SWT berfirman:

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ءَ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ  
عَلَىٰ رَسُولِهِ ءَ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِن قَبْلُ ءَ وَمَن يَكْفُرْ بِاللَّهِ  
وَمَلَائِكَتِهِ ءَ وَكُتُبِهِ ءَ وَرُسُلِهِ ءَ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا  
بَعِيدًا﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman, tetaplh beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada Kitab yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya dan kepada Kitab yang diturunkan sebelumnya. Dan siapa saja yang mengingkari Allah dan Malaikat-Nya dan Kitab-Kitab-Nya dan Rasul-Rasul-Nya dan Hari Akhir maka ia telah sesat sejauh-jauh kesesatan” (TQS. An-Nisa [4]: 136).*

Apabila semua ini telah dibuktikan, lalu keimanan kepadanya merupakan sesuatu tidak dapat dielakkan, maka wajib bagi setiap Muslim untuk beriman kepada syariat Islam secara keseluruhan kerana seluruh syariat ini telah tercantum dalam Al-Quran dan dibawa oleh Rasulullah SAW. Jika tidak beriman, bermakna dia menjadi kafir. Oleh itu, penolakan seseorang terhadap hukum-hukum syarak secara keseluruhan, atau hukum-hukum qath'i secara rinci, dapat menyebabkan kekafiran, sama ada hukum-hukum itu berkaitan dengan ibadat, muamalah, 'uqubat (hukuman), ataupun math'umat (yang berkaitan dengan makanan). Jadi kufur terhadap ayat:

﴿وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ﴾

*“Dirikanlah shalat”,*

sama sahaja kufur terhadap ayat:

﴿وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا﴾

*“Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba” (TQS. Al-Baqarah [2]: 275).*

﴿وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا﴾

*“Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya” (TQS. Al-Maidah [5]: 38).*

atau ayat:

﴿حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ

بِهِ﴾

“Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, dan (daging hewan) yang disembelih atas nama selain Allah” (TQS. Al-Maidah [5]: 3).

Perlu diketahui bahwa iman terhadap syariat Islam tidak cukup dilandaskan pada akal semata-mata, tetapi juga mesti disertai sikap penyerahan sepenuhnya dan penerimaan secara mutlak terhadap segala yang datang daripada Allah, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ

لَا يَجِدُوا فِيْٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾﴾

“Maka demi Rabbmu, mereka itu (pada hakikatnya) tidak beriman sebelum mereka menjadikan kamu (Muhammad) sebagai hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa di hati mereka suatu keberatan terhadap keputusan yang engkau berikan, dan mereka menerima (pasrah) dengan sepenuhnya” (TQS. An-Nisa [4]: 65).

# QADA' DAN QADAR

Allah SWT berfirman dalam surat Ali 'Imran:

﴿وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ كَتَبَ مُؤَجَّلًا﴾

“Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya.” (TQS. Ali 'Imran [3]: 145).

Juga firman-Nya dalam surat Al-A'raaf:

﴿وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ﴾

“Setiap umat mempunyai batas waktu (ajal); maka apabila telah datang waktunya mereka tidak dapat mengundurkannya walau sesaatpun dan tidak dapat (pula) memajukannya.” (TQS. Al-A'raaf [7]: 34).

Firman-Nya yang lain dalam surat Al-Hadid:

﴿مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّن قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ﴾

“Tiada suatu bencana pun yang menimpa di bumi dan (tidak pula) pada dirimu sendiri melainkan telah tertulis dalam kitab (Lauh

*Mahfuzh) sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.” (TQS. Al-Hadid [57]: 22).*

Begitu pula firman-Nya dalam surat At-Taubah:

﴿قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ

فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٩١﴾

*“Katakanlah: “Sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kami. Dialah Pelindung kami, dan hanyalah kepada Allah orang-orang yang beriman harus bertawakkal.” (TQS. At-Taubah [9]: 51).*

Sementara firman-Nya dalam surat Saba’:

﴿وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا

يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾

*“Tidak ada yang tersembunyi daripada-Nya seberat zarah pun yang ada di langit dan yang ada di bumi dan tidak ada (pula) yang lebih kecil dari itu dan yang lebih besar, melainkan tersebut dalam Kitab yang nyata (Lauh Mahfuzh)” (TQS. Saba’ [34]: 3).*

Dan firman-Nya dalam surat Al-An'aam:

﴿وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّاكُم بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰ أَجَلٌ مُّسَمًّى ۖ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ﴾  
﴿يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ﴾

“Dan Dialah yang menidurkan kamu di malam hari dan Dia mengetahui apa yang kamu kerjakan pada siang hari, kemudian Dia membangunkan kamu pada siang hari untuk disempurnakan umur(mu) yang telah ditentukan, kemudian kepada Allah-lah kamu kembali, lalu Dia memberitahukan kepadamu apa yang dahulu kamu kerjakan.”  
(TQS. Al- An'aam [6]: 60).

Juga firman-Nya dalam surat An-Nisaa':

﴿وَإِنْ تُصِيبْتُمْ حَسَنَةً يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَإِنْ تُصِيبْتُمْ سَيِّئَةً يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِكَ ۗ قُلْ كُلٌّ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ۗ فَمَالِ هَؤُلَاءِ الْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا﴾

“Dan jika mereka memperoleh kebaikan, mereka mengatakan: “Ini adalah dari sisi Allah”, dan kalau mereka ditimpa sesuatu bencana mereka mengatakan: “Ini (datangnya) dari sisi kamu (Muhammad)”. Katakanlah: “Semuanya (datang) dari sisi Allah”. Maka mengapa orang-orang itu (orang munafik) hampir-hampir tidak memahami pembicaraan sedikitpun?” (TQS. An-Nisaa' [4]: 78).

Ayat-ayat di atas, dan ayat yang sepertinya, sering digunakan oleh kebanyakan ahli kalam ketika membahaskan masalah qada' dan qadar. Mereka memahami ayat-ayat

tersebut dengan maksud seolah-olah manusia “dipaksa” untuk melakukan perbuatannya. Dan semua perbuatan itu dilakukan kerana ‘paksaan’ melalui Iradah (kudrat) Allah dan Masyiatullah (kehendak Allah). Dan Allahlah yang telah menciptakan manusia sekaligus perbuatannya. Mereka berusaha menguatkan pendapat ini dengan firman Allah SWT:

﴿وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ﴾

“Padahal Allah-lah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuat itu”. (TQS. Ash-Shaffaat [37]: 96).

Mereka juga telah menyokong pendapat ini dengan mengambil dalil dari hadits-hadits, misalnya sabda Rasulullah SAW:

«نَفَثَ رُوحُ الْقُدُوسِ فِي رُوعِي، لَنْ تَمُوتَ نَفْسٌ حَتَّى تَسْتَوْفِيَ رِزْقَهَا وَأَجْلَهَا وَمَا قُدِرَ لَهَا»

“Roh Kudus (Jibril) telah membisikkan ke dalam kalbuku: ‘Tidak akan mati suatu jiwa sebelum dipenuhi rezeki, ajal, dan apa-apa yang ditakdirkan baginya’”.

Permasalahan qada’ dan qadar telah memainkan peranan penting dalam mazhab-mazhab Islam (firqah theologi terdahulu, pent.). Ahli Sunnah memegang pendapat yang secara ringkasnya menyatakan bahawa manusia itu memiliki apa yang disebut dengan *kasb ikhtiari* (pilihan yang bebas) dalam melakukan perbuatan-perbuatannya (tatkala manusia hendak berbuat sesuatu, namun Allahlah yang menentukan/menciptakan hasil perbuatan tersebut, pent.). Jadi, manusia dihisab berdasarkan *kasb ikhtiari* ini. Manakala

Muktazilah pula berpendapat bahawa manusia sendirilah yang menciptakan perbuatannya dan ia akan dihisab berdasarkan perbuatannya itu kerana dia sendirilah yang menciptakannya. Adapun Jabariyah memiliki pendapat bahawa Allahlah yang menciptakan hambaNya beserta dengan perbuatannya sekali. Oleh yang demikian, manusia itu “dipaksa” melakukan perbuatannya dan ia tidak bebas memilihnya. Jadi, manusia itu diibaratkan seperti bulu yang diterbangkan angin, mengikutinya ke mana-mana saja.

Seseorang yang ingin mendapatkan kefahaman yang tepat tentang permasalahan qada' dan qadar ini haruslah terlebih dahulu memahami dengan benar akan dasar perbahasannya. Ternyata, masalah utamanya bukanlah persoalan tentang perbuatan manusia, jika dilihat dari sisi apakah ia diciptakan oleh Allah ataupun oleh dirinya sendiri. Ia juga sebenarnya tidak berkaitan dengan persoalan tentang Ilmu Allah, dilihat dari sisi apakah Allah SWT itu mengetahui tentang apa yang akan dilakukan oleh hambaNya, dan juga pengetahuanNya itu yang meliputi segenap perkara. Ia juga bukanlah berkaitan dengan persoalan tentang ketetapan Allah (Iradah Allah), dilihat dari sisi bahawa Iradah Allah itu berkaitan dengan perbuatan hambaNya, sehingga sesuatu perbuatan itu haruslah terjadi kerana adanya Iradah tadi. Ia juga tidak berhubungan langsung dengan persoalan tentang status perbuatan hambaNya yang sudah tertulis di dalam Lauhul Mahfudz—yang tidak boleh tidak seseorang hamba itu mesti melakukan perbuatan yang sesuai dengan apa yang telah tertulis di dalamnya.

Memang benar, perkara-perkara tadi bukanlah asas bagi perbahasan masalah qada' dan qadar. Ini kerana hal itu tiada hubungan pun jika dilihat dari sisi persoalan pahala dan dosa seseorang hamba ke atas sesuatu perbuatan. Sebaliknya

perbincangan di atas sebenarnya berkaitan dengan topik hakikat Penciptaan, Ilmu (Allah) yang meliputi segala sesuatu, dan Iradah-Nya ke atas segala perkara, termasuklah semuanya yang telah tercatat di dalam Lauhul Mahfudz. Perbincangan ini merupakan satu perbincangan yang lain, yang terpisah daripada topik tentang pahala dan dosa perbuatan manusia. Dengan kata lain, perbincangan tentang qada' dan qadar ini tidak relevan dengan pertanyaan-pertanyaan seperti “Apakah manusia itu dipaksakan melakukan perbuatan baik atau buruk, atautkah ia diberi kebebasan memilih?” Begitu juga dengan pertanyaan seperti “Apakah manusia itu diberi pilihan dalam melakukan suatu pekerjaan atau meninggalkannya, atau sama sekali tidak diberi hak untuk memilih (ikhtiyar)?”

Sesiapa sahaja yang mengamati perbuatan manusia itu akan dapat memahami bahawa pada hakikatnya manusia itu hidup di dalam dua lingkungan (da'irataini). Lingkungan yang pertama adalah ‘lingkungan yang dikuasainya’ yang ditetapkan—oleh Allah—bahawa semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia dalam ruang lingkup ini berada di bawah pilihannya sendiri. Sedangkan lingkungan yang kedua pula adalah “lingkungan yang menguasai dirinya”, iaitu pada lingkungan ini terjadinya perbuatan atau kejadian yang tidak boleh dipilih oleh manusia itu sendiri walau sedikit pun, baik perbuatan atau kejadian itu berasal dari dirinya ataupun yang menyimpannya.

Mengenai kejadian yang terjadi dalam lingkungan yang kedua ini, tiadanya campur tangan manusia dalam penetapannya mahupun pewujudannya. Ia dibahagikan kepada dua jenis: **Pertama**, perkara atau kejadian yang berada di dalam ketetapan *nizhamul wujud* (Sunnatullah/ hukum alam ketetapan Allah). Bentuk yang **Kedua** pula merupakan perkara atau kejadian yang berada di luar kawalan manusia namun ia

bukan berada dalam lingkungan atau terkategori sebagai ketetapan *nizhamul wujud*. Mengenai perkara yang berada di dalam ketetapan *nizhamul wujud*, manusia terpaksa tunduk kepadanya. Manusia berjalan sesuai dengan ketentuannya kerana manusia itu hidup bersama-sama dengan alam semesta dan kehidupan yang tunduk terhadap peraturan tertentu yang ditetapkan Allah yang tidak akan berubah. Justeru, semua perkara yang terjadi ke atas manusia di dalam lingkungan ini berlaku tanpa kehendaknya, dipaksakan dan ia tidak bebas memilih. Misalnya, manusia datang dan pergi meninggalkan dunia ini tanpa kemahuannya. Ia tidak boleh terbang ke udara dan berjalan di atas air hanya dengan hanya menggunakan badannya sendiri. Ia juga tidak boleh menciptakan atau menetapkan warna biji matanya, bentuk kepala dan saiz tubuhnya. Akan tetapi semua ini diciptakan oleh Allah SWT tanpa ada sebarang kata apa pun dari hambaNya. Ini kerana hanya Allahlah sahaja yang menciptakan *nizhamul wujud* dan menjadikan diri-Nya sendiri sebagai Pengatur alam ini, dan menjadikan alam ini berjalan sesuai dengan ketentuannya, tanpa ada sebarang kuasa pun yang dapat melanggarnya.

Mengenai perkara yang berlaku di luar kawalan manusia, yang tidak dapat dielakkan, manakala ia bukanlah terkategori sebagai ketetapan *nizhamul wujud*, ia pada hakikatnya adalah kejadian yang bertentangan dengan kehendak diri seseorang manusia itu dan tidak dapat dielakkan samada apakah ia berpunca dari perbuatan seseorang ataupun kejadian yang dengan sendirinya terjadi menimpa dirinya. Contoh perkara seperti ini adalah seperti: jika ada seseorang yang duduk di atas tembok lalu secara tidak sengaja terjatuh dan menimpa seseorang yang lain sehingga terbunuh; atau jika ada seseorang yang menembak burung lalu secara tidak sengaja tertembak seseorang sehingga terbunuh; atau berlaku kejadian kemalangan kereta atau kereta api yang tergelincir

daripada landasannya, atau pesawat yang terhempas dan sebagainya. Semua ini barangkali berlaku kerana ada kegagalan yang tidak dijangka yang disebabkan oleh juruterbang, pemandu atau pihak yang terlibat. Namun mereka tidak berupaya pun untuk mengelakkannya sehingga menyebabkan kematian dan sebagainya. Semua contoh kejadian yang seumpama ini samada ia berpunca dari tindakan seseorang mahupun berbentuk kejadian yang menimpa dirinya, tidak termasuk di dalam ketetapan *nizhamul wujud* (Sunatullah). Namun ia tetap berlaku di luar kehendaknya, dan ia tidak mampu pun untuk mengawalinya. Semua bentuk perkara yang berlaku di dalam lingkungan yang menguasai manusia, diistilahkan sebagai Qada', kerana Allah sendirilah yang telah menetapkannya. Oleh itu, manusia tidak akan dihisab terhadap perkara-perkara seperti ini, apakah ia dianggap bermanfaat, atau memudaratkan, atau apakah ia disukai ataupun tidak—walaupun hanya Allahlah sahaja yang Maha Mengetahui baik atau buruk di sebalik perkara ini—kerana manusia tidak mempunyai pengaruh ke atasnya. Manusia tidak memiliki sebarang maklumat pun mengenainya atau bagaimana ianya terjadi dan ditetapkan oleh Allah; malah manusia juga tidak mampu langsung untuk menghalang atau mengelakkannya. Justeru manusia wajib meyakini Qada' ini, dan bahawasanya ia hanyalah datang dari Allah.

Sementara bagi istilah Qadar pula, adalah jelas bahawa kejadian yang berlaku samada di dalam lingkungan yang menguasai ataupun lingkungan yang dikuasai manusia, berlaku melibatkan objek di alam semesta, manusia dan kehidupan. Allah menjadikan sifat-sifat (khasiat) tertentu dalam setiap benda/objek. Sebagai contoh, Dia menciptakan bagi api sifat (khasiat) membakar, dan pada kayu sifat (khasiat) terbakar, dan pada bilah pisau sifat boleh memotong. Dia menjadikan sifat-sifat yang sangat diperlukan dalam objek

mengikuti Sunatullah itu bahawa ianya tidak berubah. Apabila didapati bahawa sifat-sifat (khasiat) tersebut telah berubah, ia bermakna Allah telah menghapuskan sifat objek itu dan perkara seperti itu adalah sesuatu yang luar biasa. Ini merupakan mukjizat pernah yang berlaku kepada para Nabi. Sepertimana Allah menciptakan khasiat dalam objek, Dia juga telah menciptakan di dalam diri manusia terdapat naluri dan keperluan organik. Dia menciptakan di dalam naluri (gharizah) dan keperluan jasmani (hajatul udhawiyah) tersebut sifat-sifat tertentu. Oleh itu, Dia telah menciptakan di dalam naluri pembiakan sifat kecenderungan seksual. Dia menciptakan dalam keperluan jasmani sifat-sifat seperti lapar dan dahaga dan sebagainya. Dia menjadikan sifat-sifat ini tidak dapat dipisahkan daripada mereka mengikut nizhamul wujud (sunatullah). Sifat-sifat tertentu yang diciptakan oleh Allah dalam objek, naluri dan keperluan jasmani dipanggil al-Qadar. Ini adalah kerana Allah sahajalah mencipta objek, naluri, dan keperluan organik dan telah menetapkan (qaddara) di dalam mereka sifat-sifat mereka. Ciri-ciri ini tidak dihasilkan oleh objek-objek tersebut manakala manusia tidak mempunyai sebarang kaitan dan tidak pula mempengaruhi kewujudan mereka. Oleh itu, manusia mesti mempunyai iman bahawa Allah-lah yang telah menentukan terlebih dahulu sifat-sifat ini dalam objek. Walau bagaimanapun, sifat-sifat ini mempunyai kapasiti bagi manusia untuk dimanfaatkan melalui perbuatan sama ada mengikut perintah Allah, maka ia adalah baik, atau bertentangan dengan perintah-Nya, maka ia adalah buruk. Oleh itu, apabila melaksanakan perbuatan dengan memanfaatkan objek dengan sifat-sifat mereka atau dalam memenuhi naluri dan keperluan jasmani, jika (perbuatan ini) mengikut perintah dan larangan Allah, maka perbuatan ini akan dipanggil tindakan yang baik, dan akan dipanggil perbuatan yang buruk jika ia melanggar perintah dan larangan Allah.

Dengan demikian, semua perbuatan yang terjadi pada lingkungan yang menguasai manusia itu datangnya dari Allah, sama ada baik ataupun buruk. Begitu pula khasiat pada benda-benda, naluri serta kebutuhan jasmani adalah daripada Allah, baik perkara itu akan menghasilkan kebaikan ataupun keburukan. Oleh kerana itu, wajib bagi seorang muslim untuk beriman kepada qada, baik dan buruknya daripada Allah SWT. Dengan kata lain, ia wajib meyakini bahawa semua perbuatan/kejadian yang berlaku di luar kawalannya datangnya daripada Allah SWT. Wajib pula bagi seorang muslim untuk beriman kepada qadar, baik dan buruknya daripada Allah SWT, baik khasiat-khasiat tersebut akan menghasilkan kebaikan ataupun keburukan. Manusia sebagai makhluk tidak mempunyai apa-apa pengaruh dalam hal ini. Dia sendiri tidak memiliki upaya dalam masalah ajal, rezeki, dan dirinya. Semua itu daripada Allah SWT. Begitu juga, kecenderungan seksualnya yang terdapat pada gharizatul nau', kecenderungan memiliki sesuatu yang terdapat pada naluri mempertahankan diri (gharizatul baqa'), rasa lapar dan haus yang ada pada keperluan jasmaninya, semua itu datangnya daripada Allah SWT.

Penjelasan di atas tadi adalah pembahasan yang berkaitan dengan perbuatan-perbuatan yang terjadi di dalam lingkungan yang menguasai manusia, dan pada khasiat-khasiat seluruh benda yang ada. Manakala dalam lingkungan yang dikuasai oleh manusia, ia adalah lingkungan di mana manusia melakukannya secara sukarela di atas nizham (sistem) yang dipilihnya, apakah itu syariat Allah atau syariat lainnya. Dalam lingkungan ini, perbuatan atau kejadian berasal daripada atau menimpa manusia berlaku atas kehendaknya sendiri. Misalnya dia berjalan, makan, minum, dan musafir, pada bila-bila masa yang disukainya. Dia membakar dengan api dan memotong dengan pisau, sesuai dengan kehendaknya.

Begitu pula dia memuaskan keinginan seksualnya, keinginan memiliki barang, atau keinginan memenuhi perutnya sesuai dengan kemahuannya. Dia melakukannya atau tidak melakukannya secara sukarela. Oleh yang demikian, seluruh perbuatan manusia yang dilakukan di dalam lingkungan ini akan ditanya dan diminta pertanggungjawaban.


Meskipun khasiat-khasiat yang ada pada objek-objek, naluri-naluri, serta keperluan-keperluan jasmani yang telah ditakdirkan oleh Allah dan menjadikannya mempunyai kesan pengaruh yang menghasilkan suatu perbuatan, akan tetapi bukan khasiat-khasiat ini yang melakukan perbuatan, melainkan manusialah yang melakukannya ketika dia menggunakan khasiat-khasiat tersebut. Sebagai contoh, dorongan seksual yang ada pada gharizatun-nau', memang mempunyai potensi kebaikan atau keburukan. Begitu pula rasa lapar yang ada pada keperluan jasmani (hajatul udhawiyah), sama-sama mempunyai potensi kebaikan atau keburukan. Akan tetapi yang melakukan perbuatan baik atau buruk adalah manusia itu sendiri, bukan naluri atau kebutuhan jasmaninya. Ini kerana, Allah SWT telah menciptakan akal bagi manusia dan di dalam tabiat akal diciptakan kemampuan memahami serta mempertimbangkan.. Allah juga telah menunjukkan kepada manusia jalan yang baik dan yang buruk, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَهَدَيْنَاهُ النَّجْدَيْنِ﴾

*“Telah kami tunjukkan kepadanya dua jalan hidup (baik dan buruk)”*  
(TQS. Al-Balad [90]: 10)

Maka, Allah menjadikan di dalam akal itu kemampuan membuat pertimbangan, yang mana perbuatan yang maksiat

dan yang mana perbuatan yang baik (takwa), sebagaimana firman-Nya:



*“Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya.” (TQS. Asy-Syams [91]: 8)*


Jadi, apabila manusia memenuhi dorongan naluri dan keperluan jasmaninya sesuai dengan perintah Allah dan larangan-Nya, bermakna dia telah melakukan kebaikan dan berjalan pada jalan takwa. Namun, apabila manusia memenuhi dorongan naluri dan keperluan jasmaninya dengan cara berpaling daripada perintah Allah dan larangan-Nya, berarti dia telah melakukan perbuatan buruk dan berjalan di atas jalan kemaksiatan. Dalam dua keadaan tadi, manusialah yang menghasilkan perbuatan tidak kira, apakah perbuatan itu baik ataupun buruk, dan tanpa melihat lagi apakah perbuatan itu berasal dari dirinya atau yang menimpa dirinya. Dia sendirilah yang memenuhi keperluan selari dengan perintah Allah dan larangan-Nya, sehingga dia termasuk telah melakukan kebaikan dan dia sendiri pula yang memenuhi keperluannya dengan menentang perintah Allah dan laranganNya, sehingga digolongkan telah berbuat buruk. Atas dasar inilah manusia diminta pertanggungjawabannya terhadap seluruh perbuatan yang terjadi dalam lingkungan yang dikuasainya. Lalu dia diberi pahala atau diseksa, bergantung kepada perbuatannya kerana dia melakukannya secara sukarela tanpa ada paksaan sedikitpun.

Walaupun khasiat-khasiat naluri dan keperluan jasmani itu berasal daripada Allah, serta potensinya untuk melakukan perbuatan baik atau buruk juga berasal daripada Allah, namun Allah tidak menciptakan khasiat-khasiat itu dalam bentuk

yang memaksa manusia untuk melakukan suatu perbuatan, baik perbuatan itu diredhai Allah atau dimurkai-Nya, iaitu berupa perbuatan buruk ataupun baik. Khasiat membakar yang terdapat pada api, misalnya, tidak diciptakan untuk memaksa manusia membakar apa sahaja —baik yang diredhai Allah atau dimurkaiNya. Sebaliknya khasiat-khasiat ini dijadikan oleh Allah pada benda-benda, naluri-naluri dan keperluan jasmani agar boleh berfungsi apabila digunakan oleh manusia dalam bentuk yang tepat. Demikian juga, tatkala Allah menciptakan manusia dengan naluri dan kebutuhan jasmaninya, seraya diciptakan juga akal yang mampu membezakan (mumayyiz), maka Dia memberikan kepada manusia kebebasan memilih untuk melakukan perbuatan, atau meninggalkannya tanpa pernah dipaksa. Allah tidak pernah menciptakan khasiat-khasiat benda, naluri, atau kebutuhan jasmani sebagai sesuatu yang memaksa manusia untuk melakukan suatu perbuatan atau meninggalkannya. Kerana itu, manusia bebas melakukan suatu perbuatan ataupun meninggalkannya dengan menggunakan akalnya —yang memang mampu untuk membezakan (mumayyiz)- dan telah menjadikannya sebagai sandaran (manath) pembebanan kewajiban syariat.

Berdasarkan hal ini, Allah akan menganugerahkan pahala bagi perbuatan baik manusia, kerana akalnya telah memilih menjalani perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. Sedangkan bagi perbuatan buruk, Dia akan menyediakan seksaan, kerana akalnya telah memilih untuk melanggar perintah Allah dan larangan-Nya, iaitu ketika manusia memenuhi tuntutan naluri serta keperluan jasmaninya bukan dengan cara yang telah diperintahkan Allah. Jadi, balasan terhadap perbuatan seperti ini merupakan balasan yang hak serta adil, kerana manusia bebas memilih tanpa ada sebarang paksaan. Perkara ini tidak ada kaitannya dengan qada' dan

qadar. Malah yang difokuskan ialah tindakan si hamba sendiri dalam melakukan suatu perbuatan secara sukarela. Dengan demikian manusia bertanggung jawab sepenuhnya atas perbuatannya sendiri, sebagaimana firman Allah:



*“Setiap diri bertanggung jawab atas apa yang telah diperbuatnya”*  
(TQS. Al-Mudatstsir [74]: 38)

Adapun mengenai Ilmu Allah, sesungguhnya ilmu-Nya tidak memaksa manusia untuk melakukan suatu perbuatan. Allah telah mengetahui sebelumnya bahawa manusia akan melakukan perbuatannya itu. Sesuatu perbuatan itu dilakukan bukan didorong oleh Ilmu Allah malah sebaliknya Ilmu Allah bersifat azali bermaksud Allah mengetahui bahawa dia akan melakukan perbuatan tersebut. Mengenai adanya tulisan di dalam Lauh al-Mahfudz, tidak lain merupakan perlambangan tentang betapa Maha Luasnya Ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu.

Begitu juga dengan Iradah Allah yang tidak memaksa manusia untuk melakukan suatu perbuatan. Yang dimaksud dengan Iradah Allah adalah “tidak akan terjadi sebarang perkara di malakut (alam kekuasaan)-Nya kecuali atas kehendak-Nya”. Dengan kata lain, tidak ada sesuatu di alam ciptaan-Nya ini yang terjadi berlawanan dengan kehendak-Nya. Jadi, apabila manusia melakukan suatu perbuatan tanpa dicegah atau tanpa dipaksakan oleh Allah, dan dia dibiarkan melakukannya secara sukarela, maka pada hakikatnya manusia telah melakukan perbuatan tersebut berdasarkan Iradah Allah, bukan berlawanan dengan kehendak-Nya. Perbuatan tersebut dilakukan manusia secara sukarela berdasarkan pilihannya.

Sedangkan Iradah Allah tidak memaksanya untuk melakukan perbuatan itu.

Demikianlah penjelasan tentang qada' dan qadar. Pembahasan masalah ini dapat mendorong manusia untuk melakukan kebaikan dan menjauhi keburukan, selama dia sadar bahawa Allah sentiasa mengawasinya serta akan meminta pertanggungjawaban. Manusia akan menyedari pula bahawa Allah SWT telah menganugerahkannya kebebasan memilih untuk melakukan suatu perbuatan ataupun meninggalkannya. Jika manusia tidak bijak menggunakan hak pilihannya itu, tentulah dia akan terperosok ke dalam Jahanam, memperoleh seksa yang pedih. Oleh itu, seorang mukmin sejati yang memahami hakikat qada' dan qadar, hakikat nikmat akal dan nikmat hak pilihan yang telah dikurniakan Allah, akan kita dapati bahawa dia akan berwaspada dan takut kepada Allah SWT. Dia akan selalu berusaha melaksanakan seluruh perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, kerana takut ditimpa azab Allah serta merindukan Syurga-Nya. Bahkan dia menginginkan yang lebih besar daripada semua itu, iaitu keredhaan Allah SWT (ridwanullah).

# **KEPEMIMPINAN BERFIKIR DALAM ISLAM**

## **(AL-QIYADATUL FIKRIYAH FIL ISLAM)**

Ikatan patriotisme (raabitah al-wataniyyah) tumbuh di kalangan masyarakat, tatkala tahap berfikir manusia mulai merosot. Ikatan ini terjadi ketika manusia mulai hidup bersama dalam suatu wilayah tertentu dan tidak berganjak dari situ. Saat itu, naluri mempertahankan diri sangat mendorong mereka untuk mempertahankan negaranya, tempat di mana mereka hidup dan bergantung kepadanya. Maka dari sinilah munculnya ikatan patriotisme, yang tergolong ikatan yang paling lemah dan rendah nilainya. Ikatan ini dapat dilihat di kalangan binatang-binatang serta burung-burung begitu juga di kalangan manusia. Ia dimanifestasikan secara emosional. Ikatan seumpama ini muncul ketika terdapat ancaman pihak asing yang hendak menyerang atau menaklukkan suatu negara. Tetapi apabila suasananya kembali aman daripada serangan musuh atau musuh tersebut dapat dilawan dan diusir dari negara itu, sirnalah ikatan ini. Kerana itu, ikatan ini rendah nilainya.

Adapun ikatan nasionalisme/kebangsaan (raabitah al-qaumiyyah) tumbuh di kalangan masyarakat pada saat pemikiran manusia mulai sempit(dhaaif). Ikatan ini mirip dengan ikatan kekeluargaan, hanya sedikit lebih luas. Munculnya ikatan nasionalisme kerana apabila naluri mempertahankan diri bertambah kuat dalam diri manusia, kemudian wujud pula kecintaan terhadap dominasi/ketuanan

(hubbul siyadah) dalam dirinya. Keinginan untuk mendominasi merupakan sifat individualistik dalam diri manusia yang rendah tahap berfikirnya. Apabila tahap kesedarannya melebar dan pemikirannya pun meluas, maka keinginan terhadap wilayah dominasi bertambah luas, sehingga timbul keinginan untuk melihat keluarganya mendominasi. Keinginan tersebut terus melebar sesuai dengan perkembangan pemikirannya, sampai suatu tahap timbul pula keinginan melihat bangsanya mendominasi/berkuasa di negara tersebut. Apabila mereka telah mendapatkan ketuanan tersebut, dia pun ingin bangsanya menguasai bangsa-bangsa yang lain. Inilah yang menjadikan penyebab timbulnya pelbagai persengketaan dalaman antara individu-individu dalam sebuah keluarga yang saling berebut pengaruh. Sehingga apabila seseorang telah berhasil menjadi pemimpin dalam keluarga itu —tentunya setelah lebih dahulu memenangi persaingan dengan anggota keluarga yang lain— persengketaan kemudian beralih antara keluarga itu dengan keluarga-keluarga yang lain, yang masing-masing berusaha menundukkan yang lainnya dalam soal kepemimpinan, sampai akhirnya dimenangi oleh satu keluarga tertentu atau dicapai oleh beberapa keluarga yang bergabung menjadi satu. Tetapi tidak lama kemudian timbul lagi persengketaan baru antara kelompok keluarga itu menghadapi kelompok keluarga yang lain, dalam soal kedaulatan dan mencapai taraf kehidupan yang tinggi. Keadaan seperti ini menimbulkan rasa fanatisme golongan (ta'ashub) dalam diri para anggota dalam ikatan ini. Mereka dikuasai oleh hawa nafsu dalam usahanya membela anggotanya melawan anggota bangsa yang lain. Dengan demikian, ikatan semacam ini tidak sesuai dengan martabat manusia. Ikatan ini sentiasa menimbulkan pelbagai persengketaan dalaman, sekiranya tidak disibukkan dengan berbagai-bagai perselisihan dengan pihak luar (keluarga, suku, bangsa, dan lain-lain).

Berdasarkan hal ini, ikatan partriotik merupakan ikatan yang rosak (tabi'atnya buruk) kerana tiga sebab:

- 1) Sebab mutu ikatannya rendah, sehingga tidak mampu mengikat antara seorang manusia dengan yang lainnya untuk menuju kebangkitan dan kemajuan.
- 2) Sebab ikatannya bersifat emosional, yang muncul daripada naluri mempertahankan diri, iaitu perasaan untuk membela diri. Di samping itu, ikatan yang bersifat emosional sangat cenderung untuk berubah-ubah, sehingga tidak boleh dijadikan ikatan yang kekal antara seorang manusia dengan yang lain.
- 3) Sebab ikatannya bersifat sementara (temporal), iaitu muncul hanya pada saat membela diri apabila datangnya ancaman. Sedangkan dalam keadaan stabil, iaitu keadaan normal, ikatan ini tidak muncul. Dengan demikian, ikatan patriotik tidak boleh dijadikan pengikat antara sesama manusia.

Begitu juga dengan ikatan nasionalisme/kebangsaan termasuk ikatan yang rosak kerana tiga sebab:

- 1) Sebab berlandaskan pada kabilah/keturunan, sehingga tidak boleh dijadikan pengikat antara seorang manusia dengan yang lainnya menuju kebangkitan dan kemajuan.
- 2) Sebab ikatannya bersifat emosional, yang muncul secara spontan daripada naluri mempertahankan diri, yang menyebabkan terdapat keinginan dan cita-cita untuk berkuasa atau mendominasi.
- 3) Sebab ikatannya tidak manusiawi, sebab menimbulkan konflik antara sesama manusia dalam merebut kekuasaan. Kerana itu, tidak boleh menjadi pengikat antara sesama manusia.

Selain itu, terdapat juga ikatan-ikatan yang rosak yang dianggap oleh sebahagian orang sebagai alat untuk mengikat anggota masyarakat, iaitu “ikatan kemaslahatan (ar-raabitah al-maslahiyah)” dan ikatan kerohanian (ar-raabitah al-ruhiyah) yang mana tidak memiliki sebarang peraturan.

Ikatan kemaslahatan juga tidak lain ikatan yang sementara sifatnya, tidak boleh dijadikan pengikat antara manusia. Hal ini disebabkan adanya peluang tawar-menawar (berkompromi) dalam mengejar kemaslahatan-kemaslahatan yang lebih besar, sehingga kewujudanya akan hilang begitu sahaja apabila ada kemaslahatan lain yang lebih besar daripadanya. Ikatan ini juga akan berakhir dan memisahkan antara manusia apabila kemaslahatan mereka berbeza. Lebih-lebih lagi apabila kemaslahatan ini sudah terpenuhi, maka ikatan ini akan berakhir. Jadi, ikatan ini amat berbahaya bagi para pengikutnya.

Adapun ikatan kerohanian yang tidak memiliki peraturan, hanya kelihatan dari aspek keagamaan sahaja dan tidak dimanifestasikan dalam kancah kehidupan. Oleh itu, ikatan kerohanian bersifat parsial –juziyyah (terbatas pada aspek kerohanian semata) dan tidak praktikal, sehingga tidak layak menjadi pengikat antara manusia dalam seluruh aspek kehidupannya. Dari sini jelas bahawa akidah yang dianut kaum Nashrani tidak dapat dijadikan pengikat antara bangsa-bangsa Eropah, walaupun semuanya menganut akidah tersebut, kerana tergolong ikatan kerohanian yang tidak memiliki peraturan hidup sama sekali.

Maka seluruh ikatan yang dinyatakan tadi tidak layak dijadikan pengikat antara manusia dalam meraih kebangkitan dan kemajuan. Ikatan yang benar untuk mengikat manusia

dalam kehidupannya adalah aqidah aqliyah (akidah yang sampai melalui proses berpikir) yang melahirkan sebuah peraturan hidup yang menyeluruh. Inilah yang disebut sebagai ikatan ideologi (ar raabitah al mabdaiyyah).

Mabda adalah aqidah aqliyah yang melahirkan sistem. Akidah adalah pemikiran menyeluruh tentang alam semesta, manusia, dan kehidupan; serta tentang apa yang ada sebelum dan setelah kehidupan, di samping hubungannya dengan sebelum dan setelah alam kehidupan. Manakala sistem yang muncul daripada akidah tersebut, ia merupakan penyelesaian-penyelesaian kepada pelbagai masalah manusia, cara pelaksanaan (kaifiat/method) bagi penyelesaian-penyelesaian tersebut, memelihara akidahnya serta mengemban mabda tersebut. Penjelasan tentang cara pelaksanaan (kaifiat), pemeliharaan akidah, dan penyebaran risalah dakwah inilah yang dinamakan thariqah (metodologi). Sedangkan yang selain itu, iaitu akidah dan berbagai-bagai penyelesaian bagi masalah kehidupan termasuk dalam fikrah. Jadi mabda terdiri daripada dua bahagian, iaitu fikrah dan thariqah.

Mabda (ideologi) mesti wujud di dalam minda seseorang, baik melalui wahyu Allah yang diperintahkan untuk mendakwahnya atau melalui kejeniusan yang nampak pada diri orang itu. Mabda yang muncul dalam minda manusia melalui wahyu Allah adalah mabda yang benar. Oleh sebab ianya bersumber dari Al-Khaliq, iaitu Pencipta alam, manusia, dan kehidupan, yakni Allah SWT. Oleh itu, mabda ini kebenarannya pasti (qath'i). Sementara mabda yang muncul dalam minda manusia kerana kejeniusan yang nampak pada dirinya adalah mabda yang salah (bathil). Kerana berasal dari akal manusia yang terbatas, yang tidak mampu memahami semua benda dalam alam ini. Di samping itu, pemahaman manusia terhadap peraturan-peraturan yang lahir daripada

sesuatu mabda selalu menimbulkan perbezaan, perselisihan, dan pertentangan, serta dipengaruhi oleh persekitaran tempat dia hidup. Ini akan mengakibatkan terhasilnya sebuah peraturan yang saling bertentangan, yang mendatangkan kesengsaraan bagi manusia. Kerana itu, mabda yang muncul dari minda seseorang adalah mabda yang salah, baik dilihat dari segi akidahnya mahupun peraturan yang lahir dari akidah tersebut.

Oleh yang demikian, asas suatu mabda (ideologi) adalah pemikiran menyeluruh mengenai alam semesta, manusia, dan kehidupan manakala thariqahnya yang mana menjadikan mabda ini terwujud dan terlaksana dalam kehidupan adalah suatu keperluan bagi idea itu sendiri agar mabda itu terwujud. Pemikiran dasar yang menyeluruh menjadi asas, kerana ia merupakan akidah bagi mabda. Akidah itu pula yang menjadi al-qa'idah al-fikriyah (kaedah berfikir) sekaligus sebagai kepemimpinan berfikir (al-qiyadah al-fikriyah). Dengan landasan ini dapatlah ditentukan arah tuju pemikiran manusia dan pandangan hidupnya. Dengan landasan itu juga dibangunkan seluruh pemikiran dan seluruh penyelesaian kehidupan pula akan terbit daripadanya. Keberadaan thariqah (metodologi) merupakan suatu kemestian, kerana peraturan-peraturan yang lahir dari akidah itu apabila tidak memiliki penjelasan-penjelasan; tentang bagaimana cara (kaifiyat) penyelesaiannya secara praktikal, bagaimana cara (kaifiyat) memelihara/melindungi akidah, bagaimana cara (kaifiyat) mengemban dakwah untuk menyebarkan mabda; maka pemikiran dasar ini hanya akan menjadi falsafah khayalan dan teori belaka, yang tercantum dalam lembaran-lembaran buku, tanpa mempengaruhi kehidupan. Jadi, sebuah akidah itu iaitu penyelesaian-penyelesaian kehidupan dan juga thariqahnya (cara pelaksanaannya) perlu wujud bersama-sama agar mabda'nya boleh terwujud.

Walau bagaimanapun, adanya fikrah dan thariqah pada suatu akidah yang memancarkan peraturan, tidak bererti bahawa mabda itu pasti benar. Itu hanya sekadar menunjukkan ia merupakan sebuah mabda tidak lebih daripada itu. Yang menjadi indikasi benar atau salahnya suatu mabda adalah akidah mabda itu sendiri, apakah ianya benar atau salah. Ini kerana kedudukan akidah sebagai qa'idah fikriyah, yang menjadi asas bagi setiap pemikiran yang muncul. Akidah jugalah yang menentukan pandangan hidup dan yang melahirkan setiap penyelesaian kepada masalah kehidupan serta pelaksanaannya (thariqah). Jika qa'idah fikriyah-nya benar, maka mabda itu benar. Sebaliknya, jika qa'idah fikriyah-nya salah, maka mabda itu dengan sendirinya salah sejak dari akarnya.

Qaidah fikriyah ini apabila sesuai dengan fitrah manusia dan dibina berlandaskan akal, maka bererti termasuk kaedah yang benar. Sebaliknya, jika bertentangan dengan fitrah manusia atau tidak dibangunkan berlandaskan akal, maka kaedah itu bathil. Yang dimaksud dengan qaidah fikriyah itu sesuai dengan fitrah manusia, adalah pengakuannya terhadap apa yang ada dalam fitrah manusia, berupa kelemahan dan keperluan manusia terhadap Yang Maha Pencipta, Pengatur segalanya. Dengan kata lain, qaidah fikriyah itu sesuai dengan naluri beragama (gharizah tadayyun). Manakala yang dimaksudkan dengan qaidah fikriyah itu dibina berdasarkan akal adalah bahawa kaedah ini tidak dibina berlandaskan materi (benda) atau mengambil sikap jalan tengah (compromise).

Apabila kita telusuri dunia ini, kita hanya menjumpai tiga mabda (ideologi) sahaja, iaitu:

**Kapitalisme** (raksimaaliyyah), **Sosialisme** (Asytiraakiyyah) termasuk Komunisme (asyshuyu'iyyah), dan **Islam**. Dua mabda pertama, masing-masing diemban oleh satu atau beberapa negara. Sedangkan mabda yang ketiga iaitu Islam, tidak diemban oleh mana-mana negarapun, sebaliknya diemban oleh individu-individu dalam masyarakat-masyarakat yang berbeza. Sekalipun demikian, mabda ini tetap ada di seluruh penjuru dunia.

Kapitalisme berdiri atas asas pemisahan agama dengan kehidupan (sekularisme). Idea (fikrah) ini menjadi akidahnya (sebagai asas), sekaligus sebagai qiyadah fikriyah (kepemimpinan berfikir), serta qa'idah fikriyah (kaedah berfikir)-nya. Berlandaskan qa'idah fikriyah ini, mereka berpendapat bahawa manusia berhak membuat sistem kehidupannya sendiri. Oleh yang demikian, mereka mesti mempertahankan kebebasan (hurriyyah) manusia yang terdiri daripada kebebasan berakidah (hurriyat ul-'aqeedah), berpendapat (hurriyat urra'i), hak milik (hurriyat ul-milkiyyah), dan kebebasan peribadi (al-hurriyat ushshakhsiyyah). Dari kebebasan hak milik ini lahirlah sistem ekonomi kapitalis, yang termasuk perkara paling menonjol dalam mabda ini atau yang dihasilkan oleh akidah mabda ini. Oleh kerana itu, mabda tersebut dinamakan mabda kapitalisme. Sebuah nama yang diambil dari aspek yang paling menonjol dalam mabda tersebut.

Mengenai demokrasi, yang dianuti oleh mabda ini, berasal daripada pandangannya bahawa manusia berhak membuat sistemnya sendiri. Menurut mereka, rakyat adalah sumber kekuasaan, rakyatlah yang membuat undang-undang, rakyat pula yang menggajikan pemerintah untuk memerintahnya, rakyat berhak mencabut kembali kekuasaan itu daripada pemerintah sekiranya mereka mahu, dan

termasuk menggubal undang-undang sesuai dengan kehendaknya. Hal ini kerana memerintah dalam sistem demokrasi adalah sebuah kontrak kerja antara rakyat dengan pemerintah, yang digaji untuk menjalankan roda pemerintahan sesuai dengan undang-undang yang telah dibuat oleh rakyat.

Sekalipun demokrasi berasal daripada ideologi mabda ini, akan tetapi ia kurang menonjol berbanding dengan sistem ekonominya. Buktinya sistem kapitalisme di Barat ternyata sangat mempengaruhi para pemerintahnya (kerajaan) sehingga mereka terpaksa tunduk kepada para kapitalis (pemilik modal). Bahkan boleh dikatakan bahawa para kapitalislah yang menjadi penguasa yang sebenarnya di negara-negara yang menganut mabda kapitalis ini. Tambahan pula, demokrasi bukanlah ciri khas dari mabda ini, sebab komunis juga mendakwa bahawa mereka juga demokratik dan menyerukan untuk memberi hak memerintah kepada rakyat. Jadi, lebih tepat bila mabda ini dinamakan mabda kapitalisme.

Kelahiran mabda ini bermula ketika maharaja dan rajaraja di Eropah dan Rusia menjadikan agama sebagai alat untuk mengeksploitasi, menganiaya dan menghisap darah rakyat. Para tokoh agamawan waktu itu dijadikan perisai untuk mencapai keinginan mereka. Maka timbulah pergolakan sengit, yang kemudian membawa kebangkitan bagi para ahli falsafah dan cendekiawan sehinggakan sebahagian mereka menafikan kewujudan agama secara mutlak. Sedangkan sebahagian yang lain mengakui kewujudan agama, tetapi menyerukan agar dipisahkan dari kehidupan dunia. Sampai akhirnya pendapat majoriti daripada kalangan para ahli falsafah dan cendekiawan itu cenderung memilih idea yang memisahkan agama daripada kehidupan, yang kemudian menghasilkan usaha pemisahan antara agama dengan negara.

Mereka juga bersepakat dengan pendapat untuk mengelak daripada mempersoalkan agama, dilihat dari segi apakah diakui atau ditolak kerana fokus permasalahannya adalah agama itu semestinya dipisahkan dari kehidupan. Idea ini dianggap sebagai kompromi (jalan tengah) antara tokoh agamawan yang menghendaki semua perkara perlu tunduk kepada mereka —dengan mengatasnamakan agama— dengan para ahli falsafah dan cendekiawan yang menafikan adanya agama dan dominasi para tokoh agamawan. Jadi, idea sekularisme sama sekali tidak menafikan adanya agama, tetapi pada masa yang sama tidak memberikan kepada agama peranan dalam kehidupan. Apa yang mereka lakukan adalah memisahkannya daripada kehidupan. Akibatnya, akidah yang dianuti Barat secara keseluruhan adalah sekularisme, pemisahan agama daripada kehidupan. Akidah ini merupakan qa'idah fikriyah yang menjadi landasan bagi setiap pemikiran. Di atas asas inilah ditentukan setiap arah pemikiran manusia dan arah pandangan hidupnya. Berdasarkan akidah ini juga, semua masalah kehidupan akan diselesaikan lalu ideologi ini dijadikan sebagai qiyadah fikriyah yang diemban oleh Barat dan disebarluaskan ke seluruh dunia

Akidah sekular, yang memisahkan agama daripada kehidupan, secara tersiratnya mengiktiraf kewujudan agama, dengan cara itu mereka mengakui kewujudan Pencipta alam semesta, manusia, dan hidup, serta mengakui adanya Hari Kebangkitan kerana semua itu ialah asas-asas agama bagi sebuah agama. Dengan pengakuan ini bererti terdapat idea tentang alam semesta, manusia, dan hidup, serta apa yang ada sebelum dan setelah kehidupan dunia, sebab mereka tidak menolak kewujudan agama. Namun tatkala ditetapkan bahawa agama mesti dipisahkan daripada kehidupan, maka pengakuan itu akhirnya hanya sekadar formaliti semata-mata kerana sekalipun mereka mengakui kewujudannya, tetapi pada

dasarnya mereka menganggap bahawa kehidupan dunia ini tidak ada hubungannya dengan apa yang ada sebelum dan setelah kehidupan dunia. Anggapan ini muncul ketika dinyatakan berlakunya pemisahan agama daripada kehidupan, dan bahawasanya agama hanya sekadar hubungan antara individu dengan Penciptanya sahaja. Dengan demikian, di dalam akidah sekular secara tersirat terkandung pemikiran menyeluruh tentang alam semesta, manusia, dan kehidupan. Berdasarkan huraian di atas, maka mabda kapitalisme dianggap sebagai sebuah mabda, sebagaimana mabda-mabda yang lainnya.

Adapun sosialisme (al-ashtiraakiyyah), termasuk juga komunisme (ash-shuyu'iyah), memandang bahawa alam semesta, manusia, dan kehidupan adalah hanyalah materi (benda). Bahawa materi adalah asal-muasal semua benda. Melalui perkembangan dan evolusi materi ini, benda-benda lainnya terwujud. Dengan itu, di sebalik alam materi tidak pernah ada alam yang lain. Materi bersifat azali (tak berawal dan tak berakhir), qadim (terdahulu) dan tidak diciptakan oleh sesiapaupun. Dengan kata lain bersifat wajibul wujud (wajib adanya). Penganut ideologi ini menafikan penciptaan alam ini oleh Zat Yang Maha Pencipta. Mereka menafikan aspek kerohanian, dan beranggapan bahawa pengiktirafan kewujudan aspek rohani sebagai ancaman kepada kehidupan. Oleh kerana itu, agama dianggap sebagai candu masyarakat yang melemahkan dan menghambat mereka daripada bertindak. Bagi mereka tidak ada sesuatu yang berwujud kecuali hanya materi, bahkan menurut mereka, berfikir pun merupakan cerminan/refleksi dari materi ke dalam otak. Materi bagi mereka adalah asal muasal pemikiran dan juga asal bagi semua benda, dan melalui proses evolusi materialistiknya maka terwujudlah semua benda. Maka dengan itu mereka mengingkari kewujudan Pencipta dan

menganggap materi itu bersifat azali, sekaligus menafikan adanya sesuatu sebelum dan sesudah kehidupan dunia. Oleh yang demikian, mereka tidak mengiktiraf yang lain kecuali kehidupan dunia ini saja.

Meskipun kedua-dua mabda kapitalisme dan sosialisme ini berbeza pendapat dalam idea asas tentang manusia, alam, dan kehidupan akan tetapi kedua-duanya bersepakat bahawa nilai-nilai yang paling tinggi dan terpuji pada manusia adalah nilai-nilai yang ditetapkan oleh manusia itu sendiri. Kebahagiaan itu pada pandangan mereka adalah dengan menikmati sebanyak mungkin kesenangan hidup yang bersifat jasmaniah. Menurut pandangan kedua-dua mabda ini, cara itu adalah jalan untuk mencapai kebahagiaan. Bahkan, itulah kebahagiaan yang sebenarnya. Kedua-duanya juga sependapat dalam memberikan kebebasan peribadi kepada manusia, bebas melakukan apa sahaja semahunya menurut apa yang diinginkannya selama dia melihat dalam perbuatannya itu terdapat kebahagiaan. Oleh itu, tingkah laku atau kebebasan peribadi merupakan sesuatu yang diagung-agungkan oleh kedua-dua mabda ini.

Kedua-dua ideologi ini memiliki pandangan yang berbeza terhadap individu dan masyarakat. Kapitalisme adalah mabda individualistik, yang berpendapat bahawa masyarakat terbentuk daripada individu-individu. Mabda ini memandang masyarakat sebagai persoalan kedua, dan melihat persoalan individu lebih utama. Di dalam kapitalisme kebebasan individu wajib dijamin. Dari sinilah kebebasan berakidah (memilih agama dan kepercayaan semahunya) adalah sebahagian dari apa yang mereka agung-agungkan, sama halnya dengan kebebasan memiliki hak yang mereka bangga-banggakan dan tidak membatasi kebebasan tersebut oleh falsafahnya tetapi dibatasi oleh campur tangan negara demi menjamin kebebasan

tersebut. Negara menerapkan batasan-batasan ini dengan kekuatan polis dan melalui penguatkuasaan undang-undang. Namun demikian negara hanya berfungsi sebagai alat bukan tujuan. Jadi kedaulatan tetap dimiliki individu dan bukan dimiliki negara. Mabda kapitalisme mengemban kepemimpinan berfikir (qiyadah fikriyah)- untuk memimpin bangsa-bangsa- iaitu pemisahan agama dengan kehidupan. Dengan kepemimpinan berfikir ini kapitalisme menjalankan roda pemerintahan dan sistem-sistemnya, menyerukannya, serta berusaha terus-menerus untuk menerapkannya di setiap tempat.

Sosialisme termasuk komunisme adalah sebuah mabda yang memandang masyarakat sebagai satu kesatuan yang menyeluruh, yang terdiri daripada manusia dan hubungannya dengan alam. Hubungan ini bersifat mutlak dan pasti, serta manusia tunduk kepadanya dengan sendirinya secara mutlak. Kesatuan ini secara keseluruhan merupakan satu bahagian yang tak terpisahkan, yang terdiri daripada alam, manusia, dan hubungannya, yang tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lain. Manusia secara individu merupakan bahagian daripada alam. Faktor ini menonjol pada diri manusia. Manusia tidak akan berevolusi tanpa berinteraksi atau tanpa bergantung dengan aspek ini, iaitu alam. Hubungannya dengan alam merupakan hubungan antara sesama zat. Sewajarnya masyarakat dianggap sebagai sebuah unit yang memiliki tiga elemen tersebut yang berevolusi secara serentak. Masing-masing berputar mengikuti yang lain sebagaimana berputarnya jejari dalam sebuah roda. Oleh yang demikian, mereka tidak mengenal istilah kebebasan berakidah dan kebebasan ekonomi bagi individu masing-masing. Akidahnya ditentukan berdasarkan keinginan negara, demikian juga halnya dengan ekonomi. Oleh kerana itu, negara termasuk salah satu perkara yang disucikan oleh mabda ini. Bertolak

daripada falsafah materialistik ini lahirlah sistem-sistem kehidupan manakala sistem ekonominya telah dianggap sebagai asas utama dan merupakan ciri-ciri utama daripada keseluruhan sistemnya. Mabda sosialisme, termasuk komunisme, mengemban kepimpinan berfikir (qiyadah fikriyyah)- untuk memimpin bangsa-bangsa- iaitu (dialektika) materialisme dan evolusi materialistik . Di atas asas inilah mereka menjalankan roda pemerintahan dan sistem-sistemnya serta menyerukannya dan berusaha untuk menerapkannya di mana-manapun.

Sedangkan Islam menerangkan bahawa di sebalik alam semesta, manusia, dan kehidupan, terdapat Al-Khaliq (Yang Maha Pencipta) yang menciptakan segalanya, iaitu Allah SWT. Asas mabda ini adalah keyakinan akan kewujudan Allah SWT. Akidah ini yang menentukan aspek rohani, iaitu bahawa manusia, kehidupan, dan alam semesta diciptakan oleh Al-Khaliq. Oleh itu, hubungan antara alam sebagai makhluk, dengan Allah SWT sebagai Pencipta adalah aspek rohani yang ada pada alam. Nampak juga hubungan antara kehidupan sebagai makhluk dengan Allah SWT sebagai Pencipta, yang menjadi aspek rohani pada kehidupan. Demikian pula halnya dengan hubungan manusia sebagai makhluk, dengan Allah sebagai Pencipta, merupakan aspek rohani yang ada pada manusia. Dengan demikian, roh (spiritual) adalah kesedaran manusia akan hubungan dirinya dengan Allah SWT.

Iman kepada Allah SWT harus disertai dengan iman kepada kenabian Muhammad SAW, risalahnya; juga bahawa Al-Quran itu adalah Kalamullah. Oleh itu, wajib beriman terhadap semua perkara yang dibawakan oleh Muhammad SAW. Akidah Islam menetapkan bahawa sebelum kehidupan ini ada sesuatu yang wajib diimani keberadaannya, iaitu Allah SWT, dan mengimani alam sesudah kehidupan dunia, iaitu Hari Kiamat, dan bahawa manusia di dalam kehidupan dunia

ini terikat dengan perintah-perintah Allah dan larangan-larangan-Nya, yang merupakan hubungan kehidupan ini dengan apa sebelumnya. Manusia akan diminta pertanggungjawaban ke atas kepatuhan terhadap perintah-perintahNya dan menjauhi larangan-laranganNya. Pertanggungjawaban ini menunjukkan hubungan antara kehidupan ini dengan alam setelah kehidupan ini. Setiap muslim mesti mengetahui hubungan dirinya dengan Allah ketika melakukan suatu perbuatan, sehingga seluruh amal perbuatannya sesuai dengan perintah-perintah dan larangan-larangan Allah. Inilah yang dimaksud dengan perpaduan antara materi (benda) dengan ruh. Di samping itu, tujuan akhir dari kepatuhannya terhadap perintah-perintah Allah SWT dan larangan-larangan-Nya adalah mendapatkan reda Allah semata-mata. Sementara matlamat segera yang ingin dicapai oleh manusia pelaksanaan perbuatan adalah tercapainya nilai (kehidupan), yang dihasilkan oleh amal perbuatannya.

Dengan demikian matlamat-matlamat (al-ahdaafu) yang paling ideal untuk menjaga masyarakat bukan ditentukan oleh manusia, akan tetapi berasal daripada perintah-perintah Allah dan larangan-larangan-Nya, yang mana aturan-aturan tersebut tetap (malar) keadaannya, tidak akan pernah berubah atau berevolusi. Oleh kerana itu, perlindungan terhadap kehidupan manusia, akal, kehormatan manusia, jiwa, hak milik individu, agama, keamanan dan negara, adalah merupakan matlamat-matlamat utama yang tetap, tidak akan pernah berubah atau berevolusi. Islam telah meletakkan hukuman-hukuman yang berat untuk menjaga matlamat yang tetap (malar) ini. Maka dibuatlah hukum-hukum yang berkaitan hudud (jenis pelanggaran dan hukumannya ditetapkan Allah SWT) dan uqubat (hukuman jenayah) untuk memelihara matlamat-matlamat yang bersifat tetap tadi. Pelaksanaan pemeliharaan matlamat-matlamat ini adalah wajib kerana

termasuk di dalam perintah-perintah dan larangan-larangan Allah SWT, bukan kerana matalamat ini menghasilkan nilai-nilai kebendaan (mashlahat dan keuntungan bagi masyarakat dan negara, pent.). Demikianlah, baik setiap muslim mahupun negara, perlu menjalankan seluruh aktiviti selari dengan perintah-perintah Allah dan larangan-larangan-Nya. Negara adalah pihak yang mengatur seluruh urusan rakyat, dan melaksanakan aktiviti sesuai dengan perintah-perintah Allah dan larangan-larangan-Nya. Melaksanakan perbuatan selari dengan perintah dan larangan Allah satu-satunya cara yang memberikan kesejahteraan kepada seorang muslim. Jadi, kebahagiaan itu bukan sekadar memuaskan keperluan jasmani dan memberikan keseronokan, melainkan mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Mengenai keperluan jasmani (hayatul udhawiyah) dan naluri (gharizah) manusia, Islam telah mengaturnya dengan cara yang menjamin pemenuhan seluruh keperluannya, baik yang berkaitan keperluan perut yang lapar, keperluan terhadap lawan jenis, keperluan rohani, atau keperluan-keperluan lainnya. Namun demikian bukan bererti pemenuhan sebahagian keperluan ini akan mengorbankan keperluan yang lain; juga bukan mengekang sebahagian lalu memberi kebebasan kepada sebahagian yang lain, tidak juga memberi kebebasan kepada seluruhnya. Sebaliknya, Islam menyelaraskannya dan memuaskan seluruh keperluan manusia dengan sistem yang terperinci, sehingga manusia mampu mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan, serta mencegahnya daripada terjerumus ke dalam lembah kehaiwanan — iaitu pelampiasan naluri tanpa kendali.

Untuk menjamin pengaturan keperluan jasmani dan naluri ini, Islam memandang jemaah (masyarakat) dengan pandangan sebuah kesatuan tidak terpisah-pisah. Islam

memandang individu sebahagian daripada jemaahnya bukan terpisah daripadanya. Meskipun menjadi sebahagian daripada keseluruhan, ia tidak bermakna posisi individu tersebut seperti jejari dalam roda, melainkan dia dilihat sebahagian daripada suatu keseluruhan, sebagaimana tangan yang merupakan bahagian dari tubuh. Islam memerhatikan individu sebagai bahagian daripada jemaah, bukan individu yang terpisah. Memelihara individu tersebut akan membawa kepada pemeliharaan keseluruhan jemaah. Pada masa yang sama, Islam juga memerhatikan keberadaan jemaah yang menjadi wadah dan terdiri daripada bahagian-bahagian tertentu, iaitu individu-individu yang ada di dalam jemaah di mana pemeliharaan terhadap jemaah akan membawa kepada pemeliharaan ke atas individu-individunya yang menjadi sebahagian daripada jemaah. Rasulullah SAW bersabda:

«مَثَلُ الْقَائِمِ عَلَى حُدُودِ اللَّهِ وَالْوَاقِعِ فِيهَا كَمَثَلِ قَوْمٍ اشْتَهَمُوا عَلَى سَفِينَةٍ فَأَصَابَ بَعْضُهُمْ أَعْلَاهَا وَبَعْضُهُمْ أَسْفَلَهَا فَكَانَ الَّذِينَ فِي أَسْفَلِهَا إِذَا اسْتَقَوْا مِنَ الْمَاءِ مَرُّوا عَلَى مَنْ فَوْقَهُمْ، فَقَالُوا: لَوْ أَنَا خَرَقْنَا فِي نَصِيبِنَا خَرْقًا وَلَمْ نُؤْذِ مَنْ فَوْقَنَا، فَإِنْ تَرَكَوهُمْ وَمَا أَرَادُوا هَلَكُوا جَمِيعًا، وَإِنْ أَخَذُوا عَلَى أَيْدِيهِمْ نَجَوْا وَنَجَّوْا جَمِيعًا»

*“Perumpamaan orang-orang yang mencegah melakukan maksiat dan yang melanggarnya adalah seperti kaum yang menumpang kapal. Sebahagian daripada mereka berada di bahagian atas dan yang lain berada di bahagian bawah. Jika orang-orang yang berada di bawah memerlukan air, mereka perlu melewati orang-orang yang berada di atasnya. Lalu mereka berkata: ‘Andai sahaja kami lubangkan (kapal) pada bahagian kami, tentu kami tidak akan menyakiti orang-orang yang berada di atas kami’. Tetapi jika yang demikian itu dibiarkan oleh*

*orang-orang yang berada di atas (padahal mereka tidak menghendaki), akan binasalah seluruhnya. Dan jika dikehendaki dari tangan mereka keselamatan, maka akan selamatlah semuanya". (HR. Bukhari)*

Pandangan Islam tentang hubungan antara jamaah dengan individu inilah yang memberikan persepsi yang khas terhadap masyarakat. Individu-individu yang merupakan sebahagian daripada jamaah mesti memiliki pemikiran-pemikiran (afkar) yang mengikat di antara mereka dan menjadikan pemikiran-pemikiran tersebut asas-asas kehidupan mereka. Mereka mesti berkongsi satu perasaan (mashaa'ir) yang sama yang akan mempengaruhi tingkah laku dan mendorong mereka untuk melakukan sesuatu. Tambahan lagi, mereka perlu memiliki satu peraturan/sistem yang dapat memberikan penyelesaian kepada seluruh persoalan-persoalan kehidupan mereka. Oleh itu, masyarakat adalah terdiri daripada individu-individu manusia (al-insaan), pemikiran (al-afkar), perasaan (al-mashaa'ir), dan peraturan (al-nizham). Manusia dalam kehidupannya mesti terikat (muqayyaadan) dengan pemikiran, perasaan, dan peraturan ini. Oleh itu, bagi seorang muslim semua perkara dalam kehidupannya mesti terikat (muqayyaadan) dengan Islam, sehingga dia tidak memiliki kebebasan mutlak. Akidah seorang muslim telah mengikat dirinya dengan batas-batas Islam dan tidak dibiarkan bebas. Maka mana-mana muslim yang murtad bermakna dia telah melakukan kesalahan yang sangat besar yang layak dibunuh apabila tidak segera kembali bertaubat kepada Islam. Begitu juga aspek peribadi (syakhsiyah), seorang muslim juga terikat dengan sistem Islam. Berdasarkan hal ini perbuatan zina tergolong dalam jenayah dan pezina berhak diberikan hukuman berat tanpa ada perasaan belas kasihan dan dilakukan di hadapan khalayak ramai, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَلْيَشْهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ﴾

“(Dan) hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang yang beriman” (TQS. An-Nur [24]: 2).

Begitu juga dengan meminum khamr (arak), termasuk tindakan jenayah di mana pelakunya layak mendapat hukuman. Penganiayaan terhadap orang lain termasuk juga jenayah yang hukumannya bergantung kepada jenis pelanggaran yang dilakukannya misalnya menuduh berbuat zina (qazaf), membunuh, dan sebagainya. Aspek ekonomi juga terikat dengan syariat Islam dan sebab-sebab pemilikan yang dibolehkan syarak untuk individu memilikinya, serta sifat kepemilikannya yang merupakan izin dari Syari' (Allah SWT) untuk memperoleh manfaat sesuatu benda. Perlanggaran terhadap batasan-batasan ini merupakan suatu jenayah yang hukumannya berbeza-beza bergantung kepada jenis perlanggarannya, seperti mencuri, mrompak, dan sebagainya. Oleh kerana itu, negara wajib melindungi jemaah dan individu dan menerapkan sistem di tengah-tengah masyarakat. Di samping itu perlu ada pengaruh mabda (Islam) dalam diri penganutnya, agar perlindungan tersebut bersifat alami (tabii) yang datang dari dalam masyarakat itu sendiri. Jadi, mabdalah yang mengikat dan melindungi masyarakat, sementara negara adalah pelaksanaannya (perundangan).

Berdasarkan hal ini, maka kedaulatan (as-siyaadah) adalah milik syarak, bukan milik negara atau umat, sekalipun kekuasaan (as-sulthan) berada di tangan umat, yang dimanifestasikan di dalam negara. Oleh sebab itu, maka negara adalah satu-satunya thariqah (metodologi) yang ditempuh untuk menerapkan sistem, di samping menjadikan taqwallah pada individu mukmin sebagai sandaran untuk menerapkan

hukum-hukum Islam. Oleh sebab itu, diperlukan sistem yang mesti diterapkan oleh negara, begitu pula halnya dengan nasihat dan dorongan agar individu mukmin menerapkan Islam berdasarkan taqwallah. Dengan demikian Islam adalah akidah dan nizham (sistem); atau dengan kata lain mabda Islam adalah fikrah dan thariqah yang merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada fikrah tersebut. Sistem Islam lahir daripada akidah manakala peradabannya (hadharah) memiliki model dan ciri yang unik dalam kehidupan. Metodologi (thariqah) Islam dalam pengembangan dakwah adalah diterapkannya Islam oleh negara dan diemban sebagai qiyadah fikriyah ke seluruh dunia. Thariqah (metodologi) Islam dalam mengemban dakwah adalah dengan penerapannya oleh negara dan menyebarkan ke seluruh dunia sebagai kepimpinan berfikir yang dijadikan asas pemahaman dan pengamalan Islam. Pelaksanaan Islam dalam masyarakat, yang ditadbir oleh sistemnya merupakan cara mengemban dakwah Islam (kepada mereka), kerana memperlakukan hukum-hukum Islam ke atas non-Muslims merupakan thariqah (metodologi) dakwah yang praktikal. Pelaksanaan ini mempunyai kesan yang besar dalam mewujudkan dunia Islam yang luas.

Ringkasnya, mabda (ideologi) yang wujud di dunia ini ada tiga, iaitu kapitalisme, sosialisme termasuk komunisme, dan Islam. Setiap ideologi ini memiliki akidahnya sendiri yang melahirkan sistem-sistem, sebuah ukuran bagi perbuatan manusia di dalam kehidupan, sebuah pandangan yang khas terhadap masyarakat, dan memiliki thariqah (metodologi) tertentu dalam melaksanakan setiap sistemnya.

Dari segi akidah, ideologi komunis memandang bahawa semua benda berasal daripada materi (maaddah) dan semua benda tersebut terwujud daripadanya melalui evolusi

materialistik. Sedangkan ideologi kapitalisme memandang bahwa agama mesti dipisahkan daripada kehidupan. Maka lahirlah ideologi sekular, yang memisahkan agama dengan negara. Para kapitalis tidak ingin membahaskan apakah di sana terdapat Pencipta atau tidak. Mereka –baik yang mengakui eksistensi-Nya mahupun yang tidak— hanya memfokuskan bahwa Pencipta tidak ada hak untuk campur tangan dalam kehidupan tidak kira sama ada kewujudanNya diakui atau tidak. Akibatnya, mereka yang mengakui kewujudan Pencipta dengan mereka yang menafikannya adalah sama sahaja dalam akidah Kapitalis, iaitu pemisahan agama daripada kehidupan.

Islam memandang bahwa Allah adalah Pencipta setiap benda yang wujud. Dialah yang mengutus para Nabi dan Rasul dengan membawa agama-Nya bagi seluruh umat manusia yang mana kelak manusia akan dihisab atas setiap perbuatannya di Hari Kiamat. Oleh itu, akidah Islam mencakupi keimanan kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para RasulNya, dan Hari Kiamat, serta qada' dan qadar, baik buruknya daripada Allah SWT.

Walau bagaimanapun, mengenai cara bagaimana lahirnya sesuatu sistem daripada akidah, ideologi komunis memandang bahwa sesuatu sistem diambil daripada alat-alat pengeluaran (production tools). Pada masyarakat feodal, misalnya, kapak menjadi alat pengeluaran. Dengan penggunaan kapak ini lalu ditetapkan sistem feodalisme. Jika masyarakat berevolusi menjadi masyarakat kapitalis, lalu jentera dan mesin dijadikan alat pengeluarannya. Dengan penggunaan mesin ini terbentuklah sistem kapitalisme. Jadi, peraturan mabda itu diambil daripada evolusi materialistik.

Berbebza pula dengan ideologi kapitalis, yang memandang bahawa oleh sebab manusia telah memisahkan agama daripada kehidupan, maka menjadi satu kemestian bagi manusia untuk membuat sistemnya sendiri tentang kehidupan. Oleh itu, sistem yang dibina dalam sistem kapitalis diambil daripada realiti kehidupan manusia, dan kemudian dibuatlah sistemnya sendiri.

Sedangkan Islam memandang bahawa Allah SWT telah menentukan bagi manusia sistem untuk dilaksanakan dalam kehidupan. Dia mengutus Muhammad SAW untuk membawa sistem-Nya untuk disampaikan kepada manusia. Maka manusia wajib mengikuti sistem-Nya. Justeru itu, apabila seseorang Muslim menemukan masalah kehidupan, dia mengkaji masalah tersebut dan menggali (istinbath) penyelesaiannya daripada Kitab (Al-Quran) dan Sunnah.

Ditinjau dari segi ukuran (miqiyas) perbuatan dalam kehidupan, ideologi komunis memandang bahawa dialektika materialisme - iaitu sistem materialistik sebagai ukuran (miqiyas) dalam kehidupan manusia. Jadi apabila materi berevolusi, maka ukurannya juga berevolusi. Ideologi kapitalisme yang memandang bahawa ukuran perbuatan dalam kehidupan adalah "kemanfaatan". Berasaskan manfaat inilah suatu perbuatan itu dinilai dan dilaksanakan. Berbeza dengan Islam, yang memandang bahawa ukuran (miqiyas) perbuatan dalam kehidupan adalah halal dan haram, iaitu perintah-perintah Allah dan larangan-larangan-Nya. Apa yang halal dikerjakan dan apa yang haram ditinggalkan. Ukuran ini tidak akan mengalami evolusi mahupun perubahan. Ukuran ini juga tidak ditentukan oleh manfaat, tetapi hanya ditentukan oleh syarak semata-mata.

Dari segi pandangannya terhadap masyarakat, ideologi komunis menganggap bahwa masyarakat ialah sebuah kumpulan gabungan unsur yang terdiri daripada tanah, alat-alat pengeluaran, alam dan manusia yang mana kesemua itu dianggap sebagai materi (benda). Tatkala alam berevolusi, maka kesemua benda yang ada di dalamnya berevolusi termasuk juga manusia, yang mendorong masyarakat berevolusi secara keseluruhan. Akhirnya, masyarakat tunduk kepada evolusi materialistik. Oleh itu, manusia mestilah menjana penentangan-penentangan demi mendorong proses evolusi ini. Apabila masyarakat berevolusi, individu akan turut berevolusi pula, justeru individu sentiasa berputar bersama masyarakatnya, seperti putaran jejari pada sebuah roda.

Ideologi kapitalisme menganggap bahawa masyarakat terdiri daripada individu-individu. Apabila urusan individu ini teratur, maka dengan sendirinya urusan masyarakat akan teratur pula. Fokus perhatiannya hanya pada individu-individu sahaja. Sementara tugas negara adalah bekerja untuk kepentingan individu. Maka ideologi tersebut adalah ideologi individualistik.

Sedangkan ideologi Islam memandangkan bahawa asas berdirinya sesebuah masyarakat (al-mujtama'a) adalah akidah, di samping pemikiran (afkar), perasaan (mashaa'ir), dan sistem (nizham) yang lahir daripada akidah. Apabila pemikiran dan perasaan Islam menjadi dominan (saada), dan sistem Islam diterapkan (thabaqin) di tengah-tengah masyarakat, akan terwujud masyarakat Islam. Jadi, masyarakat itu terdiri daripada kumpulan manusia, pemikiran, perasaan, dan peraturan. Islam juga memandangkan bahawa seorang manusia dengan manusia lainnya akan membentuk sebuah jamaah. Tetapi masyarakat tetap tidak akan terbentuk kecuali jika

mereka menganut pemikiran yang sama, berkongsi perasaan yang sama, serta diterapkannya sistem yang sama di tengah-tengah mereka. Ini kerana yang mewujudkan hubungan sesama manusia adalah faktor kemashlahatan. Jika masyarakat telah menyamakan pemikirannya tentang kemashlahatan; juga perasaan mereka, sehingga rasa reda dan marahnya menjadi sama; ditambah pula adanya penerapan sistem yang sama, yang mampu menyelesaikan pelbagai macam persoalan; maka terbentuklah hubungan antara sesama anggota masyarakat. Namun, jika terdapat perbezaan dalam pemikiran masyarakat terhadap kemashlahatan, seterusnya berbeza perasaannya, berbeza rasa reda dan marah (benci)nya, berbeza pula sistem yang digunakan untuk menyelesaikan persoalan antara manusia, maka tidak akan terwujud hubungan sesama manusia yang akhirnya masyarakat tidak akan terbentuk. Dengan demikian, masyarakat Islam terbentuk daripada manusia, pemikiran, perasaan, dan sistem. Inilah yang mewujudkan adanya hubungan dan yang membuat jamaah itu menjadi sebuah masyarakat yang unik.

Maka dapat difahami, seandainya seluruh manusia itu muslim, sedangkan pemikiran-pemikiran yang dibawanya adalah demokrasi dan kapitalisme, perasaan-perasaan yang dimilikinya adalah spiritualisme rohaniawan (yang tidak memiliki sistem), nasionalisme atau patriotisme; sistem yang diterapkan adalah kapitalisme-demokrasi, maka masyarakatnya menjadi masyarakat yang tidak Islami sekalipun majoriti penduduknya adalah kaum muslimin.

Dari segi penerapan sistem, ideologi komunis memandang bahawa negara adalah satu-satunya institusi yang berhak menerapkan sistem melalui kekuatan tentera dan undang-undang yang keras. Negaralah yang mengatur dan bertanggung jawab terhadap seluruh urusan individu dan

kelompok masyarakat. Negara pula yang berhak mengubah sistem. Sedangkan ideologi kapitalisme memandang bahawa negara adalah pihak yang menjaga kebebasan. Jika seseorang melanggar kebebasan individu lainnya, maka negara akan mencegah tindakan tersebut. Keberadaan negara adalah sarana untuk menjamin adanya kebebasan. Namun, jika seseorang tidak mengganggu kebebasan orang lain, sekalipun dia mengeksploitasi dan merampas hak-hak orang lain, namun dengan kerelaan orang tersebut, maka hal itu tidak termasuk tindakan melanggar kebebasan. Dalam hal ini negara tidak boleh turut campur kerana kewujudan negara adalah untuk menjamin kebebasan.

Berbeza dengan Islam yang memandang bahawa sistem tersebut yang dilaksanakan oleh setiap individu mukmin dengan dorongan taqwallah yang tumbuh dalam jiwanya. Ia juga dilaksanakan oleh negara dengan keadilan yang dapat dirasakan oleh jamaah, dengan kerjasama antara umat dan pemerintah dalam amar ma'ruf nahi munkar; serta dengan kekuatan negara. Dalam Islam, negara bertanggungjawab terhadap urusan jamaah tetapi negara tidak mengurus kepentingan individu, kecuali bagi mereka yang lemah (tidak mampu). Selain itu, sistem Islam tidak mengalami perubahan langsung. Negara memiliki autoriti untuk memilih dan menetapkan (tabanni) hukum-hukum syarak jika terdapat satu atau lebih pendapat ijtihad dalam sesuatu isu.

Dari sisi lain qiyadah fikriyah Islam tidak bertentangan dengan fitrah manusia, walaupun sangat mendalam namun sangat mudah difahami, cepat membuka akal dan hati manusia, bersemangat untuk memahami dengan mendalam rinciannya dan penuh penghargaan. Beragama merupakan hal yang fitrah dalam diri manusia. Setiap manusia menurut fitrahnya cenderung kepada agama dan tiada satu kekuatanpun yang

dapat mencabut fitrah ini daripada manusia, kerana ianya memang wujud dalam diri manusia. Sementara tabi'at manusia merasakan bahawa dirinya serba kurang, selalu merasa bahawa ada kekuatan lain yang lebih sempurna berbanding dirinya yang perlu diagungkan. Beragama merupakan keperluan terhadap Pencipta Yang Maha Pengatur, yang muncul daripada kelemahan manusia dan bersifat alami sejak manusia diciptakan. Jadi, beragama merupakan naluri yang bersifat tetap yang selalu mendorong manusia untuk mengagungkan dan mensucikan-Nya. Oleh sebab itu, manusia cenderung untuk beragama dan sentiasa menyembah sesuatu sepanjang sejarah tamadun manusia. Ada yang menyembah manusia, menyembah bintang-bintang, batu, binatang, api, dan lain sebagainya. Tatkala Islam muncul, akidah yang dibawanya bertujuan untuk mengalihkan umat manusia daripada penyembahan terhadap makhluk-makhluk kepada penyembahan terhadap Allah yang menciptakan semua makhluk.

Akan tetapi ketika muncul ideologi (dialektika) materialisme, yang menafikan kewujudan Allah dan roh, ternyata idea ini tidak mampu memusnahkan kecenderungan beragama. Ideologi ini hanya boleh mengalihkan pandangan manusia kepada suatu kekuatan yang lebih besar berbanding dirinya dan mengalihkan perasaan taqdis kepada kekuatan besar tersebut. Menurut mereka, kekuatan itu berada di dalam ideologi dan diri para pengikutnya. Mereka membatasi taqdis hanya pada kedua unsur tersebut. Ini bererti mereka telah mengembalikan manusia keterbelakang, iaitu mengalihkan penyembahan kepada Allah ke penyembahan makhluk-makhluk-Nya; daripada pengagungan ayat-ayat Allah kepada pemujaan terhadap doktrin-doktrin yang diucapkan makhluk-makhluk-Nya. Semua ini menyebabkan kemunduran manusia. Mereka tidak mampu memusnahkan fitrah beragama,

melainkan hanya mengalihkan fitrah manusia secara keliru kepada kesesatan, malah mengembalikannya kepada keterbelakang. Oleh itu, qiyadah fikriyyah ideologi materialistik (Komunisme) adalah kepimpinan berfikir yang negatif yang menolak fitrah manusia. Berdasarkan hal ini, qiyadah fikriyahnya telah gagal daripada perspektif ini. Malah ia hanya pandai manipulasikan masyarakat melalui apa yang menarik bagi perut mereka. Ia menarik ba mereka yang lapar, yang takut dan yang berputus asa. Mereka yang menganut ideologi ini adalah mereka yang berfikiran singkat, mereka yang gagal dalam hidup dan membenci kehidupan, dan mereka yang mempunyai pemikiran yang berbelit-belit yang mahu dilihat sebagai intelektual tatkala mereka berbicara mengenai teori dialetika materialisme. Padahal teori tersebut kebathilan dan kerosakannya sangat jelas kelihatan baik secara intelektual mahupun secara realiti. Ia selalu menggunakan paksaan demi menundukkan orang ramai terhadap ideologinya. Justeru itu, penindasan, tekanan, huru hara, kekacauan, kemusnahan dan ketidakstabilan merupakan sarana-sarananya yang paling penting.

Demikian pula qiyadah fikriyah kapitalisme bertentangan dengan fitrah manusia, iaitu naluri beragama. Ini kerana naluri beragama dimanifestasikan dalam aktiviti pentaqdisan begitu juga dalam pengaturan manusia terhadap aktiviti hidupnya. Perbezaan dan percanggahan akan kelihatan sekiranya manusia mengambil alih pengaturan ini. Hal ini menunjukkan tanda kelemahan manusia dalam mengatur aktiviti. Kerana itu, agama (yang diwahyukan oleh Pencipta) mestilah dapat mengatur seluruh amal perbuatan manusia dalam kehidupan. Menjauhkan agama dari kehidupan jelas bertentangan dengan fitrah manusia. Namun bukan bererti adanya agama dalam kehidupan menjadikan seluruh amal perbuatan manusia terbatas hanya pada aktiviti ibadah saja. Sebaliknya agama

dalam kehidupan adalah untuk mengatasi pelbagai persoalan kehidupan manusia sesuai dengan sistem yang Allah perintahkan. Sistem ini lahir daripada akidah yang mengakui fitrah manusia, iaitu naluri beragama. Menjauhkan sistem ini lalu menggantikannya dengan sistem yang lahir daripada akidah yang tidak sesuai dengan naluri beragama adalah bertentangan dengan fitrah manusia. Oleh itu, qiyadah fikriyah kapitalisme telah gagal dilihat dari segi fitrah manusia. Ia adalah qiyadah fikriyah negatif, yang memisahkan agama daripada kehidupan; menjauhkan aktiviti beragama daripada kehidupan; menjadikan masalah agama sebagai masalah individu (bukan masalah masyarakat); sekaligus menjauhkan sistem yang Allah perintahkan, daripada menyelesaikan permasalahan manusia.

Qiyadah fikriyah Islam adalah qiyadah fikriyah yang positif kerana menjadikan akal sebagai dasar untuk beriman kepada kewujudan Allah. Qiyadah ini mengarahkan perhatian manusia terhadap alam semesta, manusia, dan kehidupan, sehingga membuat manusia meyakini dengan kukuh (jazm) akan adanya Allah yang telah menciptakan makhluk-makhluk-Nya. Di samping itu qiyadah ini menunjukkan kesempurnaan mutlak yang selalu dicari oleh manusia kerana dorongan fitrahnya yang mana kesempurnaan tersebut tidak terdapat pada manusia, alam semesta, dan kehidupan. Qiyadah fikriyah ini memandu akal kepada Yang Maha Kuasa, agar menyedari kewujudanNya dan mengimaniNya.

Qiyadah fikriyah komunisme bersandar kepada materialisme bukan berdasarkan akal, sekalipun dihasilkan oleh akal. Komunisme menyatakan bahawa materi itu ada sebelum adanya pemikiran (pengetahuan). Segala sesuatu berasal daripada materi, itulah materialisme. Sedangkan qiyadah fikriyah kapitalisme bersandar pada penyelesaian

jalan tengah (kompromi) yang dicapai setelah terjadinya perhentangan berdarah yang berlangsung hingga berabad-abad antara para agamawan gereja dan cendekiawan Barat, yang kemudian menghasilkan idea pemisahan agama daripada negara. Oleh yang demikian, qiyadah fikriyah komunisme dan kapitalisme telah gagal kerana kedua-duanya bertentangan dengan fitrah manusia dan tidak dibangunkan berdasarkan akal.

Berdasarkan keterangan tadi, hanya qiyadah fikriyah Islamlah satu-satunya qiyadah fikriyah yang benar, sedangkan qiyadah fikriyah lainnya adalah rosak. Qiyadah fikriyah Islam dibangunkan berdasarkan akal, amat berzedada dengan qiyadah fikriyah lainnya yang tidak dibangunkan berlandaskan akal. Qiyadah fikriyah Islam juga sesuai dengan fitrah manusia, sehingga mudah diterima oleh manusia. Sedangkan qiyadah fikriyah lainnya berlawanan dengan fitrah manusia.

Hal ini kerana qiyadah fikriyah komunisme dibangun berlandaskan materialisme bukan akal adalah kerana ideologi ini menyatakan bahawa materi mendahului pemikiran (pengetahuan). Jadi, tatkala materi terefleksi ke dalam otak, maka akan menghasilkan pemikiran; kemudian otak akan memikirkan/mempertimbangkan hakikat materi yang direfleksikan ke otak. Sebelum refleksi ke otak itu terjadi, tidak akan muncul pemikiran. Dengan demikian, segala perkara dibangunkan atas materi. Jadi, dasar akidah komunisme dan juga qiyadah fikrahnya adalah materi bukan pemikiran.

Pendapat di atas adalah salah dilihat daripada dua aspek: **Pertama**, sebenarnya tidak ada refleksi (pantulan) antara materi dengan otak. Otak tidak melakukan refleksi terhadap materi. Materi juga tidak berefleksi terhadap otak. Untuk merefleksikan sesuatu diperlukan sesuatu objek yang boleh

memantulkan, seperti cermin, agar proses refleksi terjadi. Kenyataannya, hal semacam itu tidak dijumpai baik pada otak mahupun pada realiti materi. Kerana itu, tidak ada sama sekali refleksi antara materi dengan otak. Materi tidak dipantulkan oleh otak begitu juga (gambaran tentang) materi tidak berpindah ke otak. Malah, yang berpindah ke otak adalah pencerapan materi melalui panca indera. Hal ini bukan refleksi materi dengan otak, dan bukan pula refleksi otak terhadap materi. Yang terjadi adalah pencerapan tentang materi ke otak melalui panca indera. Tidak ada perbezaan dalam proses tersebut antara mata dengan panca indera yang lainnya. Penginderaan dapat dilakukan dengan proses meraba, mencium, merasa, mendengar sebagaimana halnya melihat. Dengan demikian yang terjadi atas materi bukan merupakan refleksi terhadap otak, melainkan pencerapan dan penginderaan ke atas sesuatu. Maka manusia mengindera benda-benda melalui lima panca inderanya, dan benda-benda tersebut sesama sekali bukan direfleksikan ke otak.

**Kedua**, sesungguhnya penginderaan sahaja tidak cukup menghasilkan pemikiran, tetapi hanya menghasilkan penginderaan semata-mata iaitu sebuah penginderaan terhadap objek yang nyata. Penginderaan yang diulang-ulang meskipun sampai sejuta kali, tetap saja hanya menghasilkan penginderaan dan tidak menghasilkan pemikiran sama sekali. Diperlukan informasi-informasi terdahulu (ma'lumat saabiqah) bagi manusia yang akan menginterpretasikan fakta yang diinderanya itu sehingga menghasilkan suatu pemikiran. Sebagai contoh jika kita bawakan kepada manusia yang ada sekarang buku berbahasa Assyria, sementara dia tidak memiliki informasi yang berkaitan dengan bahasa Assyria; lalu dibiarkan mencerap tulisan itu baik dengan penglihatan mahupun dengan perabaan; diberi kesempatan menginderanya berkali-kali — meskipun sejuta kali— maka dia tetap tidak mungkin

mengetahui satu katapun sampai diberikan kepadanya informasi tentang bahasa Assyria dan apa saja yang berkaitan dengan bahasa tersebut. Pada saat itulah dia dapat berfikir dan mampu memahaminya. Contoh lain adalah anak kecil yang sudah mampu mengindera, tetapi belum memiliki informasi (pengetahuan). kepadanya dibawakan sepotong emas, tembaga, dan batu. Lalu dibiarkan inderanya mencerap ketiga benda tersebut; maka dia tidak akan mampu memahaminya sekalipun diulang berkali-kali dengan menggunakan berbagai jenis panca inderanya. Namun jika diberikan kepadanya informasi tentang ketiga benda tersebut kemudian dia menginderanya; maka dengan menggunakan informasi sebelumnya ia mampu memahami hakikat ketiga-tiga benda tadi. Anak kecil ini walaupun telah dewasa hingga berusia 20 tahun sedangkan dia belum mendapatkan satu informasipun, maka keadaannya tetap seperti awal, hanya mampu mengindera sesuatu tetapi tidak mampu memahaminya sekalipun otaknya berkembang. Apa yang menjadikannya memahami suatu fakta yang diinderanya bukanlah otak, melainkan informasi-informasi yang diperoleh sebelumnya yang diterima oleh otaknya.

Itu dilihat dari segi pemahaman akal. Adapun dari segi persepsi naluri (*al-idrak ash-shu'uri*) yang berupa perasaan, maka hal ini muncul daripada naluri dan keperluan jasmani manusia. Apa yang terjadi pada haiwan, terjadi pula pada manusia. Jika disodorkan kepada bayi secara berulang-ulang buah apel dan batu, dia akan mengerti bahawa apel dapat dimakan, sedangkan batu tidak. Begitu pula halnya dengan keledai dia akan mampu mengenali bahawa gandum dapat dimakan sedangkan tanah tidak. Pembezaan ini berlaku bukan melalui pemikiran dan akal, tetapi melalui respon terhadap naluri dan keperluan jasmani. Pada haiwan ada dan pada manusia juga ada. Justeru itu, tidak mungkin pemikiran itu ada

kecuali terdapat informasi (pengetahuan) yang diperoleh sebelumnya, di samping pencerapan terhadap fakta melalui panca indera ke otak.

Berdasarkan hal ini, maka akal, pemikiran, dan pemahaman (idrak), merupakan pencerapan terhadap fakta melalui panca indera ke otak, disertai dengan pengetahuan (informasi) yang diperoleh sebelumnya, yang dapat menjelaskan (hakikat) realiti tersebut. Dengan demikian qiyadah fikriyah komunis jelas-jelas keliru dan rosak, kerana tidak dibina berdasarkan akal. Sama rosaknya dengan pengertian mereka tentang pemikiran dan akal.

Qiyadah fikriyah kapitalisme yang dibangun berdasarkan jalan tengah (kompromi) antara tokoh-tokoh gereja dengan cendekiawan, setelah terjadinya konflik berdarah dan berlangsung terus-menerus selama beberapa abad. Penyelesaian jalan tengah itu adalah pemisahan agama daripada kehidupan, iaitu mengakui keberadaan agama secara tidak langsung, tetapi dipisahkan daripada kehidupan. Jadi, qiyadah fikriyah ini tidak dibangun berlandaskan akal, tetapi dibangun atas dasar penyelesaian kompromi. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa pemikiran jalan tengah merupakan hal yang mendasar bagi mereka. Mereka mengkompromikan antara haq dan bathil, antara keimanan dengan kekufuran, cahaya dengan kegelapan; dengan menempuh jalan tengah. Padahal jalan tengah itu tidak ada faktanya. Persoalannya adalah pilihan yang jelas sama ada yang haq atau yang bathil, iman atau kufur, cahaya atau kegelapan. Tetapi jalan tengah (kompromi) yang di atasnya terdapat bangunan akidah dan qiyadah fikriyah mereka, telah menjauhkannya dari kebenaran, keimanan, dan cahaya. Maka

dengan itu, qiyadah fikriyah kapitalisme rosak, kerana tidak dibina berlandaskan akal.

Qiyadah fikriyah Islam dibangun berlandaskan akal yang mewajibkan kepada setiap muslim untuk mengimani kewujudan Allah, kenabian Muhammad SAW, kemukjizatan Al-Quran Al-Karim dengan menggunakan akalnya. Juga mewajibkan beriman ke atas perkara ghaib yang mana ia dinyatakan daripada suatu sumber yang telah terbukti kebenarannya melalui akal seperti Al-Quran dan Hadis Mutawatir. Dengan demikian, qiyadah fikriyah ini dibina berlandaskan akal.

Ini dilihat dari segi akal. Adapun dari segi fitrah (manusia), maka qiyadah fikriyah Islam sesuai dengan fitrah; sebab ia mempercayai kewujudan agama dan kewajiban merealisasikan agama dalam kehidupan ini, serta menjalankan kehidupan sesuai dengan perintah dan larangan Allah. Beragama itu sesuai dengan fitrah kerana salah satu ciri penampakan naluri ini adalah taqdis (mengangungkan sesuatu). Taqdis berlawanan dengan reaksi naluri-naluri lainnya di mana ia memiliki sifat tabii naluri yang tertentu, iaitu mempercayai agama. Jadi, beriman kepada agama dan wajib bagi manusia beramal di dalam kehidupan sesuai dengan perintah dan larangan Allah, merupakan sesuatu yang naluriah kerana ia sesuai dengan fitrah manusia, maka mudah diterima oleh manusia.

Ini berbeza dengan qiyadah fikriyah komunisme dan kapitalisme. Kedua ideologi ini bertentangan dengan fitrah manusia. Qiyadah fikriyah komunisme menafikan kewujudan agama secara mutlak bahkan menentang pengiktirafan agama. Justeru ia bertentangan dengan fitrah manusia. Sedangkan qiyadah fikriyah kapitalisme, tidak mengakui peranan agama,

namun tidak pula menafikannya. Ia tidak menjadikan pengakuan atau penafian terhadap agama sebagai sesuatu yang penting tetapi mewajibkan pemisahan agama daripada kehidupan. Ia menganjurkan bahawa kehidupan manusia berlandaskan manfaat belaka, yang tidak ada hubungannya dengan agama. Dari sini jelas bahawa qiyadah fikriyah kapitalisme bertentangan dengan fitrah manusia.

Berdasarkan hal ini hanya qiyadah fikriyah Islam yang layak bagi manusia kerana kesesuaiannya dengan fitrah dan akal manusia. Selain qiyadah fikriyah Islam, adalah bathil. Hanya qiyadah fikriyah Islam saja yang benar, dan satu-satunya qiyadah fikriyah yang akan berjaya (dalam mengatur kehidupan manusia).

Tinggal satu masalah lagi; Apakah kaum Muslimin pernah menerapkan Islam? Ataupun mereka hanya memeluk akidah Islam sementara mereka menerapkan sistem dan hukum-hukum lain? Jawapan kepada soalan ini adalah Umat Islam, sepanjang sejarahnya hanya menerapkan sistem Islam, sejak Rasulullah SAW berada di Madinah sampai tahun 1336 H (1918 M), iaitu tatkala jatuhnya Daulah Islam yang terakhir ke tangan penjajah. Saat itu penerapan sistem Islam mencakupi seluruh aspek kehidupan, bahkan negara berhasil menerapkannya dengan sangat gemilang.

Adapun kenyataan bahawa kaum Muslim telah menerapkan sistem Islam secara praktikal kerana sesungguhnya yang menerapkan sistem secara praktikal adalah negara. Ada dua institusi negara yang menerapkan sistem Islam. **Pertama**, Al-Qadhi, iaitu hakim yang bertanggungjawab menyelesaikan perselisihan di antara masyarakat. **Kedua**, Al-Hakim, iaitu penguasa yang memerintah rakyat. Mengenai Qadhi, telah dinukilkan melalui

riwayat yang mutawatir (pasti kebenarannya) bahawa para Qadhi telah bertindak menyelesaikan berbagai-bagai perselisihan di antara masyarakat sejak masa Rasulullah SAW hingga berakhirnya kekhilafahan di Istanbul, berdasarkan hukum-hukum syarak yang agung dalam seluruh aspek kehidupan, baik di antara kaum Muslimin sendiri mahupun antara kaum Muslimin dengan non-muslim. Sedangkan mahkamah yang menyelesaikan seluruh persengketaan, baik yang berkenaan dengan hak-hak umum, hal ehwal kekeluargaan, pendakwaan jenayah, dan lain-lain, diselesaikan di bawah satu bentuk mahkamah tunggal yang hanya menerapkan syari'at Islam. Tidak ada seorang sejarawan pun memberitakan bahawa terdapat satu kes pernah diselesaikan dengan hukum selain hukum Islam; atau, satu mahkamah di suatu negeri Islam yang pernah menjalankan hukum selain hukum Islam. Hal ini berlangsung seperti itu sebelum mahkamah dipisahkan menjadi mahkamah syariah dan mahkamah sivil akibat pengaruh penjajahan. Bukti yang sahih mengenainya dapat dilihat melalui berbagai-bagai dokumen mahkamah syariah yang tersimpan di beberapa kota tua seperti Al-Quds (Jerusalem), Baghdad, Damaskus, Mesir, Istanbul, dan lain-lain. Ini adalah bukti meyakinkan bahawa hanya Syari'at Islam sahajalah yang diterapkan oleh para Qadhi. Malah orang-orang non-muslim dari kalangan Nasrani dan Yahudi mempelajari fiqh Islam dan mengarang dalam bidang ini, seperti Salim Al-Baz yang mensyarahkan majalah (Al-Ahkam Al-Adliyah, iaitu undang-undang yang berlaku pada masa Khilafah Uthmaniyah-pent) dan lain-lain, yang mengarang pelbagai buku dalam fiqh Islam di masa-masa terakhir ini.

Adapun masuknya undang-undang Barat, disebabkan adanya fatwa ulama yang berpendapat bahawa hal tersebut tidak bertentangan dengan hukum-hukum syarak. Di antara

hukum- hukum tersebut antara lain Qanun al Jazaa al Utsmani (Kanun Keseksaan Uthmaniah) pada tahun 1275 H (1857 M), Qanun al Huquuq wat Tijaarah (Kanun Hak dan Perdagangan) pada tahun 1276 H (1858 M). Kemudian pada tahun 1288 H (1870 M) mahkamah pengadilan dibahagikan menjadi dua, iaitu Mahkamah Syari'ah dan Mahkamah Nizhamiyah (Mahkamah Sivil) yang kemudian digubal undang-undangnya. Pada tahun 1295 H (1877 M) digubal peraturan tentang pembentukan Mahkamah Sivil (badan dan strukturnya). Terakhir pada tahun 1296 H digubal undang-undang Prosedur Mahkamah tentang Hak dan Penalti. Oleh kerana para ulama tidak mendapati sebarang justifikasi untuk menggunakan undang-undang sivil dalam daulah, maka ia diasingkan dan diterbitkan dalam Al Majalah, sebagai undang-undang mu'amalah, sehingga undang-undang sivil dapat dipisahkan. Ini terjadi pada tahun 1286 H. Undang-undang ini (sivil) yang dibuat sedemikian rupa seolah-olah hukum-hukum itu diperbolehkan dalam Islam, namun undang-undang ini tidak diterapkan sehingga fatwa membenarkannya dan dikeluarkan perintah-perintah untuk menerapkannya, dan setelah diizinkan oleh Syaikhul Islam untuk dilaksanakan. Hal ini ditunjukkan dalam surat-surat rasmi yang telah dikeluarkan. Pihak berkuasa penjajah sejak tahun 1918 M yang telah menduduki negara-negara Islam mulai mengambil alih penyelesaian persengketaan yang berkaitan hak-hak dan hukuman berlandaskan hukum-hukum selain Syari'at Islam. Akan tetapi bagi negeri-negeri yang tidak dijajah secara ketenteraan, walaupun ia tetap di bawah kawalan mereka, ternyata negara-negara tersebut masih tetap menjalankan hukum Islam seperti negara-negara Hejaz, Nejd, Yaman, dan negara Afghanistan. Sekalipun para penguasa di negara-negara ini tidak melaksanakan hukum Islam, tetapi kita melihat bahawa Islam masih diterapkan dalam pengadilan.

Daulah Islam sepanjang sejarahnya tidak pernah menerapkan selain Islam.

Penerapan sistem Islam oleh pemerintah dimanifestasikan dalam lima bidang, yaitu hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan masalah (1) Sosial (yang mengatur interaksi lelaki dan wanita), (2) Ekonomi, (3) Pendidikan, (4) Dasar Luar Negara, dan (5) Pemerintahan. Hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan kelima-lima bidang ini telah diterapkan oleh Daulah Islam sejak dulu. Sistem sosial yang mengatur hubungan antara lelaki dan wanita, dan segala persoalan yang timbul akibat hubungan tersebut, iaitu hukum-hukum kekeluargaan, masih tetap berlaku sehingga kini, sekalipun kehadiran kuasa penjajah di dalam negeri-negeri Islam dan hukum-hukum kufur masih terus diterapkan. Sampai saat ini tidak pernah diterapkan selain syari'at Islam dalam bidang hukum kekeluargaan. Adapun sistem ekonomi, penerapannya dimanifestasikan dengan dua cara. Pertama, cara bagaimana negara mengumpulkan harta daripada rakyat demi menguruskan kebajikan masyarakat. Kedua, cara bagaimana harta ini dibelanjakan. Untuk persoalan pertama, negara mengambil kewajiban zakat atas harta yang dimiliki baik dalam bentuk wang, tanah, hasil pertanian, atau ternak, dengan menganggapnya sebagai ibadah. Harta tersebut diagihkan secara eksklusif hanya kepada lapan asnaf yang disebutkan dalam Al-Quran, dan tidak digunakan untuk urusan pentadbiran negara. Sementara harta untuk urusan pentadbiran negara dan pelayanan umat, negara mengambil harta yang berdasarkan syari'at Islam saja. Oleh yang demikian, negara mengambil kharaj atas tanah, jizyah daripada kalangan rakyat non-muslim, duti kastam yang dipungut dalam kapasitasnya sebagai penyelia terhadap urusan perdagangan dalam dan luar negara. Pendek kata pemungutan

harta tidak pernah dilakukan kecuali selari dengan hukum syari'at Islam. Sedangkan dalam pengagihan harta, negara mengeluarkannya sesuai dengan hukum-hukum yang berkaitan pengeluaran (negara) , menyara mereka yang kurang upaya (tidak mampu) dan larangan pengelolaan harta bagi orang-orang kurang akal (safeeh) dan yang suka membazir (mubazir), lalu negara mengangkat orang yang boleh menguruskannya. Banyak tempat-tempat rehat dan rawat (R&R) yang didirikan di setiap kota sepanjang laluan perjalanan jamaah haji untuk memberi makan fakir, miskin, dan ibnu sabil. Tapak-tapak peninggalannya masih boleh dijumpai sampai sekarang di beberapa bandar-bandar besar di dunia Islam. Ringkasnya, pengagihan harta daripada negara dilakukan hanya berdasarkan syari'at Islam semata-mata. Sebarang kelemahan yang didapati dalam pengagihan harta sepanjang sejarahnya adalah disebabkan kelalaian dan kekeliruan negara dalam penerapannya bukan disebabkan oleh hukum-hukum tersebut tidak pernah diterapkan sama sekali.

Dalam bidang pendidikan, dasar pendidikan telah dibangunkan berasaskan Islam. Tsaqofah (budaya pemikiran) Islam merupakan asas bagi kurikulum pendidikan. Sedangkan tsaqofah asing sentiasa diawasi dan tidak diambil apabila bertentangan dengan Islam. Kelalaian negara dalam membuka sekolah-sekolah, hal itu hanya terjadi pada masa-masa terakhir Daulah Uthmaniyah, yang juga berlaku di seluruh negeri-negeri Islam, akibat kemerosotan berfikir yang mencapai tahap yang paling rendah pada ketika itu. Sedangkan pada masa-masa sebelum itu, sudah sangat terkenal di seluruh dunia, bahawa negeri-negeri Islamlah satu-satunya yang menjadi pusat perhatian para cendekiawan dan kaum terpelajar. Universiti-universiti seperti yang terdapat di Cordova, Baghdad, Damaskus, Iskandariah dan Kairo,

memiliki pengaruh yang amat besar dalam menentukan arah pendidikan di dunia.

Begitu juga dengan dasar luar negara Daulah Islam yang telah dibangunkan berasaskan Islam. Daulah Islam membina hubungannya dengan negara-negara lain hanya berdasarkan Islam manakala seluruh negara-negara lain di dunia saat itu melihatnya sebagai sebuah Daulah Islam. Seluruh hubungan luar negara Daulah Islam dibangunkan atas dasar Islam dan kemashlahatan kaum Muslimin. Kenyataan bahawa dasar luar negara Daulah Islam merupakan dasar (polisi) Islam adalah perkara yang sangat terkenal di seluruh dunia tanpa perlu pembuktian lagi.

Mengenai sistem pemerintahan, jelas sekali bahawa struktur negara di dalam Islam terdiri dari lapan bahagian, iaitu:

- (1) Khalifah, sebagai ketua negara,
- (2) Mu'awin Tafwidh, -sebagai pembantu delegasi Khalifah yang berkuasa penuh-.
- (3) Mu'awin Tanfidz, -sebagai pembantu esekutif Khalifah dalam urusan pentadbiran-.
- (4) Amirul Jihad.
- (5) Wali (Gabenor-gabenor).
- (6) Qadha (Kehakiman).
- (7) Jentera-jentera Negara.
- (8) Majlis Umat.

Struktur ini pernah wujud. Kaum Muslimin belum pernah sejak zaman-berzaman hidup tanpa adanya seorang Khalifah sehinggalah para penjajah kafir meruntuhkan sistem Khilafah melalui tangan Mustafa Kamal Attaturk pada tahun 1342 H (1924 M). Sebelum itu, kaum Muslimin sentiasa dipimpin oleh seorang Khalifah. Belum pernah terjadi

kekosongan seorang Khalifah tanpa disertai adanya Khalifah lain sebagai penggantinya, bahkan pada masa-masa kemundurannya. Apabila seorang Khalifah diangkat, maka saat itu terbentuk Daulah Islam. Ini kerana Daulah Islam itu adalah Khalifah. Mengenai Mu'awin Tafwidl dan Mu'awin Tanfidz, mereka selalu ada di setiap masa. Peranan mereka sebagai pembantu pemerintahan dan pentadbiran, bukan sebagai Wuzaraa (Menteri). Kalaupun ada sebutan Wazir, yang terjadi pada era Abbasiyah, tetapi fungsinya adalah sebagai pembantu dan tidak langsung memiliki ciri-ciri menteri seperti yang ada dalam sistem demokrasi. Malah mereka hanyalah para pembantu dalam pemerintahan dan pelaksanaan yang diberi mandat oleh Khalifah, sementara kuasa esekutif yang sebenar adalah di tangan Khalifah. Adapun para Wali, Qadhi (Hakim), dan Jabatan-jabatan Pentadbiran Negara, kewujudannya sangat jelas sekali. Bahkan tatkala para penjajah kafir menduduki negeri-negeri Islam, urusan pemerintahan masih berlangsung dan dijalankan oleh para Wali, Qadhi dan jabatan-jabatan negara, sehingga keberadaan mereka tidak perlu pembuktian lagi. Mengenai Amirul Jihad pula, dia memiliki autoriti untuk menguruskan angkatan bersenjata(tentera), sebagai pasukan Islam. Pada saat itu pandangan umum di seluruh dunia adalah bahawa pasukan tentera Islam merupakan pasukan yang tidak terkalahkan. Manakala mengenai aktiviti Majlis Umat, sepeninggalan Khulafa' Rasyidin aktiviti nya tidak lagi kelihatan. Hal ini kerana sekalipun ia termasuk salah satu struktur pemerintahan, tetapi ia bukan termasuk sebahagian daripada tiang (qowa'id) pemerintahan. Syura merupakan salah satu hak rakyat terhadap para penguasa. Apabila penguasa tidak meminta pendapat daripada rakyat (dalam pelbagai urusan), bermakna penguasa itu telah melakukan suatu kelalaian. Meskipun demikian pemerintahan tersebut tetap merupakan pemerintahan Islam. Ini kerana syura adalah

medium pengambilan pendapat, bukan pemerintahan. Hal ini berbeza dengan peranan parlimen dalam sistem demokrasi. Parlimen merupakan manifestasi daripada kedaulatan di tangan rakyat di mana ia menjadi tiang sistem pemerintahan ideologi Kapitalisme. Sedangkan Islam meletakkan kedaulatan itu hanya pada syarak. Dari sini nampak jelas bahawa sistem pemerintahan Islam telah diterapkan.

Di sini persoalan mengenai pembai'atan Khalifah mungkin timbul. Sesungguhnya yang pasti dalam sistem khilafah tidak pernah ada sistem warisan. Pewarisan kekuasaan tidak pernah ditegakkan di dalam negara, di mana pemerintahan — iaitu kepemimpinan daulah diperoleh (secara automatik) seperti mana yang berlaku pada sistem Monarki (Kerajaan). Sebaliknya kepemimpinan daulah diperoleh melalui bai'ah daripada kaum Muslim dalam beberapa era, melalui bai'ah daripada ahlu ahlu al-halli wal 'aqdi (golongan yang berpengaruh) dalam beberapa era kemudian, dan melalui bai'ah daripada Syaikhul Islam ketika era kemunduran sebelum berakhirnya daulah. Sepanjang sejarah Daulah Islam, seorang Khalifah tidak pernah dilantik kecuali dengan bai'at. Khalifah tidak pernah dilantik dengan cara pewarisan tahta (sistem putera mahkota) tanpa adanya bai'at sama sekali. Tidak ada satupun riwayat atau peristiwa yang menunjukkan bahawa Khalifah pernah diangkat dengan cara pewarisan kekuasaan tanpa melalui bai'at. Memang pernah dijumpai tatacara pengambilan bai'at yang keliru. Ada sebahagian Khalifah yang mengambil bai'at daripada rakyat sebelum kematiannya untuk anaknya, atau saudaranya, atau anak saudaranya, atau salah seorang anggota keluarganya. Setelah kematiannya bai'at diperbaharui (diulangi) untuk orang yang ditunjuk setelah Khalifah meninggal. Pelaksanaan seperti ini menunjukkan terdapat penyalahgunaan dalam penerapan bai'at; dan bukan menunjukkan pengakuan adanya sistem pewarisan tahta atau

putera mahkota. Sama seperti penyalahgunaan yang terjadi pada tatacara 'pilihanraya' untuk memilih ahli parlimen dalam sistem demokrasi, yang prosesnya tetap disebut sebagai pilihanraya dan bukan sebagai penunjukan, sekalipun yang menang dalam pilihanraya ialah calon-calon yang dikehendaki oleh pemerintah. Dari penjelasan di atas dapat dilihat bahawa sistem Islam benar-benar diterapkan secara praktikal. Tidak pernah sekalipun dalam sejarah Daulah Islam diterapkan sistem selain sistem Islam.

Kejayaan qiyadah fikriyah Islam secara nyata, adalah bentuk kejayaan yang tiada tandingannya, terutama dalam dua hal berikut ini:

**Pertama**, qiyadah fikriyah Islam berjaya mengubah bangsa Arab secara keseluruhan dari taraf pemikiran yang sangat rendah, dan dari kegelapan yang selalu diliputi oleh fanatisme kesukuan dan alam kebodohan yang sangat, kepada sebuah era kebangkitan berfikir yang cemerlang, gemerlapan dengan cahaya Islam, yang tidak hanya untuk bangsa Arab sahaja bahkan untuk seluruh dunia. Umat Islam telah memainkan peranan penting dalam membawa Islam ke seluruh pelusuk dunia, sehingga mampu menguasai Parsi, Iraq, Syam, Mesir, dan Afrika Utara. Pada waktu itu masing-masing bangsa memiliki ras, etnik, dan suku-suku yang saling berlainan dengan bangsa-bangsa lainnya begitu berlainan bahasa. Bangsa Parsi di Parsi, misalnya, berbeza dengan bangsa Romawi di Syam, berbeza pula dengan bangsa Qibthi di Mesir, berlainan pula dengan bangsa Barbar (orang-orang Moor) yang ada di Afrika Utara. Demikian pula halnya dengan adat-istiadat, kebiasaan-kebiasaan, dan agamanya, masing-masing saling berlainan. Namun tatkala mereka hidup di bawah naungan pemerintahan Islam, kemudian memahami Islam, pada akhirnya mereka berduyun-duyun masuk Islam secara keseluruhan. Jadilah mereka sebagai umat yang satu, iaitu

umat Islam. Oleh kerana itu, kejayaan qiyadah fikriyah Islam dalam mempersatukan bangsa-bangsa dan suku-suku yang ada, merupakan kejayaan cemerlang dan tiada tandingannya. Padahal waktu itu sarana pengangkutan dalam aktiviti penyebarluasan dakwah hanya menggunakan unta, sedangkan media penyebarannya hanya melalui lisan dan pena.

Manakala mengenai Futuhat, -iaitu pembebasan ke atas negara-negara lain-, hal itu dilakukan untuk menyingkirkan kekuatan dengan kekuatan, menghancurkan halangan fizikal sehingga manusia terbebas daripada pelbagai tekanan agar mudah dibimbing akalnya, dan ditunjuki fitrahnya. Sehingga mereka akhirnya memeluk agama Allah berbondong-bondong. Ini sangat berbeza dengan model penaklukan keji, yang selalu memisahkan negara/bangsa penakluk dengan negara/bangsa yang ditakluk, menjauhkan pihak yang menang dengan pihak yang kalah. Bukti konkrit dalam hal ini adalah penjajahan Barat terhadap negara-negara Timur selama puluhan tahun, walaupun pada akhirnya tidak mendapatkan apa-apa. Jika tidak kerana pengaruh tsaqofah mereka yang menyesatkan itu yang (insya-Allah) akan dimusnahkan, dan kezaliman daripada para penguasa bayaran (para agen) -yang juga pasti akan dilenyapkan, maka tentulah kembalinya negara-negara tersebut baik secara ideologi mahupun sistem-sistemnya ke pangkuan Islam, adalah perkara yang sangat mudah dicapai secepat kerdipan mata. Kembali kepada masalah yang tadi bahawa kejayaan qiyadah fikriyah Islam dalam mempersatukan bangsa-bangsa di dunia adalah kejayaan yang tiada tolok bandingannya. Telah terbukti bangsa-bangsa tersebut sehingga kini masih tetap mempertahankan ke-Islamannya sekalipun terdapat ancaman, kejahatan, serta tipu daya para penjajah dalam menghancurkan akidah mereka dan meracuni fikiran mereka. Bangsa-bangsa tersebut tetap akan mempertahankan

kedudukannya sebagai umat Islam sampai hari Kiamat nanti. Tidak pernah sekali pun terjadi, bangsa yang telah memeluk Islam kemudian keluar (murtad) dari Islam.

Mengenai keadaan kaum Muslimin di Andalusia, sesungguhnya mereka telah dibunuh beramai-ramai melalui mahkamah-mahkamah inquisisi dengan cara dibakar, dan dipenggal leher. Begitu pula kaum Muslimin di daerah Bukhara, Kaukasus dan Turkistan telah ditimpa ujian yang besar seperti yang dialami oleh umat-umat terdahulu. Apa yang jelas, masuknya bangsa-bangsa tersebut ke dalam Islam, kelestariannya sebagai umat yang satu, dan kerasnya mereka dalam mempertahankan akidah, menggambarkan sejauh mana kejayaan qiyadah fikriyah ini, dan betapa berhasilnya Daulah Islam dalam menerapkan sistem Islam.

**Kedua**, hal lain yang menunjukkan kejayaan qiyadah fikriyah Islam adalah bahawa umat Islam telah menjadi umat yang terkemuka di dunia dalam aspek hadharah (peradaban), madaniyah (kemajuan sains dan teknologi), tsaqofah dan ilmu pengetahuan. Daulah Islam telah menjadi negara terbesar dan terkuat di dunia selama 12 abad, iaitu dari abad ke-7 sampai pertengahan abad ke-18 M. Daulah Islam merupakan kebanggaan dunia, seperti matahari yang memancarkan sinarnya sebagai penerang bagi umat lain di sepanjang kurun tersebut. Fakta ini adalah bukti lain yang memperteguhkan hujah sejauh mana kejayaan qiyadah fikriyah Islam dan betapa berhasilnya Islam menerapkan undang-undang dan akidahnya atas umat manusia. Namun tatkala Daulah dan umat Islam melepaskan tugas mengemban qiyadah fikriyah Islam, ketika mereka tidak lagi mementingkan dakwah Islam, melalaikan kewajibannya memahami dan menerapkan Islam, maka pada saat itulah Daulah dan umat ini sirna di antara umat-umat lain.

Berdasarkan hal ini kami berani mengatakan bahawa qiyadah fikriyah Islamlah satu-satunya qiyadah yang benar dan satu-satunya yang wajib diemban ke seluruh dunia. Apabila Daulah Islam yang mengemban qiyadah fikriyah ini muncul dan memainkan peranannya kembali, maka kejayaan qiyadah fikriyah saat ini persis seperti kejayaannya pada masa yang lalu.

Kami telah mengatakan bahawa Islam dengan sistem-sistem yang terpancar daripadanya sesuai dengan fitrah manusia. Dalam hal ini, Islam tidak melihat manusia seperti makhluk mekanikal yang berfungsi secara tepat seperti mesin dan menjalankan sistem tersebut berdasarkan ukuran matematik yang jitu tanpa ada perbezaan. Islam menganggap manusia sebagai makhluk sosial yang menerapkan sistem dengan pelbagai tahap kemampuan dan kualiti yang berbeza-beza. Justeru itu, wajarlah kalau Islam di satu sisi berusaha untuk mendekatkan jurang antara manusia namun, tidak menyamaratakan mereka, dengan menjamin ketenteraman bagi semua pihak. Pada sisi lain, -dan ini pokok pembahasan sekarang-, adalah wajar juga untuk melihat ada sesetengah individu-individu yang menyimpang daripada sistem, menyimpang daripada Islam. Sesuatu yang wajar jika dijumpai individu-individu yang tidak mentaati peraturan atau lalai, sehingga dalam masyarakat Islam juga dijumpai orang-orang fasik (berbuat maksiat), fajir (berbuat keji), ada pula orang-orang kafir dan munafik, orang-orang murtad bahkan atheis. Akan tetapi apa yang paling penting dalam sebuah masyarakat adalah masyarakat dilihat secara keseluruhan, yang memiliki pemikiran, perasaan, sistem dan orang-orang yang hidup dalam masyarakat. Sebuah masyarakat itu dianggap sebagai masyarakat Islam yang menerapkan sistem Islam, apabila unsur-unsur di atas tadi diwarnai oleh Islam.

Sebagai bukti kebenaran hal ini, tiada sesiapaupun yang mungkin dapat menerapkan sistem seperti mana yang telah diterapkan oleh Rasulullah SAW dalam aspek penerapan sistem Islam. Walaupun pada masa Rasulullah SAW terdapat orang-orang kafir, munafik, fasik, fajir, murtad, bahkan atheis. Akan tetapi, tidak seorang pun berpendapat lain kecuali mengatakan secara pasti: *“Sesungguhnya Islam pada waktu itu telah diterapkan dengan sempurna dan masyarakat tersebut adalah masyarakat Islam”*. Penerapan ini dilakukan terhadap manusia dalam kedudukannya sebagai makhluk sosial, bukan sebagai robot.

Dengan demikian hanya Islam satu-satunya (sistem) yang telah diterapkan ke atas umatnya secara keseluruhan - baik bangsa Arab mahupun bangsa non-Arab -, sejak bermulanya Nabi SAW menetap di Madinah sehingga kuasa penjajah yang menduduki negeri-negeri Islam yang kemudian menggantikan sistem Islam dengan sistem kapitalisme. Berdasarkan hal ini terbukti bahawa Islam telah diterapkan secara praktikal sejak tahun pertama Hijriyah hingga tahun 1336 H (1918 M). Sepanjang masa itu, umat Islam tidak pernah menerapkan sistem yang lain selain Islam.

Sungguhpun kaum Muslimin telah menerjemahkan berbagai-bagai jenis falsafah, ilmu pengetahuan dan tsaqofah asing yang beraneka ragam ke dalam bahasa Arab namun mereka sama sekali tidak menterjemahkan hukum, undang-undang mahupun sistem daripada suatu bangsa manapun — baik untuk dipelajari ataupun untuk diaplikasikan. Dalam kedudukannya sebagai sebuah sistem, sesetengah orang menerapkannya dengan sangat baik dan sesetengah lagi menerapkannya dengan cara yang salah. Ia bergantung kepada kuat atau lemahnya negara Islam, juga tahap pemahaman tentang Islam yang tepat atau dangkal, dan juga

sejauh mana mereka bersungguh-sungguh atau leka dalam mengemban qiyadah fikriyah Islam. Akibatnya, penerapan Islam yang buruk di sebahagian masa mengakibatkan masyarakat Islam mengalami kemunduran demi kemunduran. Ini sesuatu yang wajar terjadi ke atas mana-mana sistempun kerana penerapan itu sangat bergantung kepada orangnya. Namun demikian, buruknya penerapan Islam bukan bererti sistem Islam tidak pernah diimplimentasikan. Bahkan tidak dapat dinafikan bahawa sistem Islam pernah diterapkan dan tidak pernah diterapkan ideologi mahupun sistem-sistem lain selain Islam. Ini kerana yang paling penting dalam penerapan adalah undang-undang dan sistem-sistem yang dijalankan oleh negara. Kenyataannya Daulah Islam tidak pernah mengambil mana-mana sistem-sistem atau undang-undang pun selain Islam. Apa yang berlaku adalah penerapannya yang buruk dalam sebahagian sistem Islam yang dilakukan oleh sebahagian penguasa. Walau apapun, seseorang itu mestilah memerhatikan dua aspek ini dalam membahas penerapan Islam dalam sejarahnya:

Pertama, hendaklah kita tidak mengambil sejarah daripada musuh-musuh Islam, terutama mereka yang sangat membenci Islam. Sebaliknya kita hanya mengambil sejarah daripada kalangan kaum Muslimin setelah dipilih secara kritis dan teliti, sehingga kita tidak memperoleh gambaran yang buruk. Kedua, kita tidak boleh menggeneralisasikan dalam kajian terhadap masyarakat daripada sejarah sesetengah individu, atau hanya daripada satu aspek dalam sebuah masyarakat. Sebagai contoh, ia adalah keliru apabila kita mengambil gambaran era pemerintahan Bani Umayyah dengan hanya memfokuskan sejarah Yazid atau, mengambil gambaran era pemerintahan Bani Abbas dengan hanya mengambil sebahagian peristiwa dan tingkah laku para Khalifahnya. Demikian pula kita tidak boleh menilai masyarakat pada era

pemerintahan Bani Abbas dengan hanya membaca kitab Al Aghani (kitab nyanyian) yang dikarang untuk menceritakan tingkah laku para biduanita, para pemabuk, penyair dan sastrawan; atau dengan membaca buku-buku tasawuf dan buku-buku sejenisnya sehingga kita menyimpulkan bahawa masa itu adalah masa kefasikan dan kenistaan, atau masa zuhud dan uzlah. Sebaliknya kita perlu meneliti keadaan masyarakat secara menyeluruh. Satu hal yang perlu diperhatikan adalah bahawa sejarah masyarakat Islam tidak pernah ditulis dalam mana-mana era pun, yang ada hanyalah cerita-cerita tentang para pemerintah dan sebahagian para pegawainya. Kebanyakannya ditulis oleh orang-orang yang tidak layak dipercayai. Mereka itu pada umumnya, kalau tidak para pencela, pastilah para pemuja, sehingga tidak ada satupun yang dapat diterima riwayatnya.

Dengan demikian, tatkala kita mempelajari masyarakat Islam dengan pandangan seperti ini, iaitu mempelajarinya secara kritis dan teliti daripada seluruh aspek, pastinya kita akan dapati bahawa masyarakat Islam adalah masyarakat terbaik di kalangan masyarakat lain yang pernah ada di dunia. Memang demikianlah keadaannya sejak abad pertama, kedua, ketiga, lalu berlanjutan ke abad-abad berikutnya hingga pertengahan abad ke-12 Hijriyah. Kita akan menjumpai masyarakat tersebut telah menerapkan Islam di sepanjang sejarahnya sampai berakhirnya masa Daulah Utmaniyah sebagai sebuah Daulah Islam. Walau bagaimanapun, sejarah tidak boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi sistem dan fiqih. Namun sistem hanya diambil daripada sumber-sumber fiqih, bukan daripada sejarah, kerana sejarah bukanlah sumber fiqih. Sebagai contoh, apabila kita hendak memahami sistem komunis, maka kita tidak boleh mengambilnya daripada sejarah Rusia akan tetapi kita mengambilnya daripada buku-buku ideologi komunis. Begitu pula jika kita hendak

mengetahui perundangan British, maka kita tidak boleh mengambilnya daripada sejarah British, akan tetapi kita mengambilnya daripada kodifikasi perundangan British itu sendiri. Kaedah ini berlaku untuk setiap sistem dan undang-undang.

Begitu juga dengan Islam sebagai ideologi yang memiliki akidah dan sistem. Oleh yang demikian, sekiranya kita ingin mengetahui dan mengambilnya, maka sama sekali tidak dibenarkan menjadikan sejarah, pengetahuan tentang peraturannya serta cara pengambilan hukum-hukumnya (istinbath) sebagai sumber rujukan.

Adapun daripada segi sumber pengetahuannya (Islam), hal ini dapat diambil daripada buku-buku fiqh Islam. Sedangkan sumber pengambilan hukum (istinbath), dapat diketahui daripada pengambilan dalil-dalilnya yang rinci. Itulah sebabnya tidak dibenarkan meletakkan sejarah sebagai rujukan (sumber) bagi sistem Islam, baik dilihat dari segi pengetahuan tentang sistemnya mahupun dari segi pengambilan dalil-dalilnya. Dengan demikian tidak dibenarkan menjadikan sejarah Umar bin Khatthab, Umar bin Abdul Aziz, Harun al-Rasyid, dan mereka yang lain sebagai rujukan hukum syarak, baik di dalam peristiwa sejarah yang meriwayatkan tentang mereka mahupun di dalam buku-buku yang dikarang tentang biografi mereka. Apabila ada pendapat Umar dalam suatu perkara diikuti, tidak lain kerana ia merupakan hukum syara yang di-istinbath-kan dan diterapkan oleh Umar. Sama seperti mengikuti hukum yang telah di-istinbathkan oleh Imam Abu Hanifah, Imam Syafi'i, Imam Ja'far dan sebagainya; bukan diikuti kerana ianya peristiwa sejarah. Jadi sejarah tidak mendapatkan tempat sama ada dalam pengambilan atau untuk mengetahui sistemnya. Selain daripada itu, untuk mengetahui apakah sistem itu pernah

diterapkan atau tidak, juga tidak dapat diambil daripada sejarah melainkan daripada fiqih. Ini kerana setiap zaman memiliki permasalahannya sendiri dan penyelesaiannya dilakukan dengan sistem. Oleh itu, untuk mengetahui sistem apa yang digunakan untuk menyelesaikan permasalahan tersebut, kita tidak dapat merujuk kepada peristiwa sejarah. Sejarah hanya memberitahu kita tentang berita/informasi tentang sesuatu kejadian semata-mata. Kita mestilah merujuk kepada sistem yang pernah diterapkan, iaitu merujuk kepada fiqih Islam. Setelah kita merujuk kepada fiqih Islam, di dalamnya tidak dijumpai satu sistem pun yang diambil kaum Muslim berasal dari bangsa-bangsa lain dan tidak ada satu sistem pun yang dipilih oleh kaum Muslimin berdasarkan pendapat dirinya. Namun yang kita jumpai adalah bahawasanya seluruh sistem tersebut terdiri daripada hukum-hukum syarak yang di-istinbath daripada dalil-dalil syarak. Dan bahawasanya kaum Muslimin sentiasa bersikap tegas dalam memurnikan fiqih daripada pendapat/hasil istinbath yang lemah (dhaif). Malah mereka melarang beramal dengan pendapat yang lemah, sekalipun berasal daripada seorang mujtahid mutlak.

Oleh kerana itu, tidak ada satu teks perundangan pun selain daripada fiqih Islam di seluruh dunia Islam. Yang ada hanyalah fiqih Islam sahaja. Fakta ini, yang mana hanya ada satu teks fiqih bagi umat (Islam) tanpa adanya teks yang lain, adalah bukti yang menunjukkan bahawa umat tidak pernah menggunakan sebarang teks lain dalam perundangannya.

Perihal sejarah, sekiranya kita ingin menoleh kepadanya, tidak lain hanya untuk mengetahui bagaimana cara (kaifiat) penerapan sistem. Sejarah boleh mengandungi berbagai-bagai peristiwa politik, di mana dapat diketahui tatacara penerapan sistem. Meskipun begitu, hal ini boleh diambil tetapi hanya

daripada sejarawan muslim, dan itupun setelah diteliti dengan cermat.

Sejarah mempunyai tiga sumber: Pertama, catatan-catatan sejarah; Kedua, peninggalan-peninggalan sejarah (arkeologi), dan; ketiga, riwayat. Catatan-catatan sejarah tidak mampu dijadikan sumber secara mutlak, kerana catatan-catatan itu dipengaruhi oleh situasi politik yang terjadi pada saat itu, dan sentiasa bercampur dengan kepembonghan, sama ada dengan mendukung orang-orang tertentu ketika catatan ini ditulis pada ketika itu, atau dengan menentang orang-orang tersebut yang ditulis pada masa yang lain. Bukti konkrit yang menunjukkan hal ini ialah sejarah keluarga Alawit di Mesir. Sebelum tahun 1952 M keluarga itu memiliki gambaran yang positif. Akan tetapi setelah tahun 1952 M, ternyata sejarah berubah sama sekali, menjadi gambaran hitam yang bertentangan dengan sebelumnya. Perkara yang sama juga terjadi kepada sejarah kejadian-kejadian politik yang lain di zaman sekarang atau zaman sebelumnya. Oleh kerana itu, kita tidak boleh menjadikan catatan-catatan sejarah sebagai sumber bagi sejarah, sekalipun ia merupakan catatan biografi yang ditulis oleh orang-orangnya yang terdekat.

Peninggalan-peninggalan sejarah, selama dipelajari dengan objektif akan dapat menunjukkan fakta sejarah. Sekalipun peninggalan-peninggalan sejarah itu tidak mampu memberikan garisan masa (timeline) sejarah, akan tetapi dapat menunjukkan kepastian sebahagian peristiwa. Jika kita meneliti peninggalan-peninggalan sejarah di setiap negara-negara kaum Muslimin, baik dalam bentuk bangunan, peralatan, atau apa sahaja yang dianggap sebagai peninggalan sejarah, akan menunjukkan bukti yang pasti bahawa tidak pernah ada di seluruh dunia Islam, kecuali hanya Islam, sistem-sistem Islam dan hukum-hukum Islam semata. Begitu

pula seluruh aspek kehidupan kaum Muslimin serta semua tingkah laku mereka, semuanya Islam, bukan yang lain.

Mengenai sumber yang ketiga, yaitu riwayat, termasuk sumber-sumber yang sahih (terpercaya) dan dapat dijadikan sebagai pegangan, selama riwayatnya benar sama seperti dengan cara yang ditempuhi dalam periwayatan sebuah hadits. Inilah cara yang sepatutnya sejarah ditulis. Kaum Muslimin telah menggunakan kaedah (method) riwayat ini ketika menulis sejarah (sirah). Itu terlihat pada buku-buku sejarah klasik, seperti Tarikh Thabari, Sirah Ibnu Hisyam, dan sebagainya, yang dikarang melalui kaedah ini. Atas dasar inilah, kaum Muslimin tidak boleh mengajarkan sejarah Islam kepada putera-puterinya melalui catatan-catatan sejarah yang dikarang yang bersumberkan kepada catatan lainnya (selain riwayat). Begitu juga untuk memahami penerapan sistem Islam tidak boleh merujuk kepada catatan-catatan sejarah. Dari sini nampak jelas bahawa hanya (sistem) Islamlah satu-satunya yang diterapkan ke atas seluruh umat Islam di setiap masa dan bukan penerapan (sistem) yang lain.

Sayangnya sejak berakhir perang dunia pertama dengan kemenangan di pihak Sekutu, Lord Allenby, panglima perang Sekutu tatkala menaklukkan Baitul Maqdis berkata: "Sekarang berakhirlah Perang Salib". Sejak saat itu para penjajah kafir mulai menerapkan berbagai-bagai sistem Kapitalis ke atas kita di dalam seluruh aspek kehidupan kita, agar kemenangannya abadi. Maka kita wajib mengubah (taghyir) sistem yang busuk dan rosak ini yang dengan sistem inilah para penjajah terus menguasai di negara-negara kita. Kita mestilah membongkar sepenuhnya daripada akarnya secara rinci sehingga kita dapat mengembalikan semula kehidupan Islam.

Sungguh suatu kedangkalan berfikir apabila kita ingin menggantikan sistem kita dengan mana-mana sistem lain. Adalah pemikiran bodoh apabila umat ini hanya menerapkan sistem tersebut tanpa akidahnya, lalu dapat menyelamatkannya. Apa yang mesti dilakukan umat ini adalah memeluk akidah dahulu, kemudian baru menerapkan sistem yang terpancar daripada akidah ini yang kemudian menyelamatkannya. Hal ini berlaku ke atas umat yang telah terbina di atasnya sebuah ideologi (mabda), dan mendirikan sebuah negara (daulah) berdasarkan asas ini. Bagi masyarakat dan bangsa yang lain, mereka tidak perlu untuk memeluk mabda tersebut sebagai prasyarat bagi penerapannya ke atas mereka. Bangsa yang telah memeluk mabda tersebut dan mengembangkannya kepada yang lainlah yang menerapkannya ke atas mana-mana bangsa atau umat yang lain, sekalipun mereka (bangsa lain) tidak meyakinkannya. Ini kerana mabda tersebut akan membawa kebangkitan kepada bangsa yang lain dan menarik perhatian mereka untuk meyakinkannya. Justeru itu, memeluk mabda tersebut bukanlah prasyarat bagi umat yang diterapkan (dikenakan) ke atasnya, tetapi menjadi syarat wajib bagi umat yang melaksanakan/implementasikannya.

Adalah sangat berbahaya jika kita mengambil nasionalisme, dan sistem sosialis. Sosialisme tidak dapat diambil secara terpisah daripada idea asasnya iaitu materialisme, kerana tidak akan produktif dan tidak pula mempunyai pengaruh (terhadap masyarakat). Juga tidak boleh diambil secara bersamaan dengan idea materialismenya, kerana idea tersebut merupakan pemikiran yang negatif yang bertentangan dengan fitrah manusia, bahkan boleh mendorong umat Islam meninggalkan akidahnya. Kita juga tidak boleh mengambil sosialisme dari satu segi, sementara aspek kerohaniannya daripada Islam. Sikap seperti ini, bererti kita tidak mengambil Islam mahupun sosialisme. Keduanya

saling bertentangan, dan saling kekurangan. Begitu juga kita tidak dibenarkan mengambil sistem Islam tanpa akidah yang memancarkan sistemnya kerana dengan cara ini kita mengambil sistem bagaikan tubuh yang tidak memiliki roh. Sebaliknya kita mestilah mengambil Islam secara keseluruhan, sama ada akidahnya mahupun sistemnya; serta menyampaikan qiyadah fikriyah Islam ketika kita mengemban dakwah Islam.

Oleh yang demikian, sesungguhnya jalan kebangkitan kita hanya satu, iaitu melanjutkan kembali kehidupan Islam. Tidak ada jalan lain untuk melanjutkan kehidupan Islam itu kecuali dengan penubuhan Daulah Islam. Hal itu tak dapat diraih kecuali kita mengambil Islam secara keseluruhan: iaitu mengambil Islam sebagai akidah yang mampu menyelesaikan permasalahan utama (al-uqdatul kubra) manusia, yang padanya dibangunkan pandangan hidup; juga mengambilnya sebagai sistem yang terpancar daripada akidah Islam. Asas sistem ini adalah Kitabullah dan Sunah RasulNya, sedangkan kekayaan khazanahnya adalah tsaqofah Islam yang mencakupi fiqih, hadis, tafsir, bahasa dan lain sebagainya. Tidak ada jalan menuju ke arah itu melainkan dengan mengemban qiyadah fikriyah Islam secara sempurna, iaitu dengan cara mendakwahkan kepada Islam, serta dengan cara mewujudkan Islam secara sempurna di setiap negara. Apabila qiyadah fikriyah Islam sampai kepada umat secara sepenuhnya dan kepada Daulah Islam, barulah kita dapat mengembangkan qiyadah fikriyah ke seluruh penjuru dunia.

Inilah satu-satunya jalan untuk menghasilkan kebangkitan: iaitu dengan mengemban qiyadah fikriyah Islam kepada kaum Muslim untuk melangsungkan kembali kehidupan Islam. Kemudian menyebarkanluaskannya kepada umat manusia melalui Daulah Islam.

# TATACARA MENGEMBAN DAKWAH ISLAM

Kaum Muslimin tidak pernah mengalami kemunduran daripada posisinya sebagai pemimpin dunia selama mana mereka tetap berpegang teguh kepada agamanya. Kemunduran kaum Muslimin mulai nampak tatkala mereka meninggalkan dan meremehkan ajaran-ajaran agama; membiarkan peradaban asing masuk menyerbu negeri-negeri mereka; membiarkan fahaman-fahaman Barat bersarang dalam benak mereka. Kemunduran itu terjadi pada saat kaum Muslim mengabaikan qiyadah fikriyah Islam, mulai lalai dalam mengemban dakwah Islam, dan menyalahi pelaksanaan hukum-hukum Islam. Itulah sebabnya, kaum Muslim mestilah melanjutkan kembali kehidupan Islam agar kebangkitan yang didambakan dapat dicapai kembali. Kaum Muslim tidak akan mungkin dapat melanjutkan kehidupan Islam melainkan jika mereka mengemban dakwah Islam; dengan jalan mengemban qiyadah fikriyah Islam dan berhasil mewujudkan Daulah Islam -melalui dakwahnya ini- yang mampu mengemban qiyadah fikriyah Islam dengan menyebarkan dakwah Islam ke seluruh dunia.

Perlu diperhatikan dengan jelas, bahawa usaha mengemban qiyadah fikriyah ini dengan cara menyebarkan dakwah Islam dalam rangka membangkitkan kaum Muslimim diambil adalah kerana hanya Islamlah satu-satunya (mabda) yang boleh memperbaiki dunia ini. Di samping itu, kebangkitan

yang hakiki tidak akan tercapai kecuali hanya dengan Islam, baik untuk kaum Muslimin magupun bagi bangsa yang lain. Berdasarkan pandangan ini adalah wajib mengemban dakwah Islam.

Dakwah Islam wajib diemban ke seluruh dunia sebagai qiyadah fikriyah yang memancarkan semua sistem kehidupan. Di atas qiyadah fikriyah ini seluruh bentuk pemikiran dibangun dan daripada pemikiran-pemikiran inilah mengalir seluruh bentuk persepsi yang mempengaruhi pandangan hidup (manusia) tanpa terkecuali.

Mengemban dakwah Islam pada saat ini, mestilah diemban sebagaimana masa-masa sebelumnya, iaitu dengan meneladani dakwah Rasulullah SAW tanpa berpaling sedikitpun daripada thariqah (metodologi) tersebut, baik secara umum mahupun secara rinci, dan tanpa memperhatikan lagi perbezaan zaman. Ini kerana perbezaan yang berlaku hanyalah ke atas sarana (wasilah) dan bentuk (kehidupan), sementara nilai dan maknanya sama sekali tidak akan berubah, sekalipun zaman terus berputar, dan bangsa-bangsa mahupun negara-negara berbeza-beza.

Oleh kerana itu, mengemban dakwah Islam memerlukan sikap berterus terang, keberanian, kekuatan dan pemikiran. Menentang setiap perkara yang bertentangan dengan idea (fikrah) mahupun metodologi (thariqah). Menghadapinya dengan cara menjelaskan kepalsuannya, tanpa mengira situasi yang ada dan akibatnya.

Mengemban dakwah Islam mestilah meletakkan kedaulatan secara mutlak hanya untuk mabda Islam, tanpa mempertimbangkan apakah hal itu sesuai atau tidak dengan keinginan masyarakat umum; apakah sesuai dengan adat istiadat ataukah bertentangan; apakah mabda itu diterima

masyarakat, ditolak atau malah dimusuhi. Seorang pengemban dakwah (hamlu dakwah) tidak akan memujuk rayu di depan masyarakat; bermanis muka terhadap penguasa. Seorang pengemban dakwah tidak akan mempedulikan kebiasaan dan adat istiadat masyarakat. Dia tidak akan memperhitungkan apakah dakwahnya diterima masyarakat atautkah ditolak. Dia akan tetap berpegang teguh pada prinsip mabda Islam saja, dan akan menyuarakan mabda itu saja, tanpa mempertimbangkan nilai yang lain. Tidak boleh mengatakan kepada para pengikut mabda lain: “Pegang teguhlah mabda kalian”, tetapi hendaklah mereka diajak -tanpa paksaan- untuk memeluk mabda Islam. Ini kerana dakwah menghendaki agar tiada ideologi lain bersama-sama Islam dan kedaulatan adalah untuk Islam semata-mata. Firman Allah SWT:

﴿هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ

الدِّينِ كُلِّهِ ۚ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ﴾

“Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (dengan membawa) petunjuk (Al-Quran) dan agama yang benar, untuk dimenangkan-Nya ke atas seluruh agama, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya” (TQS. At-Taubah [9]: 33).

Rasulullah SAW datang ke dunia dengan membawa Risalah Islam, menyampaikannya secara terus terang. Beliau meyakini kebenaran risalah yang diembannya kepada masyarakat, menentang dunia secara keseluruhan, mengumumkan perang atas seluruh manusia, baik yang berkulit merah mahupun hitam, tanpa memperdulikan lagi adat istiadat, tradisi atau kebiasaan-kebiasaan, agama atau kepercayaan, sikap para penguasa atau rakyat banyak. Beliau tidak memperhatikan apa-apapun selain daripada risalah Islam. Rasulullah SAW memulai dakwahnya kepada orang-

orang Quraisy dengan mencela tuhan-tuhan mereka, menentang dan meremehkan seluruh kepercayaan-kepercayaan mereka. Sementara beliau ketika itu bersendirian dan dipinggirkan oleh masyarakat, tanpa pendukung dan tanpa sebarang senjatapun selain imannya yang amat mendalam terhadap Islam yang beliau serukan. Beliau sama sekali tidak memperhatikan kebiasaan dan adat istiadat bangsa Arab, tidak memperhatikan agama-agama dan kepercayaan-kepercayaan mereka; tidak bermanis muka atau memperhatikan perasaan/reaksi mereka.

Begitulah seharusnya sikap dan tindakan seorang pengemban dakwah Islam, yaitu menyampaikan dakwah secara terang-terangan; menentang segala kebiasaan, adat istiadat, idea-idea sesat, dan persepsi yang salah; bahkan menentang pandangan umum (public opinion) masyarakat sekiranya memang keliru, sekalipun untuk itu dia perlu bermusuhan. Begitu pula dia akan menentang kepercayaan-kepercayaan dan agama-agama yang ada, sekalipun perlu berhadapan dengan kefanatikan para pengikutnya atau perlu menghadapi kebencian orang-orang yang dungu dalam kesesatannya.

Mengemban dakwah Islam memerlukan keseriusan dalam pelaksanaan hukum-hukum Islam secara keseluruhan, dan tidak meremehkannya sedikit pun. Seorang pengemban dakwah tidak akan mengambil jalan kompromi dan tidak akan mengorbankan nilai-nilai Islam, tidak lalai dan tidak akan menunda-nunda. Sebaliknya, segala hal (yang berkaitan urusan dakwah) diambil keseluruhannya, secepat mungkin diselesaikan, dan tidak menerima tawar-menawar dalam memperjuangkan kebenaran. Rasulullah SAW tidak menerima tawaran delegasi Tsaqif bahawa mereka akan masuk Islam apabila Rasulullah membiarkan berhala mereka (tidak dihancurkan), iaitu Latta, selama tiga tahun, dan

membebaskan mereka dari kewajiban solat. Beliau serta merta menolak usulan mereka untuk membiarkan Latta selama dua tahun atau sebulan seperti yang mereka minta. Bahkan beliau menolak semua usulan mereka dengan tegas, tanpa sedikit pun ragu atau bimbang. Ini kerana manusia hanya memiliki dua pilihan: iman atau kufur, kerana tempat kembali (natijah) itu juga hanya dua, kalau tidak ke Syurga tentulah ke Neraka. Rasulullah SAW hanya menerima tawaran mereka agar bukan mereka sendiri yang menghancurkan berhala Latta. Beliau lalu menugaskan Abu Sufyan dan Mughirah bin Syu'bah untuk menghancurkannya. Memang benar, beliau tidak menerima sebarang perkara selain akidah yang sempurna dan pelaksanaan yang dikehendaknya. Mengenai sarana dan bentuknya, ternyata beliau menerimanya kerana kedua tawaran mereka itu tidak berhubungan dengan inti akidah. Oleh itu, dakwah Islam perlu mempertahankan kesempurnaan fikrah Islam serta kesempurnaan pelaksanaannya, tanpa ada toleransi sedikitpun, baik dalam fikrah mahupun thariqah (metodologi). Jadi, tidak masalah apabila ingin menggunakan sarana(wasilah) yang dikehendaknya.

Mengemban dakwah Islam memerlukan setiap langkah-langkahnya memiliki tujuan (ghaayah) tertentu, dan memerlukan para pengemban dakwah sentiasa memperhatikan tujuan tersebut. Selalu berusaha secara terus-menerus untuk mencapai tujuan tersebut. Bersungguh-sungguh dan tidak pernah beristirehat demi tercapainya objektif dakwah. Oleh kerana itu, kita dapati mereka tidak akan puas hanya sekadar berfikir tanpa memperkerjakannya (al-'amali) kerana hal ini dianggap sebagai falsafah khayalan yang membius. Mereka tidak akan rela hanya berfikir dan beramal tanpa mempunyai tujuan (ghaayah). Kerana hal yang sedemikian menjadikan seseorang hanya berputar-putar pada tempat yang sama lalu berakhir pada kejumudan dan

keputusasaan. Sebaliknya para pengemban dakwa mestilah sentiasa berusaha keras dalam menggabungkan pemikiran dengan amal perbuatan, serta mengarahkan kedua-duanya untuk mencapai tujuan, yang mereka usahakan secara praktikal hingga tercapai.

Rasulullah SAW pada mulanya mengemban qiyadah fikriyah Islam di Makkah. Namun, tatkala melihat bahawa masyarakat Makkah tidak sanggup menjadikan Islam sebagai sistem masyarakat, baginda lalu mempersiapkan masyarakat Madinah. Di sinilah baginda menubuhkan negara dan menerapkan Islam, mengembangkan risalahnya, seraya mempersiapkan umatnya -untuk mengembangkan risalah Islam sepeninggal baginda agar tetap berjalan pada garis yang telah baginda tentukan. Berdasarkan hal ini, dakwah Islam dalam keadaan tidak ada seorang Khalifah bagi kaum Muslim, mesti mencakupi dua bahagian. Pertama, dakwah mengajak memeluk Islam; dan kedua, dakwah untuk melanjutkan kehidupan Islam dengan berusaha menubuhkan Daulah Islam yang menerapkan (sistem-sistem) Islam dan yang akan mengemban risalah Islam ke seluruh dunia. Dengan cara ini, maka dakwah akan beralih daripada dakwah di kalangan umat yang bertujuan melanjutkan kehidupan Islam, menuju kepada dakwah yang diemban oleh negara ke seluruh dunia. Juga, akan beralih daripada dakwah yang bersifat setempat (local) di dunia Islam menuju dakwah yang bersifat universal (seluruh dunia pent.).

Dakwah mengajak kepada Islam mestilah jelas mengandungi pembedaan setiap akidah/kepercayaan lain yang ada, menguatkan hubungan dengan Allah SWT, dan menjelaskan kepada masyarakat penyelesaian Islam kepada masalah-masalah kehidupan mereka, sehingga dakwah menjadi hidup dalam semua aspek kehidupan. Sebagai contoh, ketika

Rasulullah SAW masih di Makkah, baginda sering membacakan kepada masyarakat:

﴿تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ﴾

“Binasalah kedua tangan Abu Lahab (pemimpin Quraisy itu)” (TQS. Al-Lahab [111]: 1).

Pada saat yang sama baginda juga membacakan:

﴿إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿١﴾ وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَّا

تُؤْمِنُونَ ﴿٢﴾﴾

“Sesungguhnya Al Quran itu adalah benar-benar wahyu (Allah yang diturunkan kepada) Rasul yang mulia. Dan Al-Quran itu bukanlah perkataan seorang penyair, sedikit sekali kamu beriman kepadanya.” (TQS. Al-Haaqqah [69]: 40- 41).

Dalam kesempatan lain baginda membaca:

﴿وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ

﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾﴾

“Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. (Iaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran daripada orang lain mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi” (TQS. Al-Muthaffifin [83]: 1-3).

Atau baginda membaca:

﴿إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ هُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا

الْأَنْهَارُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْكَبِيرُ ﴿١١﴾

“*Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal yang soleh, bagi mereka Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah keuntungan yang besar*” (TQS. Al-Buruj [85]: 11).

Ketika di Madinah baginda membaca:

“(Lalu) *Dirikanlah shalat, dan tunaikanlah zakat*” (TQS. Al-Baqarah [2]: 43).

juga membaca ayat-ayat lain seperti:

﴿أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي

سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكَ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

“*Berangkatlah kamu, baik dalam keadaan merasa ringan ataupun berat, dan berjihadlah dengan harta serta dirimu di jalan Allah*” (TQS. At-Taubah [9]: 41)

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى

فَاكْتُبُوهُ ﴿٢٨٢﴾

“*Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu melakukan transaksi tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya*” (TQS. Al-Baqarah [2]: 282)

﴿كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ﴾

“...supaya harta itu jangan hanya beredar di kalangan orang-orang kaya sahaja di antara kamu” (TQS. Al-Hasyr [59]: 7).

﴿لَا يَسْتَوِي أَصْحَابُ النَّارِ وَأَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ

الْفَائِزُونَ﴾

“Tiada sama penghuni-penghuni Neraka dengan penghuni-penghuni Syurga. Penghuni-penghuni Syurga itulah orang-orang yang beruntung” (TQS. Al-Hasyr [59]: 20).

Dengan demikian dakwah Islam mestilah menyajikan sistem-sistem yang dapat menyelesaikan masalah-masalah kehidupan manusia. Ini kerana rahsia kejayaan dakwah Islam adalah ianya hidup dan menangani permasalahan manusia dengan cara yang menyeluruh sebagai seorang manusia, sehingga membawa perubahan yang menyeluruh dalam diri manusia.

Adalah mustahil bagi para pengemban dakwah untuk memikul beban tanggung jawab (dakwah) dan melaksanakan kewajiban-kewajibannya dengan efektif melainkan menanamkan dalam diri mereka motivasi untuk mencapai kesempurnaan. Mereka sewajarnya sentiasa mengkaji dan mencari kebenaran; serta sentiasa menyemak ulang semua perkara yang sudah mereka ketahui agar dapat dibersihkan daripada segala pemikiran asing yang mungkin mempengaruhinya lalu menjauhkan pemikiran (asing) tersebut atau sebarang perkara menghampirinya yang mungkin terlekat dengan pemikiran tersebut. Hal ini demi memastikan idea yang diembankan oleh mereka sentiasa

bersih dan murni. Kemurnian dan kebersihan pemikiranlah merupakan satu-satunya jaminan untuk berjaya dan kesinambungan kejayaan yang terus-menerus.

Di samping itu, para pengemban dakwah semestinya memikul tugas(dakwah) ini sebagai suatu kewajiban dibebankan oleh Allah ke atas mereka. Mereka melakukannya dengan gembira dan hanya mengharapkan keredhaan Allah. Mereka tidak mengharapkan daripada amal perjuangannya itu imbalan, tidak menunggu ucapan terima kasih dan tidak mencari sesuatu apapun daripada manusia,, kecuali hanya keredhaan Allah semata-mata.

# PERADABAN ISLAM (AL-HADHARAH AL-ISLAMIYYAH)

Terdapat perbezaan antara Hadharah(peradaban) dan Madaniyah(kemajuan material) . Hadharah ialah sekumpulan mafahim (pemikiran yang dipegang dan mempunyai fakta) tentang kehidupan. Manakala Madaniyah adalah bentuk-bentuk fizikal bagi objek-objek yang boleh diindera yang digunakan dalam urusan kehidupan. Hadharah bersifat khas, yang berdasarkan kepada pandangan hidup. Sementara madaniyah boleh jadi bersifat khas, boleh jadi pula bersifat umum untuk seluruh umat manusia. Objek-objek madaniyah yang dihasilkan daripada hadharah, seperti patung, adalah termasuk madaniyah yang khas. Sedangkan objek-objek madaniyah hasil daripada kemajuan sains dan perkembangan teknologi/industri tergolong madaniyah yang umum, milik seluruh umat manusia dan bukan milik umat tertentu, sebaliknya bersifat universal seperti halnya sains dan teknologi/industri.

Perbezaan antara hadharah dengan madaniyah mestilah sentiasa diperhatikan. Seseorang itu mesti mengenali perbezaan antara bentuk-bentuk madaniyah yang terhasil daripada suatu hadharah, dengan bentuk-bentuk madaniyah yang terhasil daripada sains dan teknologi/industri. Hal ini amat penting tatkala kita akan mengambil madaniyah, agar kita dapat membezakan bentuk-bentuknya dan dapat perbezaannya dengan hadharah adalah jelas. Jadi, tidak ada larangan bagi kita untuk mengambil bentuk-bentuk madaniyyah Barat yang terhasil daripada sains dan teknologi/industri. Namun, madaniyyah Barat yang terhasil

daripada hadharahnya, jelas tidak boleh kita ambil, kerana ianya jelas bertentangan dengan hadharah Islam, baik dari segi asas dan pandangannya terhadap kehidupan, mahupun daripada erti kebahagiaan manusia

Hadharah Barat dibina berdasarkan pemisahan agama daripada kehidupan dan mengingkari peranan agama dalam kehidupan. Hal ini akibat daripada kemunculan fahaman sekular, iaitu pemisahan agama daripada urusan negara. Pemisahan ini adalah suatu yang tabii bagi mereka yang memisahkan agama daripada kehidupan dan mengingkari keberadaan agama dalam kehidupan. Di atas asas inilah mereka membangunkan kehidupan dan sistem kehidupan. Kehidupan menurut mereka hanya untuk (meraih) manfaat/maslahat. Manfaat menjadi ukuran bagi setiap perbuatan (miqiyas al 'amal) mereka. Manfaat merupakan asas kepada pembinaan sistem dan hadharah Barat. Dari sinilah manfaat menjadi fahaman yang menonjol dalam sistem dan hadharah ini. Ini kerana ia menggambarkan kehidupan sebagai manfaat. Menurut mereka, kebahagiaan adalah memberikan manusia sebanyak mungkin kenikmatan jasmani, serta menyediakan seluruh sarana ke arah kenikmatan tersebut. Dengan demikian hadharah Barat adalah hadharah yang dibangun berdasarkan mashlahat saja. Tidak ada nilai lain selain manfaat. Mereka tidak mengakui sebarang perkara selain manfaat. Mereka jadikan manfaat sebagai ukuran bagi setiap perbuatan. Menurut mereka aspek kerohanian menjadi urusan peribadi yang tidak ada hubungannya dengan masyarakat, dan terbatas hanya pada lingkungan gereja serta para gerejawan. Wajar, dalam hadharah Barat ini tidak terdapat nilai-nilai moral, rohani, dan kemanusiaan. Apa yang ada hanyalah nilai-nilai materialistik dan manfaat saja. Atas dasar inilah segala aktiviti kemanusiaan diambil alih oleh organisasi-organisasi yang berdiri sendiri di luar

pemerintahan (NGO-NGO), seperti organisasi Palang Merah dan misionari. Seluruh nilai-nilai telah tercabut daripada kehidupan kecuali nilai materialistik, iaitu memperoleh keuntungan(al-ribhu). Hadharah Barat sebenarnya adalah himpunan daripada mafahim tentang kehidupan sebagaimana dihuraikan sebelumnya.

Adapun hadharah Islam dibina di atas landasan yang bertentangan dengan landasan hadharah Barat. Pandangannya tentang kehidupan dunia juga berbeza dengan yang dimiliki oleh hadharah Barat. Demikian pula erti kebahagiaan hidup menurut Islam sangat berlawanan dengan erti kebahagiaan hidup menurut hadharah Barat. Hadharah Islam berdiri atas asas iman kepada Allah SWT, dan bahawasanya Dia telah menjadikan untuk alam semesta, manusia, dan kehidupan ini suatu sistem yang masing-masing perlu mematuhi. Diutusnya untuk kita, Nabi Muhammad SAW dengan membawa Agama Islam. Jadi, hadharah Islam berdiri di atas asas akidah Islam iaitu beriman kepada Allah, Malaikat-malaikat-Nya, Rasul-rasul-Nya, Kitab-kitab suci-Nya, Hari Kiamat, serta kepada Qada dan Qadar baik buruknya daripada Allah SWT. Akidahlah yang menjadi asas bagi hadharah ini. Dengan demikian hadharah ini berlandaskan kepada asas yang memperhatikan roh (iaitu hubungan manusia dengan Pencipta).

Gambaran kehidupan menurut hadharah Islam, dapat dilihat dalam falsafah Islam yang lahir daripada akidah Islam yang mana kehidupan serta perbuatan manusia dibangunkan di atasnya. Falsafah ini menggabungkan materi dengan roh, iaitu menjadikan semua perbuatan manusia berjalan menurut perintah Allah dan larangan-Nya. Falsafah ini yang menjadi asas gambaran tentang kehidupan. Ini kerana pada hakikatnya perbuatan manusia itu adalah materi sedangkan kesedaran

manusia akan hubungannya dengan Allah tatkala dia melakukan perbuatan, sama ada halal atau haram-nya perbuatan tersebut, adalah roh. Maka terjadilah penggabungan antara materi dengan roh. Dengan demikian, perbuatan seorang muslim diatur dengan perintah Allah dan larangan-Nya. Sedangkan tujuan akhir (al-ghayah) yang mengarahkan amal perbuatan agar berjalan di atas jalur perintah Allah dan larangan-Nya adalah keredaan Allah semata-mata, bukan manfaat. Sedangkan tujuan langsung(al-qosdu) suatu perbuatan dilakukan adalah nilai yang sentiasa diraih manusia tatkala dia melakukan suatu perbuatan. Nilai ini tentu saja berbeza-beza bergantung kepada jenis perbuatan. Adakalanya nilai itu bersifat materialistik, misalnya orang berniaga dengan maksud mencari keuntungan. Perbuatan berniaga itu merupakan perbuatan yang bersifat materialistik, sedangkan yang mengendalikan perbuatan berniaga adalah kesedarannya akan hubungan dirinya dengan Allah, sesuai dengan perintah dan larangan-Nya kerana mengharapkan reda Allah. Sementara nilai yang ingin diperolehi daripada aktiviti perniagaannya ialah keuntungan, yang merupakan nilai material.

Kadang kala nilai suatu perbuatan bersifat kerohanian, misalnya Solat, Zakat, Puasa atau Haji. Ada pula yang bersifat moral, seperti jujur, amanah atau menepati janji. Boleh juga bersifat kemanusiaan, seperti menyelamatkan orang yang lemas atau menolong orang yang berduka. Nilai-nilai seumpama ini sentiasa diraih manusia agar terwujud ketika dia melakukan perbuatan. Namun begitu, nilai-nilai tersebut bukanlah pendorong suatu perbuatan, dan bukan pula tujuan utama suatu perbuatan dilakukakanya. Ia hanya sekadar nilai-nilai perbuatan yang berbeza-beza bergantung kepada jenis perbuatan.

Selain itu, kebahagiaan hidup menurut Islam adalah menggapai reda Allah SWT, bukan untuk memuaskan keperluan-keperluan manusia. Hal ini kerana pemuasan keperluan manusia, baik keperluan organik mahupun keinginan naluri merupakan sarana mutlak untuk menjaga kelangsungan hidup manusia, tetapi ini tidak menjamin kebahagiaan. Inilah pandangan hidup menurut Islam, dan pandangan inilah yang menjadi asas bagi hadharah Islam, yang jelas sangat bertentangan dengan hadharah Barat. Begitu juga mengenai bentuk-bentuk madaniyah yang dihasilkan hadharah Islam yang jelas-jelas bertentangan dengan bentuk-bentuk madaniyah yang menjadi produk hadharah Barat. Sebagai contoh, lukisan adalah bentuk madaniyah. Kebudayaan Barat menganggap bahawa lukisan perempuan telanjang yang menampilkan seluruh bentuk keindahan tubuh sebagai madaniyah yang sesuai dengan kefahaman kehidupannya terhadap wanita. Oleh kerana itu, orang Barat memandangnya sebagai bentuk madaniyah yang bersifat seni yang diagung-agungkan jika memenuhi syarat-syarat seni. Namun bentuk madaniyah seumpama ini bertentangan dengan hadharah Islam dan berlawanan dengan pandangannya terhadap wanita, iaitu sebagai suatu kehormatan yang wajib dijaga. Islam melarang lukisan seumpama ini, kerana akan merangsang syahwat seksual lelaki/wanita yang lahir daripada naluri melestarikan zuriat dan membawa kepada kerosakan akhlak. Contoh lain, apabila seorang muslim hendak mendirikan rumah yang termasuk salah satu bentuk madaniyah, maka dia akan membina rumahnya sedemikian rupa agar jangan sampai aurat wanita penghuni rumah mudah terlihat oleh orang luar, misalnya dengan mendirikan pagar di sekeliling rumahnya. Berbeza dengan orang-orang Barat, mereka tidak langsung memperhatikan hal-hal seumpama ini sesuai dengan hadharahnya. Dengan demikian, seluruh bentuk madaniyah

yang menjadi produk hadharah Barat seperti patung dan sejenisnya. Demikiran juga mengenai busana pakaian, apabila memiliki ciri khas orang-orang kafir, tidak boleh dipakai oleh orang Islam kerana pakaian seperti ini membawa pandangan hidup tertentu. Akan tetapi jika bukan yang demikian, yakni telah menjadi kebiasaan dalam berbusana dan tidak dianggap sebagai pakaian khusus orang kafir -hanya dipakai untuk sekadar memenuhi keperluan atau perhiasan busana, maka pakaian tersebut termasuk jenis madaniyah yang bersifat umum dan boleh dikenakan.

Objek-objek madaniyah yang dihasilkan oleh sains dan teknologi/industri, seperti kelengkapan makmal, alat-alat perubatan, mesin-mesin industri, perabot kediaman, permadani, dan sebagainya. Semua ini termasuk bentuk madaniyah yang bersifat universal, sehingga boleh diambil tanpa khuatir terhadap sesuatu. Objek-objek ini bukanlah produk hadharah serta tidak ada hubungan dengan hadharah.

Dengan melihat sepintas lalu terhadap Hadharah Barat yang berkuasa di dunia saat ini, maka kita dapati bahawa hadaarah ini tidak mampu menjamin ketenangan dan ketenteraman manusia. Sebaliknya, hadharah ini telah mengakibatkan kesengsaraan dan penderitaan yang berakar umbi di seluruh dunia. Hadharah berlandaskan pemisahan agama daripada kehidupan, yang bertentangan dengan fitrah manusia, dan tidak memandangkan aspek spritual sedikit pun dalam kehidupan umum, memandangkan bahawa kehidupan dunia sebagai manfaat belaka, serta menjadikan hubungan sesama manusia berdasarkan pada manfaat. Hadharah seperti ini tidak menghasilkan apa-apa selain kesengsaraan dan keresahan yang terus-menerus. Selagi mana manfaat dijadikan asas, maka konflik ke atasnya menjadi suatu yang tabii, perebutan ke atasnya juga menjadi tabii. Hubungan sesama manusia yang

dibina bersandarkan kekuatan, menjadi sesuatu yang wajar. Oleh kerana itu, penjajahan merupakan hal yang wajar bagi penganut hadharah ini. Akhlak pun bergoncang kerana hanya manfaat saja yang tetap menjadi asas kehidupan. Dengan demikian, wajar jika akhlak yang baik menjauhi kehidupan masyarakat Barat, sepertimana nilai-nilai kerohnian yang telah diabaikan. Lalu kehidupan ini berjalan atas dasar persaingan, permusuhan, pencerobohan, dan penjajahan. Krisis kerohanian yang melanda umat manusia, keresahan yang kronik, serta kejahatan yang bermaharajalela di seluruh dunia merupakan bukti nyata daripada dampak hadharah Barat. Hadharah inilah yang kini berkuasa di seluruh dunia. Dia telah menimbulkan berbagai-bagai dampak berbahaya, dan membahayakan kelangsungan kehidupan umat manusia.

Namun jika kita mengamati hadharah Islam yang pernah berkuasa di dunia sejak abad ke-7 hingga akhir abad ke-18 Masihi, kita dapati betapa hadharah ini tidak pernah menjadi penjajah, kerana memang bukan tabiatnya untuk menjajah. Hadharah ini tidak membezakan antara kaum Muslimin dengan mereka yang lain. Keadilan terjamin terhadap seluruh bangsa yang pernah tunduk di bawahnya sepanjang kekuasaan Islam kerana hadharah ini berdiri atas asas roh yang berusaha mewujudkan seluruh nilai-nilai kehidupan, baik itu nilai materialistik, spiritual, moral, mahupun kemanusiaan; di samping menjadikan akidah sebagai fokus terpenting dalam hidup ini. Kehidupan pun dipandang sebagai kehidupan yang berjalan menurut perintah dan larangan Allah. Kebahagiaan hidup adalah dengan meraih keredaan Allah SWT. Apabila hadharah Islam kembali berkuasa di dunia sebagaimana masa-masa sebelumnya, tentulah hadlarah ini akan mampu menangani pelbagai krisis yang melanda dunia, dan mampu menjamin kesejahteraan bagi seluruh umat manusia.

# SISTEM ISLAM

Islam adalah agama yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad SAW, yang mengatur hubungan manusia dengan Khaliq-nya, dengan dirinya dan dengan sesama manusia. Hubungan manusia dengan Penciptanya termasuk dalam perkara akidah dan ibadah. Hubungan manusia dengan dirinya termasuk dalam perkara akhlak, makanan, dan pakaian. Hubungan manusia dengan sesamanya termasuk dalam perkara mu'amalah dan uqubat (hukuman). Dengan demikian Islam merupakan mabda (ideologi) yang ,mengatur seluruh aspek kehidupan. Islam bukan sebuah teologi yang tidak ada kaitannya sedikit pun dengan sistem kependetaan. Islam sangat jauh dengan autokrasi (kediktatoran pemerintahan agamawan, pent.). Di dalam Islam tidak ada istilah golongan ahli agama/agamawan, juga tidak dijumpai istilah ahli politik. Setiap orang yang memeluk agama Islam disebut sebagai kaum muslimin. Semuanya sama di hadapan agama. Jadi di dalam Islam tidak ada istilah agamawan ataupun teknokrat.

Adapun yang dimaksudkan dengan aspek kerohanian di dalam Islam adalah, baahwa semua benda itu adalah makhluk yang diciptakan Al-Khaliqnya, di mana mereka diatur mengikuti perintah dan kehendak Al-Khaliq. Berdasarkan tinjauan yang mendalam tentang alam, manusia, dan kehidupan, serta semua yang berada di sekitarnya dan yang berkaitan dengannya, maka dapat dibuktikan ketiga-tiganya memiliki kekurangan (naaqis), kelemahan (a'ajiz), dan kebergantungan kepada yang lain (multtaj). Ini dapat diindera dan disaksikan dengan jelas terhadap semua yang berkaitan dengannya (iaitu alam semesta, manusia, dan kehidupan, pent.). Inilah yang menunjukkan secara pasti bahawa

ketiganya adalah makhluk bagi Al-Khaliq dan diatur menurut perintah dan kehendak-Nya. Bahawasanya manusia itu dalam menjalankan kehidupannya memerlukan sistem yang mengatur naluri dan keperluan jasmaninya. Sistem tersebut pastilah tidak mungkin berasal daripada manusia, kerana manusia bersifat lemah dan tidak mampu mengetahui semua perkara. Tambahan pula, pemahaman manusia dalam penetapan sistem seumpama itu sangat mungkin sekali berlakunya perbezaan, perselisihan, dan pertentangan. Hal ini hanya akan melahirkan sebuah sistem yang penuh penentangan, yang mengakibatkan kesengsaraan kepada umat manusia. Oleh kerana itu, sistem tersebut mestilah berasal daripada Allah SWT. Justeru itu, manusia mestilah menyesuaikan seluruh amal perbuatannya dengan sistem yang bersumber daripada Allah SWT. Namun, sekiranya manusia mengikuti sistem tersebut hanya kerana mengejar manfaat di dalamnya, bukan bersandarkan kepada kesedaran bahawa sistem tersebut bersumber daripada Allah, tentulah tiada aspek kerohanian di dalamnya. Oleh sebab itu, seluruh amal perbuatan manusia hendaklah diatur berdasarkan perintah dan larangan Allah, yang bersandarkan kesedaran manusia terhadap hubungannya dengan Allah SWT, sehingga akan terwujudlah roh dalam setiap amal perbuatannya. Dengan kata lain perlu ada kesedaran akan hubungannya dengan Allah. Dengan kesedaran ini manusia akan menyesuaikan seluruh amal perbuatannya sesuai dengan perintah Allah dan larangan-Nya. Sehingga roh akan nampak ketika melakukan setiap amal perbuatannya. Erti roh adalah kesedaran manusia akan hubungannya dengan Allah. Sedangkan yang dimaksud dengan menggabungkan roh dengan materi adalah terwujudnya kesedaran akan hubungannya dengan Allah ketika dia melakukan amal perbuatan. Dengan demikian, manusia akan menyesuaikan setiap amal perbuatannya dengan

pefintah Allah dan larangan-Nya bersandarkan kesedaran akan hubungannya dengan Allah.

Amal perbuatan bersifat materi, sedangkan kesedaran akan hubungannya dengan Allah tatkala melakukan setiap perbuatan dinamakan roh. Penggabungan antara amal perbuatan dengan perintah Allah dan larangan-Nya yang didasarkan kepada kesedaran hubungannya dengan Allah, itulah yang dimaksudkan dengan menyatukan antara materi dengan roh. Oleh yang demikian, amal perbuatan seorang non-muslim yang selari dengan hukum-hukum syari'at yang digali daripada Al-Quran dan Sunah tidak tergolong sebagai aktiviti yang dipengaruhi oleh roh kerana penggabungan antara materi dengan roh tidak ada sama sekali dalam perbuatannya itu. Ini kerana dia tidak beriman kepada Islam dan tidak menyedari hubungannya dengan Allah. Dia hanya mengambil hukum-hukum syariat itu sebagai sistem yang dikaguminya, yang mengatur semua amal perbuatannya. Ini berbeza dengan seorang muslim yang melakukan semua perbuatan selari dengan perintah dan larangan Allah SWT yang berlandaskan kesedaran hubungannya dengan Allah, dan tujuannya hanya mencari keredaan Allah SWT, bukan sekadar mendapatkan manfaat yang diberikan oleh sistem tersebut. Oleh sebab itu, perlu adanya aspek rohani dalam semua perkara, dan perlu juga adanya ruh tatkala melakukan seluruh amal perbuatan. Setiap orang mesti memahami dengan jelas bahawa erti aspek kerohanian adalah semua benda merupakan makhluk bagi Al-Khaliq- maka terdapat hubungan antara makhluk dengan Al-Khaliq-nya. Sedangkan roh adalah kesedaran tentang hubungan ini, -iaitu kesedaran manusia terhadap hubungannya dengan Allah. Inilah yang dimaksud dengan aspek kerohanian dan roh. Inilah satu-satunya persepsi/ mafhum yang benar. Di luar persepsi tersebut adalah salah. Tinjauan yang mendalam dan cemerlang mengenai

alam, kehidupan, dan manusia inilah yang telah membawa kepada hasil pemikiran yang benar, serta telah menghasilkan persepsi yang benar.

Sebahagian agama memandang bahawa alam terdiri daripada dua jenis, yang dapat diindera dan yang halus (ghaib). Manusia terdiri daripada aspek kerohanian dan jasmani. Kehidupan merangkumi kedua-dua aspek materi dan rohani. Mereka beranggapan bahawa aspek materi itu berlawanan dengan aspek yang ghaib. Oleh kerana itu, unsur kerohanian tidak akan pernah bersama dengan unsur materi, kedua-duanya terpisah. Mereka berpendapat kedua-duanya terdapat perbezaan yang sangat fundamental secara hakikatnya, dan tidak mungkin keduanya disatukan. Sebarang usaha untuk memperkuatkan salah satu di antara keduanya justru akan memperlemahkan salah satunya. Berdasarkan hal ini maka orang yang menginginkan kehidupan akhirat mestilah memperkuatkan aspek spiritualnya. Dari sini timbullah dalam agama Kristian dua kekuasaan, iaitu kekuasaan spiritual dan kekuasaan politik, yang terkenal dengan semboyan: 'Berilah apa yang menjadi milik Caesar (pemerintah Rom) untuk Caesar, dan apa yang menjadi milik Allah untuk Allah'. Sementara itu, mereka yang menguasai kekuasaan spiritual adalah para paderi dan gerejawan, yang selalu berusaha untuk mengambil alih kekuasaan politik agar berada di tangan mereka agar mereka dapat memperkuat kekuasaan spiritual atas kekuasaan politik dalam kehidupan. Akibatnya muncul pertentangan antara kekuasaan spiritual dengan kekuasaan politik yang akhirnya disepakati bahawa para gerejawan diberi hak autonomi dalam kekuasaan spiritual dan tidak boleh mencampuri kekuasaan politik. Agama telah dipisahkan daripada kehidupan, kerana bersifat teokratik/ritual belaka.

Pemisahan antara agama dan kehidupan inilah yang menjadi akidah bagi mabda kapitalis, sekaligus menjadi asas peradaban Barat dan menjadi qiyadah fikriyah (kepemimpinan berpikir) yang dipropagandakan imperialis Barat ke seluruh dunia. Ia merupakan tonggak kebudayaan pemikirannya. Dengan asas itu mereka berusaha menggoncangkan akidah kaum muslimin terhadap Islam. Mereka menyamakan Islam dengan analogi agama Kristian (Nashrani), yang kedua-dua merupakan agama. Justeru itu, siapa saja yang mempropagandakan “pemisahan agama daripada kehidupan” atau “pemisahan agama daripada negara dan politik” tidak lain –mereka hanyalah agen Barat baik secara langsung mahupun tidak langsung yang dipimpin oleh qiyadah fikriyah Barat, menjadi kaki tangan para penjajah -tanpa dilihat lagi apakah berniat baik atau buruk-. Orang seperti ini boleh dikatakan bodoh/jahil, tidak mengerti Islam, atau musuh yang menentang Islam.

Islam mengaggap bahawa semua benda yang dapat dicerap oleh indera adalah materi. Sedangkan aspek (naahiyah) ruhiyah adalah keberadaan semua benda tersebut sebagai makhluk. Dan roh adalah kesedaran manusia akan hubungannya dengan Allah. Justeru itu, tidak wujud aspek ruhiyah dipisahkan dengan materi. Begitu juga tidak ada dalam diri manusia menguatkan rohani dan melemahkan jasmani. Malah yang ada pada diri manusia adalah keperluan jasmani dan keperluan naluri yang mesti dipenuhi. Di antara naluri-naluri itu terdapat naluri beragama, iaitu keperluan terhadap Yang Maha Pencipta dan Maha Pengatur, yang muncul daripada kelemahan alami yang terdapat dalam diri manusia. Pemenuhan naluri-naluri itu tidak disebut sebagai aspek kerohanian ataupun aspek materi, melainkan hanya sekadar pemenuhan saja. Namun demikian, apabila keperluan jasmani (hajatul udhawiyah) dan naluri-naluri (gharaiz) itu

dipenuhi menurut sistem yang diwahyukan Allah disertai kesadaran akan hubungannya dengan Allah, berarti dia telah sejalan dengan roh. Tetapi jika keperluan jasmani dan naluri dipenuhi tanpa sebuah sistem, atau dengan sistem yang bukan diwahyukan Allah SWT, maka ianya hanya merupakan pemenuhan materialistik semata-mata, yang mengakibatkan kesengsaraan manusia. Naluri melestarikan zuriat (gharizatul nau'), misalnya, apabila dipenuhi tanpa sebuah sistem atau dengan sistem yang bukan berasal daripada Allah SWT, ia akan menyebabkan kesengsaraan manusia. Sebaliknya, apabila terpenuhi dengan sistem perkawinan yang berasal daripada Allah SWT, selari dengan hukum-hukum Islam, maka perkawinan itu akan menghasilkan ketenteraman. Contoh lain adalah naluri beragama (gharizatul tadayun), apabila dipenuhi tanpa sebuah sistem atau dengan sistem yang bukan berasal daripada Allah SWT, misalnya dengan menyembah patung atau menyembah sesama manusia, maka hal ini termasuk perbuatan syirik dan kufur. Sebaliknya, apabila dipenuhi dengan hukum-hukum Islam, maka pemenuhan tersebut merupakan ibadah.

Oleh yang demikian, suatu keperluan untuk memelihara aspek kerohanian dalam semua perkara, dan menyesuaikan seluruh amal perbuatan dengan perintah dan larangan Allah, dengan dilandasi atas kesadaran akan hubungannya dengan Allah. Dengan kata lain, perbuatan-perbuatan itu dilaksanakan sesuai dengan roh. Jadi, dalam satu perbuatan tidak ada dua unsur (spiritual dan materi), namun yang ada hanya satu sahaja iaitu perbuatan itu sendiri. Mengenai sifatnya, apakah termasuk materi belaka atautakah berjalan sesuai dengan roh, hal ini bukan berasal daripada amal perbuatan, melainkan berasal daripada apakah amal perbuatan tersebut berjalan sesuai dengan hukum-hukum Islam atau tidak. Seorang muslim yang membunuh musuhnya di medan

perang, perbuatannya itu termasuk jihad. Ia memperoleh pahala kerana telah melakukan sesuai dengan hukum-hukum Islam. Sementara seorang muslim yang membunuh jiwa yang suci -(baik muslim mahupun non-muslim) tanpa alasan yang dibenarkan syariat Islam-, perbuatannya itu termasuk tindakan jenayah. Ia memperoleh hukuman kerana telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan perintah dan larangan Allah. Dua perbuatan ini sebenarnya sejenis, iaitu pembunuhan yang dilakukan oleh seorang manusia. Pembunuhan boleh menjadi ibadah tatkala dilakukan berdasarkan roh, dan boleh menjadi kejahatan apabila dilakukan tidak sesuai dengan roh. Oleh sebab itu, sudah selayaknya seorang muslim menyertakan roh dalam setiap amal perbuatannya. Jadi, penggabungan antara roh dengan materi bukan saja perkara yang dianggap mungkin terjadi, tetapi memang wajib dilakukan. Dalam perkataan lain, tidak boleh memisahkan materi dengan roh dan tidak boleh memisahkan setiap perbuatan dengan keterikatannya terhadap perintah dan larangan Allah SWT, yang dilandasi kesedaran akan hubungannya dengan Allah. Dengan demikian, setiap usaha pemisahan antara aspek kerohanian dengan materi mestilah dihindari. Oleh sebab itu, di dalam Islam tidak ada agamawan, tidak ada kekuasaan agama di tangan para pendeta dan juga tidak ada kekuasaan politik yang terpisah daripada agama. Bahkan Islam adalah agama di mana sebahagian daripadanya adalah negara. Negara adalah sekumpulan hukum-hukum Syariah, yang sama kedudukannya dengan hukum-hukum tentang solat. Negara merupakan satu-satunya metodologi(thariqah) untuk menerapkan hukum-hukum Islam dan menyebarkan dakwahnya. Sebarang usaha yang membatasi agama dengan perkara-perkara ritual semata-mata dan menyingkirkannya daripada arena politik dan pemerintahan, mestilah disingkirkan. Oleh itu, semua institusi yang mengelola khusus aktiviti kerohanian sahaja

mestilah dihapuskan. Jabatan yang mengurus masjid dihapuskan lalu pengurusannya diambilalih oleh Jabatan Pendidikan. Demikian juga Mahkamah-mahkamah Syariah dan Sivil dilenyapkan, dan digantikan mahkamah tunggal, yang hanya menerapkan hukum Islam kerana kekuasaan Islam itu adalah kekuasaan tunggal.

Islam adalah akidah dan sistem. Akidah Islam adalah beriman kepada Allah, Malaikat-malaikat-Nya, Kitab-kitab-Nya, Rasul-rasul-Nya, Hari Akhirat, serta Qada dan Qadar - bahawa baik buruknya daripada Allah SWT-. Islam membangun akidah berdasarkan pembuktian akal dalam hal-hal yang dapat dijangkau oleh akal. Seperti mana iman kepada kewujudan Allah, kenabian Muhammad SAW, dan terhadap Al-Quran Al-Karim. Islam juga membangun hal-hal yang ghaib, iaitu perkara yang mana akal tidak mungkin mampu menjangkaunya seperti Hari Kiamat, kewujudan para malaikat, Syurga dan Neraka, yang kesemuanya berdasarkan kepada penyerahan sepenuhnya, yang bersumberkan sesuatu yang telah terbukti kebenarannya melalui akal, iaitu Al-Quran Al-Karim dan Hadits mutawatir. Islam telah menjadikan akal sebagai objek hukum (taklif).

Sistem Islam adalah hukum-hukum syariat (ahkamul syariah) yang mengatur seluruh urusan manusia. Namun, sistem Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan dalam bentuk-bentuk yang umum (garis besar), dan dengan makna-makna (petunjuk) yang umum sahaja sedangkan perinciannya digali daripada pelbagai makna umum tadi ketika menerapkan hukum-hukum tersebut. Oleh yang demikian, Al-Quran dan Hadis Syarif datang dengan garis-garis besar umum, iaitu mencakupi berbagai-bagai keterangan umum untuk menyelesaikan pelbagai urusan manusia secara universal. Para mujtahid diberikan kebebasan untuk menggali keterangan-

keterangan umum tersebut menjadi hukum-hukum yang terperinci, tentang pelbagai persoalan yang muncul sepanjang masa dan di pelbagai tempat yang berbeza.

Islam hanya memiliki satu metodologi(thariqah) dalam menyelesaikan berbagai-bagai ragam masalah, iaitu dengan cara mendorong seorang mujtahid untuk mengkaji persoalan-persoalan yang baru, sehingga dia benar-benar memahaminya dan kemudian mengkaji nash-nash syarak yang berkaitan dengan persoalan tersebut lalu akhirnya menarik kesimpulan (istinbath) hukum bagi penyelesaian kepada persoalan tersebut berdasarkan nash-nash syarak. Dengan kata lain seorang mujtahid menggali hukum syarak tentang persoalan tersebut dari dalil-dalil syar'i. Secara mutlak dia tidak menempuh jalan yang lain. Namun demikian tatkala dia mengkaji persoalan tersebut, dia perlu mengkajinya sebagai salah satu persoalan manusia secara umum dan tidak menganggapnya sebagai persoalan ekonomi, sosial, atau pemerintahan sahaja, atau yang lainnya. Sebaliknya dia mengkajinya sebagai persoalan yang memerlukan ketentuan hukum syarak sehingga dapat diketahui hukum Allah yang berkaitan dengannya.

# HUKUM SYARAK

Hukum Syarak adalah khithabul Syari' (seruan Allah sebagai pembuat hukum) yang berkaitan dengan amal perbuatan hamba (manusia), baik itu merupakan ketetapan yang sumbernya pasti (qath'i tsubut) seperti Al-Quran dan Hadits mutawatir, mahupun ketetapan yang sumbernya masih merupakan dugaan yang kuat (zhanni tsubut) seperti hadits yang bukan tergolong mutawatir. Apabila sumber ketetapannya pasti, maka perlu dilihat; iaitu jika penunjukan dalilnya bersifat pasti (qath'iyad dilalah), maka hukum yang terkandung di dalamnya bersifat pasti (qath'i). Misalnya jumlah rakaat solat fardhu yang kesemuanya bersumber daripada hadits mutawatir. Begitu juga dengan hukum haramnya riba, potong tangan bagi pencuri, atau hukum jilid (sebat) bagi pezina. Semua itu merupakan hukum-hukum yang bersifat pasti dan nilai kebenaran di dalamnya merupakan suatu ketetapan. Tidak ada tafsiran lain yang ditunjukkannya kecuali hanya satu tafsiran yang pasti.

Akan tetapi jika khithabul Syari' itu sumbernya bersifat pasti sedangkan penunjukan dalilnya bersifat zhanni (zhanniyad dilalah), maka hukum yang terkandung di dalamnya adalah zhanni. Misalnya ayat (Al-Quran) tentang jizyah (wang yang dipungut oleh negara daripada orang kafir dzimmi yang menolak masuk Islam, tetapi bersedia hidup dalam masyarakat Islam), yang merupakan daripada sumber yang pasti (qathi'), akan tetapi penunjukannya adalah zhanni dari segi perinciannya. Mazhab Hanafi misalnya mensyaratkan penggunaan istilah jizyah; sehingga ketika memberikannya mesti nampak jelas kehinaan bagi

pembayarannya. Sedangkan Mazhab Syafi'i tidak mensyaratkan penggunaan istilah jizyah, bahkan membenarkan mengambilnya dengan sebutan zakat mudha'afah, -zakat berlipat ganda-, tidak perlu menampakkan kehinaan, melainkan cukup tunduk saja terhadap hukum-hukum Islam.

Adapun jika kithabul Syari' yang sumbernya bersifat zhanni (zhanni tsubut) seperti hadits yang bukan mutawatir, maka hukum yang terkandung di dalamnya menjadi zhanni (tidak muktamad) pula, baik itu merupakan dilalah-nya yang qath'i, seperti puasa enam hari pada Bulan Syawal yang ditetapkan oleh sunnah, mahupun yang dilalah-nya zhanni, seperti larangan menyewakan tanah pertanian yang juga ditetapkan oleh sunnah.

Kita dapat memahami hukum syarak pada seruan pembuat hukum (kithabul Syari') melalui proses ijtihad yang benar. Jadi, ijtihad para mujtahid itulah yang ianya dilihat sebagai hukum syarak. Oleh sebab itu, hukum Allah bagi setiap mujtahid adalah apa yang dihasilkan melalui proses ijtihad dan menduga kuat kebenaran hukum tersebut.

Seorang mukallaf yang telah mencapai darjat ahli ijtihad dalam suatu persoalan tertentu, atau dalam pelbagai persoalan, dan berijtihad ke atasnya (persoalan tersebut) yang kemudiannya mendapatkan hukum tersebut, (dalam hal ini terdapat kesepakatan ulama) maka seseorang mujtahid tidak dibenarkan bertaklid kepada mujtahid lain yang pendapatnya berlawanan dengan hasil ijtihadnya. Dia tidak boleh meninggalkan ijtihadnya (walaupun berbentuk zhanni) kecuali ketika empat keadaan:

1. Jika sudah jelas baginya bahawa dalil yang menjadi sandaran ijtihadnya itu adalah lemah, dan dalil mujtahid lainnya lebih kuat. Dalam keadaan seperti ini, dia wajib meninggalkan hukum daripada hasil ijtihadnya dalam masalah tersebut, dan mengambil hukum yang dalilnya yang lebih kuat.

2. Jika sudah jelas baginya bahawa mujtahid lainnya itu lebih mampu daripada dirinya dalam memadankan (hukum), atau lebih mengetahui dengan mendalam tentang fakta/realitinya, atau lebih kuat pemahaman dalil-dalilnya, atau lebih banyak pengkajiannya tentang dalil-dalil sam'i, maka dia boleh meninggalkan hukum daripada hasil ijtihadnya dalam masalah tersebut, kemudian bertaklid terhadap mujtahid lain yang lebih dipercayai proses ijtihadnya berbanding hasil ijtihadnya sendiri.

3. Jika terdapat pendapat yang bertujuan menyatukan suara/sikap kaum Muslim dalam rangka mencapai kemaslahatan kaum Muslimin. Dalam keadaan seperti ini boleh bagi seorang mujtahid meninggalkan pendapatnya, dan mengambil hukum yang dapat menyatukan suara/sikap kaum Muslim seperti yang terjadi pada masa pembai'atan Uthman r.a.

4. Jika Khalifah telah memilih dan menetapkan (tabanni) salah satu hukum syarak yang berbeza dengan hukum hasil ijtihad seorang mujtahid. Dalam keadaan semacam ini wajib atasnya tidak mengamalkan hasil ijtihadnya. Dia perlu mengamalkan hukum yang telah dipilih dan ditetapkan Khalifah. Ini kerana para sahabat telah berijma' bahawa "Perintah/ keputusan Imam (Khalifah) menghilangkan perselisihan'. Perintah Imam perlu dijalankan atas seluruh kaum Muslim.

Jika seseorang tidak memiliki kemampuan berijtihad, maka dibolehkan baginya bertaklid kepada orang lain di kalangan para mujtahid. Hal ini kerana para sahabat telah bersepakat tentang bolehnya seorang mujtahid bertaklid kepada mujtahid yang lain.

Orang yang tidak memiliki kemampuan berijtihad dinamakan muqallid. Muqallid itu terbagi dua, iaitu muqallid muttabi' dan muqallid 'ammi. Muqallid muttabi' adalah orang yang memiliki sebahagian ilmu yang diperlukan dalam berijtihad, dan ia bertaklid kepada seorang mujtahid setelah dia mengetahui dalilnya. Pada saat itu hukum Allah atas muttabi' tersebut pada hakikatnya adalah pendapat mujtahid yang diikutinya. Manakala muqallid'ammi adalah orang yang tidak memiliki sebahagian ilmu yang diperlukan dalam berijtihad, sehingga ia bertaklid kepada seorang mujtahid tanpa mengetahui dalilnya. Berdasarkan hal ini, muqallid 'ammi mestilah mengikuti ucapan atau pendapat para mujtahid serta menerima hukum-hukum yang mereka istinbath-kan. Baginya hukum syarak adalah hukum yang di-istinbath-kan oleh mujtahid yang ditirunya- diikuti bulat-bulat- (qalladuhu). Oleh yang demikian, maka hukum-hukum syarak yang di-istinbath oleh mujtahid yang berkelayakan, merupakan hukum Allah baginya yang tidak boleh diingkari, dan dia tidak boleh mengikuti pendapat lain secara mutlak. Dengan demikian, dia pada hakikatnya adalah orang yang mengikuti hukum Allah dan tidak boleh mengingkarinya

Seorang muqallid yang mengikuti bulat-bulat (qallada) sebahagian mujtahid dalam satu perkara daripada berbagai-bagai perkara yang ada, dan bertindak selari dengan pendapat mujtahid dalam perkara tersebut, maka dia tidak boleh sama sekali kembali kepada pendapat mujtahid lain selepas itu dalam perkara yang sama. Dia boleh bertaklid kepada mujtahid

lainnya dalam perkara-perkara yang lain sebagaimana ketetapan daripada ijma' shahabat bahawa seorang muqallid dibolehkan meminta fatwa kepada orang alim dalam masalah tertentu. Adapun jika seorang muqallid menetapkan satu mazhab, misalnya Mazhab Syafi'i dan berkata "Saya bermazhab kepadanya dan terikat kepadanya", maka dalam hal ini ada keterangan lain: Muqallid tidak dibenarkan sama sekali untuk mengikuti pendapat mujtahid yang lain dalam setiap perkara yang telah ada penetapan hukum dalam mazhab yang diikutinya. Berbeza dengan amal perbuatan yang tidak ditetapkan hukumnya dalam mazhab diikutinya, maka tidak ada larangan baginya untuk mengikuti mazhab lain.

# JENIS-JENIS HUKUM SYARIAH

Hukum Syariah Islam terdiri dari lima jenis, iaitu Fardhu, Haram, Mandub(Sunat), Makruh, dan Mubah(Harus). Hukum syariah Islam boleh berbentuk tuntutan untuk melakukan sesuatu atau tuntutan untuk meninggalkannya. Jika seruan(amr) itu berbentuk tuntutan untuk melakukan sesuatu, maka seruan itu dibagi ke dalam dua jenis. Pertama, yang berkaitan dengan tuntutan yang ada penegasan (jazm) untuk dikerjakan, yang dinamakan fardhu atau wajib. Tidak ada perbezaan antara dua istilah tersebut. Kedua, yang berkaitan dengan tuntutan yang tiada penegasan (ghair jazm) untuk dikerjakan, iaitu apa yang dinamakan mandub. Jika hukum syarak berkaitan dengan tuntutan untuk meninggalkan suatu perbuatan, maka seruan itu juga dibagi dua jenis. Pertama, yang berkaitan dengan tuntutan yang ada penegasan (jazm) untuk ditinggalkan, yang dinamakan haram atau mahzhur. Tidak ada perbezaan antara kedua istilah tersebut. Kedua, jika berkaitan dengan tuntutan yang tiada penegasan (ghair jazm) meninggalkannya. Inilah yang dinamakan makruh.

Oleh kerana itu, fardhu atau wajib adalah seluruh perbuatan yang mendapatkan pujian bagi pelakunya, dan celaan bagi mereka yang meninggalkannya. Atau, bagi orang yang meninggalkannya akan memperoleh hukuman. Sedangkan haram adalah perbuatan yang mendapatkan celaan bagi pelakunya, dan pujian bagi mereka yang meninggalkannya. Dengan kata lain, orang yang melakukannya akan memperoleh hukuman. Adapun mandub (sunat) adalah pujian bagi pelakunya, tetapi tidak mendapatkan celaan bagi yang meninggalkannya, iaitu dia akan mendapat ganjaran kerana

melaksanakannya dan tidak akan dihukum sekiranya tidak melaksanakannya. Sedangkan makruh adalah pujian bagi yang meninggalkannya, atau meninggalkannya lebih utama daripada melakukannya. Mubah, adalah apa yang ditunjukkan oleh dalil sam'i (wahyu) bahawa seruan Syari' (khitabul Syari') di dalamnya terdapat pilihan, antara melakukan atau meninggalkannya.

# AS-SUNNAH

As-Sunnah menurut bahasa ertinya adalah “metodologi yang ditempuh (thariqah)”. Sedangkan menurut pengertian syarak, As-Sunnah kadang-kadang digunakan untuk menyebut suatu amalan nafilah yang kita terima daripada Nabi SAW melalui suatu riwayat misalnya bilangan rakaat dalam solat sunat. Amalan seperti ini disebut Sunnah (sunat), ertinya tidak termasuk dalam kategori fardhu. Namun penggunaan istilah Sunnah di sini bukan bererti bahawa sunnah itu berasal daripada Nabi SAW, sedangkan fardhu berasal daripada Allah SWT. Yang benar adalah, baik fardhu mahupun sunah kedua-duanya berasal daripada Allah SWT. Rasulullah SAW hanya sebagai muballigh,-penyampai daripada Allah-. Baginda tidak berbicara dengan hawa nafsunya, melainkan dengan wahyu yang diberikan kepadanya. Dalam hal ini walaupun amalan ini dinamakan sunah yang kita terima daripada Nabi SAW melalui riwayat, akan tetapi yang kita terima itu memang sebagai nafilah yang kemudian disebut sunnah. Begitu pula halnya dengan amalan fardhu yang kita terima dari Nabi SAW sebagai fardhu yang kemudian disebut fardhu. Misalnya dua rakaat solat subuh adalah fardhu yang kita terima daripada Nabi SAW melalui riwayat mutawatir sebagai fardhu. Sedangkan solat dua rakaat sebelum solat subuh adalah sunah yang kita terima daripada Nabi SAW melalui riwayat mutawatir sebagai nafilah. Kedua-duanya berasal daripada Allah SWT, dan bukan daripada diri Rasulullah SAW. Jadi, perintah itu dalam bentuk fardhu dan nafilah dalam masalah-masalah yang berkaitan dengan ibadah, atau dalam bentuk

fardhu, mandub dan mubah dalam masalah-masalah selain ibadah (mu'amalaat dan sebagainya). Dengan demikian, nafilah itu tidak lain adalah mandub itu sendiri, yang diberi nama nafilah dan disebut juga sebagai sunah.

Istilah sunnah juga digunakan untuk menyebut apa sahaja yang berasal dari Rasulullah SAW, dalam bentuk dalil-dalil syarak selain ayat Al-Quran. Termasuk perkataan Nabi SAW, perbuatannya, dan ketetapan-ketetapannya –iaitu hal-hal yang baginda diamkan.

# MENELADANI (AT-TASSI) PERBUATAN RASULULLAH SAW

Perbuatan-perbuatan yang dilakukan Rasulullah SAW dibahagikan menjadi dua jenis. Ada yang termasuk perbuatan-perbuatan *jibiliyah*, -iaitu perbuatan yang biasa dilakukan manusia-, dan ada pula perbuatan-perbuatan selain *jibiliyah*. Apa yang tergolong dalam perbuatan *jibiliyah*, seperti berdiri, duduk, makan, minum dan lain sebagainya. Tidak ada perselisihan bahawa status perbuatan tersebut adalah mubah, baik terhadap Rasulullah SAW mahupun terhadap umatnya. Oleh sebab itu, perbuatan-perbuatan tersebut tidak termasuk dalam kategori mandub.

Manakala selain perbuatan-perbuatan *jibiliyah*, boleh jadi tergolong khusus bagi Rasulullah SAW, yang mana tidak seorangpun dibenarkan mengikutinya; boleh juga tidak termasuk dalam perbuatan yang khusus bagi beliau. Jika perbuatan itu khusus ditetapkan bagi baginda SAW, seperti baginda boleh melanjutkan shaum (puasa) pada malam hari tanpa berbuka, atau boleh menikah dengan lebih daripada empat wanita, dan lain sebagainya; maka dalam hal ini kita tidak dibenarkan mengikutinya. Perbuatan-perbuatan tersebut diperuntukkan khusus bagi baginda saw berdasarkan ijma' Shahabat. Oleh kerana itu, tidak dibenarkan meneladani baginda dalam perbuatan-perbuatan seperti ini.

Akan perbuatan-perbuatan baginda yang kita kenal sebagai penjelas bagi kita, maka tidak ada perselisihan bahawa hal itu

merupakan dalil. Penjelasan tersebut boleh berbentuk perkataan, seperti sabda beliau:

«صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي»

“Solatlah kalian sebagaimana kalian melihat aku solat”

«خُذُوا عَنِّي مَنَاسِكُمْ»

“Laksanakan manasik hajimu berdasarkan manasikku (apa yang telah aku kerjakan)”

Dalil ini menunjukkan bahawa perbuatan baginda merupakan penjelas, agar kita mengikutinya. Penjelasan beliau boleh juga berbentuk qaraain al-ahwal (indikasi yang menerangkan bentuk perbuatan), seperti memotong pergelangan tangan pencuri, sebagai penjelas firman Allah SWT:

﴿فَاقْطِعُوا أَيْدِيَهُمَا﴾

“Maka potonglah tangan keduanya.” (TQS. Al-Maidah [5]: 38)

Penjelasan ini yang terdapat dalam perbuatan baginda, baik berbentuk ucapan mahupun indikasi yang menerangkan bentuk perbuatan (qaraain), dapat mengikuti hukum-hukum yang telah dijelaskan, apakah ianya wajib, mandub atau mubah -sesuai dengan arah penunjukan dalil-.

Sementara perbuatan-perbuatan baginda yang di dalamnya tidak terdapat indikasi yang menunjukkan bahawa hal itu merupakan penjelas -bukan penolakan dan bukan pula ketetapan- maka, dalam hal ini perlu diperhatikan apakah di dalamnya terdapat maksud untuk bertaqarrub (mendekatkan diri kepada Allah) atau tidak. Jika di dalamnya terdapat keinginan untuk bertaqarrub kepada Allah, maka perbuatan itu

termasuk mandub. Seseorang akan mendapatkan pahala atas perbuatannya itu dan tidak mendapatkan hukuman jika meninggalkannya. Misalnya, solat dhuha. Dan jika di dalamnya tidak terdapat keinginan untuk *bertaqarrub*, maka perbuatan tersebut termasuk mubah.

# **PENGAMBILAN (TABANNI) HUKUM-HUKUM SYARAK (AHKAAMI SYAR'IAH)**

Semasa era para sahabat, kaum muslim biasanya mengambil sendiri hukum-hukum syarak daripada Kitabullah dan Sunah Rasulullah SAW. Para Qadhi ketika menyelesaikan perselisihan di antara masyarakat ketika itu, akan menggali (meng-istinbath) sendiri hukum syarak dalam setiap kejadian yang mereka hadapi. Begitu juga dengan para penguasa, mulai Amirul Mukminin sehingga para Wali dan mereka yang lainnya, mereka biasanya menggali sendiri hukum syarak dalam menyelesaikan semua persoalan yang mereka hadapi ketika berkuasa. Misalnya Abu Musa AlAsy'ari dan Syuraih, kedua-duanya adalah Qadhi yang biasa menggali dan menetapkan hukum berdasarkan ijtihad masing-masing. Demikian pula Mu'adz bin Jabal, yang merupakan Wali pada masa pemerintahan Rasulullah SAW, telah menggali dan menetapkan hukum di dalam wilayahnya berdasarkan ijtihadnya. Abu Bakar dan Umar ra. pun tatkala kedua-duanya menjadi Khalifah, biasanya mereka menggali hukum dan menetapkannya sendiri bagi seluruh rakyat berdasarkan hasil ijtihad mereka masing-masing. Mu'awiyah dan Amru bin Ash ketika kedua-duanya yang juga merupakan Wali, menggali dan menetapkan sendiri hukum syarak bagi rakyat di dalam wilayahnya berdasarkan ijtihadnya. Walaupun ada ijtihad daripada para Wali dan Qadhi, namun Khalifah biasanya mengambil(tabanni) hukum syarak serta memerintahkan rakyatnya untuk mengamalkan hukum tersebut. Kemudian seluruh rakyat melaksanakannya serta meninggalkan

pendapat dan ijtihad masing-masing. Sebab, hukum syarak dalam hal ini menegaskan “Perintah Imam wajib dilaksanakan, baik secara zahir mahupun batin”. Atas dasar inilah khalifah Abu Bakar ra. mengambil (tabanni) bahawa jatuhnya ucapan talak tiga tetap sebagai satu talak. Begitu juga dalam hal pembahagian harta (rampasan perang-pent.) kepada kaum muslimin adalah sama rata, tanpa memperhatikan siapa yang lebih dahulu memeluk Islam atau pertimbangan lainnya. Dan kaum Muslimin pada saat itu mengikutinya, termasuk para Wali dan Qadhi sekalipun. Akan tetapi, ketika Umar ra. berkuasa, beliau mengambil (tabanni) hukum yang berbeza dengan pendapat Abu Bakar dalam dua peristiwa ini. Dalam persoalan talak, Umar menjatuhkan ucapan talak tiga sebagai tiga kali talak. Begitu juga beliau membahagikan harta (rampasan perang-pent.) berdasarkan siapa yang lebih dahulu memeluk Islam atau yang lebih memerlukannya, yakni dengan pembahagian yang berbeza. Dan kaum Muslimin seluruhnya mengikutinya, termasuk para Qadhi dan Wali. Umar juga mengambil (tabanni) yang mana hukum tanah yang statusnya sebagai ghanimah (rampasan perang) menjadi milik Baitul Mal yang tetap berada di tangan para pemiliknya, dan tidak dibahagikan kepada pasukan yang turut berperang, atau kepada kaum Muslimin. Keputusan ini diikuti oleh para Wali dan Qadhi, yang kemudian menjalankan hukum yang telah diambil oleh Khalifah. Oleh yang demikian, ijma’ sahabat berpegang bahwa seorang Imam berhak mengambil (tabanni) hukum-hukum tertentu serta memerintahkan rakyatnya untuk melaksanakannya manakala bagi kaum Muslimin wajib mentaatinya, sekalipun bertentangan dengan ijtihad mereka sendiri. Berkaitan dengan hal ini, antara kaedah syarak yang sangat masyhur ialah:

“Sulthan (Khalifah), berhak menghasilkan keputusan (undang-undang) sesuai dengan persoalan-persoalan baru yang muncul”.

«أَمْرُ الْإِمَامِ يَرْفَعُ الْخِلَافَ»

*“Perintah Imam dapat mengatasi perselisihan “.*

«أَمْرُ الْإِمَامِ نَافِذٌ ظَاهِرًا وَبَاطِنًا»

*“Perintah Imam mesti dilaksanakan, baik secara zahir mahupun batin.”*

Dengan demikian, para Khalifah telah mengambil (tabanni) hukum-hukum tertentu. Khalifah Harun Al-Rasyid, misalnya, telah mengambil hukum-hukum yang tercantum dalam buku “Al-Kharaj” (karangan Al-Qadhi Abu Yusuf, pent.) yang berkaitan masalah-masalah ekonomi, kemudian memerintahkan rakyat untuk melaksanakan hukum-hukum yang terdapat di dalamnya.

# PERLEMBAGAAN (ad-Dustur) DAN UNDANG-UNDANG (al-Qanun)

Istilah undang-undang merupakan istilah asing, yang digunakan untuk menyebutkan semua perkara yang ditetapkan oleh pemerintah agar dijalankan oleh masyarakat. Undang-undang didefinisikan sebagai:

[مَجْمُوعُ الْقَوَاعِدِ الَّتِي يَخْبِرُ السُّلْطَانُ النَّاسَ عَلَى اتِّبَاعِهَا فِي  
عَلَاقَاتِهِمْ]

“Sekumpulan peraturan yang diwajibkan oleh pemerintah ke atas rakyat untuk mengikutinya dalam hubungan antara mereka (pemerintah dan rakyat)”.

Sementara undang-undang asas dalam setiap pemerintahan menggunakan istilah perlembagaan; yang mana undang-undang yang terbit daripada sistem yang telah ditetapkan oleh perlembagaan dinamakan undang-undang. Istilah Perlembagaan didefinisikan sebagai:

[الْقَنُونُ الَّذِي يُحَدِّدُ شَكْلَ الدَّوْلَةِ وَالنَّظَامَ الْحُكْمِ فِيهَا، وَيُبَيِّنُ  
حُدُودَ وَاحْتِصَاصَ كُلِّ سُلْطَةٍ فِيهَا]

“Undang-undang yang menggariskan/menentukan bentuk negara dan sistem pemerintahannya, dan menjelaskan hak dan

fungsi yang diberikan kepada setiap badan berotoriti (penguasa)”.

Atau definisi lain:

[الْقُنُونُ الَّذِي يُنظَّمُ السُّلْطَةَ الْعَامَّةَ أَيْ الْحُكُومَةَ، وَيُحَدِّدُ عِلَاقَاتَهَا  
مَعَ الْأَفْرَادِ وَيُبَيِّنُ حُقُوقَهَا وَوَجِبَاتَهَا قَبْلَهُمْ وَحُقُوقَهُمْ وَوَجِبَاتَهُمْ  
قَبْلَهَا]

“Undang-undang yang mengatur tentang penguasa umum iaitu pemerintah, dan menggariskan/menentukan hubungannya dengan subjeknya(rakyat) dan menjelaskan hak dan tanggungjawab pemerintah ke atas subjeknya(rakyat); dan juga hak dan tanggungjawab subjeknya(rakyat) kepada pemerintah.”

Perlembagaan-perlembagaan mempunyai asal-usul yang berbeza-beza. Ada yang lahir dalam bentuk perundangan. Ada yang berasal daripada adat istiadat dan kebiasaan sesuatu bangsa, seperti Perlembagaan British. Ada pula yang lahir daripada jawatankuasa perhimpunan kebangsaan- yang diberikan otoriti pada ketika itu- yang telah meluluskan perlembagaan tersebut dan menjelaskan tatacara penyemakan semula lalu kemudiannya dibubarkan (jawatankuasa tersebut) agar digantikan oleh pihak berotoriti yang ditubuhkan dan disahkan oleh perlembagaan seperti yang terjadi di Perancis dan Amerika.

Perlembagaan-perlembangan dan undang-undang diambil daripada dua sumber: Pertama, sumber yang melahirkan perlembagaan dan undang secara langsung, seperti adat istiadat, agama, pendapat para pengamal undang-

undang, kes-kes mahkamah sebelumnya, prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan. Ini biasanya disebut sebagai sumber-sumber perundangan (legislatif). Contoh perlembagaan jenis ini ialah sebahagian daripada negara-negara Barat, seperti Britain dan Amerika. Kedua, sumber sejarah, iaitu sumber yang mana perlembagaan dan perundangan itu muncul atau diambil daripadanya, seperti Perlembagaan Perancis atau Perlembagaan sesetengah negara di dunia Islam, seperti Turki, Mesir, Irak dan Syria.

Demikianlah ringkasan tentang istilah perlembagaan (dustur) dan undang-undang (qanun), yang secara ringkas menunjukkan bahawa negara mengambil undang-undang tertentu sama ada daripada sumber perundangan ataupun sumber sejarah yang kemudian negara mengambilnya (tabanni) dan diperintakkannya kepada rakyat supaya melaksanakannya. Undang-undang tersebut yang telah diambil (tabanni) oleh negara dijadikan sebagai perlembagaan sekiranya ia dalam bentuk yang umum, dan dijadikan sebagai undang-undang sekiranya ia dalam bentuk yang khusus.

Muncul persoalan yang dihadapi oleh kaum Muslimin sekarang, iaitu: Adakah boleh atau tidak istilah-istilah ini digunakan? Jawapan kepada persoalan ini adalah bahawa istilah-istilah asing yang memiliki makna tertentu sekiranya bertentangan dengan istilah kaum Muslimin, hukumnya tidak boleh digunakan. Misalnya istilah keadilan sosial yang melibatkan suatu sistem tertentu, yang secara ringkas menjamin pendidikan dan kesihatan bagi orang-orang fakir miskin atau menjamin hak-hak para pegawai dan buruh. Istilah ini jelas bertentangan dengan istilah (pengertian) kaum Muslimin. Adil menurut kaum Muslimin adalah lawan kepada zalim. Di dalam Islam jaminan pendidikan dan kesihatan

adalah hak bagi seluruh rakyat, baik yang kaya mahupun miskin. Perlindungan ke atas hak bagi orang yang lemah dan amat memerlukan, adalah juga hak yang dijamin bagi seluruh rakyat yang memiliki kewarganegaraan Daulah Islam, baik pegawai, buruh, petani mahupun yang lainnya. Namun demikian, jika istilah asing itu selari dengan makna dalam pengertian kaum Muslimin, maka boleh sahaja ia digunakan. Misalnya istilah 'cukai (dharibah)' iaitu harta yang dipungut daripada rakyat untuk keperluan pentadbiran negara. Sedangkan kaum Muslim juga mempunyai harta yang dipungut negara untuk mengatur urusan umat. Jadi, boleh saja kita menggunakan istilah ini.

Begitu juga dengan istilah perlembagaan dan undang-undang, yang bermaksud hukum-hukum yang ditetapkan negara, yang diumumkan kepada seluruh rakyat dan mewajibkan mereka untuk mengamalkannya. Pengertian ini juga selari dengan Islam. Oleh kerana itu, kita tidak menemui larangan daripada menggunakan kedua-dua istilah perlembagaan dan undang-undang yang mana dalam Islam bermaksud hukum-hukum syarak yang diambil (tabanni) oleh Khalifah. Namun sudah tentu terdapat perbezaan antara perlembagaan dan undang-undang Islam dengan perlembagaan dan undang-undang yang bukan Islam. Ini kerana perlembagaan dan undang-undang bukan Islam bersumberkan adat-istiadat, keputusan-keputusan mahkamah mereka dan sebagainya. Dan asal usulnya adalah daripada sebuah jawatankuasa yang mengasaskan perlembagaan tersebut, dan badan-badan khusus atau parlimen yang dipilih oleh rakyat untuk menggubal undang-undang, kerana menurut mereka sumber kekuasaan dan kedaulatan ada di tangan rakyat. Sedangkan sumber utama perlembagaan dan undang-undang Islam hanyalah Al-Quran dan As-Sunnah, bukan yang lain, yang berasal daripada ijtihad para mujtahid.

Khalifah pula akan mengambil(tabanni) hukum-hukum tertentu daripada hasil ijtihad tersebut dan memerintahkan rakyat untuk melaksanakannya. Ini kerana kedaulatan menurut Islam hanya milik syarak, manakala ijtihad untuk menggali hukum-hukum syarak adalah hak bagi seluruh kaum Muslimin dan merupakan fardhu kifayah ke atas mereka. Namun, Khalifah satu-satunya pihak yang berhak mengambil(tabanni) hukum syariah.

Ini dilihat dari segi kebolehan menggunakan dua istilah tersebut perlembagaan dan undang-undang. Mengenai dari segi keperluan untuk menerima pakai (tabanni) hukum-hukum, maka dengan melihat apa yang telah dilakukan oleh kaum Muslimin sejak masa khalifah Abu Bakar sehingga khalifah yang terakhir, menunjukkan bahawa pengambilan(tabanni) hukum yang mengikat kaum Muslim merupakan suatu perkara yang sangat mendesak. Namun, pengambilan hukum yang dilakukan negara ini hanyalah untuk beberapa hukum tertentu yang spesifik, bukan pengambilan keseluruhan hukum secara komprehensif. Menurut catatan sejarah belum pernah ada negara (daulah Islam) yang mengambil(tabanni) hukum secara menyeluruh, kecuali pada beberapa zaman misalnya pada era kekuasaan Bani Ayyub yang telah mengambil mazhab Syafie, begitu juga pada era Daulah Uthmaniyah, yang mengambil mazhab Hanafi.

Kemudian muncul pertanyaan, apakah termasuk kemaslahatan bagi kaum Muslim menetapkan perlembagaan dan undang-undang yang bersifat umum, merangkumi seluruh hukum, atau tidak? Jawapan terhadap soalan ini adalah bahawa perlembagaan yang menyeluruh, dan undang-undang yang sangat terperinci, mencakupi seluruh hukum, tidak akan membantu menghidupkan kreativiti dan ijtihad. Oleh kerana

itu, para Khalifah pada zaman permulaan kaum Muslimin, (iaitu) zaman para shahabat, tabi'in dan tabi'ut tabi'in, menghindari daripada mengambil (tabanni) keseluruhan hukum. Malah mereka membatasinya hanya pada hukum-hukum tertentu saja yang dianggapnya sebagai suatu kemestian bagi negara mengekalkan kelangsungan kesatuan pemerintahan, perundangan dan pentadbiran. Oleh yang demikian, cara yang paling afdhal (baik) menghidupkan kreativiti dan ijtihad adalah negara tidak membuat perlembagaan yang merangkumi keseluruhan hukum, namun negara hanya membuat perlembagaan yang hanya merangkumi hukum-hukum umum yang menjelaskan bentuk negara yang menjamin kelangsungan kesatuannya. Kemudian memberi kebebasan kepada para Wali dan Qadhi untuk berijtihad dan menggali hukum. Hal ini dapat dilaksanakan jika ijtihad itu boleh dilakukan, dan sebahagian masyarakat adalah para mujtahidin, seperti yang pernah terjadi pada zaman shahabat, tabi'in dan tabi'ut tabi'in. Akan tetapi keadaannya berbeza jika sebahagian besar masyarakat adalah para muqallidin dan jumlah mujtahidin sangat sedikit, maka dalam keadaan seperti ini tidak dapat tidak negara perlu mengambil (tabanni) hukum yang akan diterapkan ke atas masyarakat, baik oleh Khalifah, para Wali mahupun Qadhi. Ini kerana jika tidak dilakukan akan mempersulitkan penerapan hukum-hukum Allah dan para Wali dan Qadli yang tidak mampu berijtihad akan mengalami perbezaan dan pertentangan dalam taklid-taklid mereka. Perlu diingat bahawa pengambilan hukum hanya dapat berlaku setelah pengkajian mendalam tentang fakta dan dalil, membenarkan para Wali dan Qadhi untuk memutuskan perkara menurut pengetahuan mereka sendiri yang akan membawa kewujudan hukum-hukum yang berbeza dan bertentangan dalam sebuah negara yang sama, bahkan dalam wilayah yang sama sekalipun, yang mungkin mengakibatkan mereka menerapkan

selain daripada apa(hukum) yang diturunkan oleh Allah. Dengan demikian, oleh kerana kejahilan tentang Islam berleluasa seperti sekarang maka Daulah Islam perlu mengambil(tabanni) hukum-hukum tertentu, dan membatasi hukum-hukum hanya dalam bidang mu'amalah, uqubat (hukuman), bukan dalam perkara aqidah dan ibadah. Tabanni ini hendaklah merangkumi semua bidang hukum, supaya urusan negara dapat diselaraskan, manakala seluruh urusan kaum Muslimin dapat berjalan selari dengan hukum-hukum Allah. Tatkala negara mengambil(tabanni) hukum-hukum dan mewujudkan perlembagaan serta undang-undang, negara wajib tetap terikat hanya dengan hukum-hukum syari'at Islam, bukan yang lainnya. Malah secara mutlaknya tidak perlu kajian selain hukum syari'at Islam. Jadi, negara tidak mengambil mana-mana hukum yang bukan berasal daripada syari'at Islam. Tidak diperhatikan lagi apakah sesuai dengan Islam atautkah berlawanan. Sebagai contoh, negara tidak perlu undang-undang nasionalisasi (al-ta'mima) harta namun sebaliknya menerapkan hukum kepemilikan umum (al-milkiyyah al-'ammah). Justeru itu, negara wajib tetap terikat dengan hukum syari'at Islam dalam setiap perkara yang berkaitan dengan fikrah dan thariqah(methodologi).

Adapun undang-undang dan sistem-sistem yang tidak berkaitan dengan fikrah dan thariqah(methodologi), yang juga tidak menggambarkan pandangan hidup, seperti undang-undang pentadbiran negara, struktur-struktur jabatan dan yang seumpama dengannya, ia termasuk ke dalam sarana (wasilah) atau teknik(uslub), seperti ilmu-ilmu sains, industri dan teknologi, yang mana boleh diambil dan dimanfaatkan oleh negara untuk mengatur segala urusannya, seperti mana yang dilakukan Umar bin Kaththab ra ketika mewujudkan sistem pentadbiran (ad-dawawin), yang diambil dari Parsi. Urusan pentadbiran dan teknikal ini bukan sebahagian

daripada perlembagaan dan undang-undang syari'at Islam, sehingga sistem ini tidak termasuk dalam perlembagaan. Justeru itu, tanggungjawab Daulah Islam adalah memastikan bahawa perlembagaannya adalah berdasarkan hukum syari'at Islam sahaja iaitu perlembagaannya Islam dan undang-undangnya juga Islam.

Tatkala negara mengambil (tabanni) sebarang hukum, pengambilannya mestilah berdasarkan pertimbangan terhadap kekuatan dalil syar'i yang disertai pemahaman yang benar (shahih) mengenai masalah-masalah yang dihadapi. Oleh yang demikian, tindakan pertama yang dilakukan oleh negara hendaklah mengkaji masalah yang dihadapi supaya dapat memahaminya secara benar – kerana memahami masalah merupakan hal yang sangat penting dan diperlukan. Kemudian negara perlu memahami hukum syari'at Islam yang berkaitan dengan masalah yang dihadapinya, di samping mengkaji dalil-dalil hukum syari'at itu. Setelah itu, barulah negara mengambil (tabanni) hukum tersebut berdasarkan kekuatan dalil, dalam keadaan di mana hukum-hukum syariat ini diambil daripada pendapat seorang mujtahid – setelah memeriksa dalilnya lalu meyakini kekuatannya, atau melalui ijtihad syarie, daripada Quran, Sunnah, Ijtima Sahabat atau qiyas, sekalipun ijtihad masalah (ijtihad juz'i). Misalnya, jika Daulah Islam ingin menerima pakai (tabanni) hukum mengenai larangan insurans barang, maka pertama-tama negara perlu mengkaji apakah yang dimaksudkan dengan insurans barang (al-ta'min 'ala bidho'ah), sehingga mengetahuinya secara benar. Kemudian mengkaji persoalan mengenai pemilikan (al-tamaluki). Kemudiannya hukum Allah mengenai hak pemilikan diterapkan ke atas insurans tersebut seterusnya mengambil (tabanni) hukum syarak untuk masalah tadi.

Dengan demikian, ia sepatutnya memiliki pengenalan(muqaddimah) terhadap perlembagaan dan setiap undang-undang, yang menjelaskan dengan terang mazhab fiqih mana yang ditempuh pada setiap fasalnya (maaddah), disertai dengan dalilnya. Atau dengan menjelaskan dalil yang diambil (istinbath) daripada setiap fasalnya, jika diambil melalui ijtihad yang benar agar kaum muslimin mengetahui bahawa hukum-hukum yang diambil (tabanni) oleh negara di dalam perlembagaan dan undang-undang merupakan hukum syarak yang diperoleh dengan proses ijtihad yang benar. Ini kerana kaum Muslimin tidak diwajibkan untuk mentaati undang-undang negara kecuali undang-undang tersebut adalah hukum syarak yang diambil(tabanni) oleh negara. Dengan demikian, negara mengambil hukum syariat dalam bentuk perlembagaan dan undang-undang untuk memerintah rakyat yang memiliki kewarganegaraannya.

Atas dasar inilah kami menawarkan kepada kaum Muslim sebuah draf perlembagaan Daulah Islam, bagi seluruh dunia Islam agar kaum Muslimin dapat mempelajarinya ketika mereka berusaha menubuhkan Daulah Islam yang akan mengemban dakwah Islam ke seluruh dunia. Perlu diperhatikan di sini bahawa perlembagaan tersebut tidak diperuntukkan khusus bagi negara tertentu, melainkan bagi Daulah Islam di dunia Islam. Sama sekali tidak dimaksudkan untuk mana-mana rantau atau negara secara khusus.

# DRAF PERLEMBAGAAN

## PERUNTUKAN 'AM (AHKAMUL 'AMMAH)

### **Perkara 1**

Akidah Islam merupakan asas negara. Tiada apa yang dibenarkan wujud dalam struktur, akauntabiliti, atau mana-mana aspek lain yang berkaitan dengan kerajaan, yang tidak mengambil akidah Islam sebagai asasnya. Akidah ini juga menjadi sumber perlembagaan dan undang-undang syariah negara. Tidak dibenarkan diwujudkan mana-mana perkara yang berkaitan dengan perlembagaan atau undang-undang melainkan ianya berasal daripada akidah Islam.

### **Perkara 2**

Darul Islam adalah negara yang menerapkan hukum-hukum Islam, dan keamanannya berada pada keamanan Islam (di tangan kaum Muslimin-pent). Darul kufur adalah negara yang menerapkan sistem kufur, dan keamanannya berada pada selain keamanan Islam.

### **Perkara 3**

Khalifah berkuasa mengambil dan menetapkan(tabanni) hukum-hukum syarak tertentu yang dijadikan sebagai perlembagaan dan undang-undang. Apabila Khalifah telah menetapkan(tabanni) suatu hukum syarak, maka hukum

tersebut sendiri menjadi hukum syarak yang wajib diamalkan dan menjadi undang-undang rasmi yang wajib ditaati oleh setiap rakyat secara zahir mahupun batin.

#### **Perkara 4**

Khalifah tidak menetapkan (tabanni) sebarang hukum syarak yang berkaitan dengan ibadah, kecuali dalam masalah zakat dan jihad. Khalifah juga tidak menetapkan sebarang pemikiran yang berkaitan dengan akidah Islam.

#### **Perkara 5**

Semua individu yang memegang kerakyatan Islam (Khilafah) layak menikmati hak-hak dan kewajiban-kewajiban syariah.

#### **Perkara 6**

Semua warganegara akan dilayan secara adil dan saksama tidak mengira agama, bangsa, warna kulit atau sebagainya. Negara dilarang melakukan diskriminasi di kalangan warganegaranya dalam apa jua aspek baik perundangan atau peradilan atau penjagaan hal ehwal kebajikan atau yang lainnya.

#### **Perkara 7**

Negara mengimplementasi (tunafidz) syariah Islam ke atas seluruh rakyat yang memegang kerakyatan Islam (Khilafah), baik muslim mahupun non-muslim dalam bentuk-bentuk berikut ini:

a. Negara mengimplementasi seluruh hukum Islam ke atas kaum Muslimin tanpa terkecuali.

b. Orang-orang non-muslim dibenarkan memeluk akidah dan menjalankan ibadahnya di bawah jaminan sistem umum (nizhamul 'am).

c. Orang-orang yang murtad daripada Islam dilaksanakan ke atas mereka hukuman murtad jika mereka sendiri yang melakukan kemurtadan. Jika mereka adalah anak-anak orang murtad atau dilahirkan sebagai non-muslim, maka mereka diperlakukan sebagai non-muslim, selari status mereka selaku orang-orang musyrik atau ahli kitab.

d. Dalam hal-hal makanan dan pakaian, orang-orang non-Muslim dilayan mengikut agama mereka dalam had yang dibenarkan oleh hukum-hukum syarak.

e. Hal-hal penceraian dan talak di antara sesama non-muslim diselesaikan mengikut agama mereka, namun jika ia terjadi di antara muslim dan non-muslim, perkara tersebut diselesaikan menurut hukum Islam.

f. Negara mengimplimentasikan hukum-hukum syarak selain perkara-perkara di atas ke atas seluruh rakyat –muslim dan juga non muslim-, baik yang berkaitan hukum muamalat, uqubat (hukuman), bayyinat (pembuktian), sistem pemerintahan, ekonomi dan sebagainya. Hal yang sama juga berlaku terhadap mu'ahidin (iaitu orang-orang yang negaranya terikat perjanjian), musta'minin (iaitu orang-orang yang mendapat jaminan keamanan untuk masuk ke negara Islam), dan terhadap siapa saja yang berada di bawah kekuasaan Islam, kecuali ke atas para duta, konsulat, utusan

negara asing dan sejenisnya. Mereka memiliki kekebalan diplomatik.

### **Perkara 8**

Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa Islam, dan satu-satunya bahasa rasmi yang digunakan oleh negara.

### **Perkara 9**

Ijtihad adalah fardhu kifayah. Setiap muslim berhak berijtihad apabila telah memenuhi syarat-syaratnya.

### **Perkara 10**

Seluruh kaum Muslimin memikul tanggung jawab terhadap Islam. Tiada agamawan dalam Islam dan negara mencegah sebarang perkara yang boleh mewujudkan golongan agamawan di kalangan kaum Muslimin.

### **Perkara 11**

Mengemban dakwah Islam adalah tugas utama negara.

### **Perkara 12**

Hanya Al-Kitab (Al-Quran), As-Sunah, Ijma' Sahabat dan Qiyas yang diakui bagi hukum syarak sebagai dalil.

### **Perkara 13**

Setiap individu adalah tidak bersalah sehingga terbukti bersalah. Seseorang tidak dikenakan hukuman, kecuali dengan keputusan pengadilan. Tidak dibenarkan menyiksa mana-mana individu dan sesiapa sahaja yang didapati melakukannya akan menerima hukuman.

### **Perkara 14**

Hukum asal perbuatan manusia terikat dengan hukum syarak. Tidak dibenarkan melakukan suatu perbuatan, kecuali setelah mengetahui hukumnya. Hukum asal benda adalah mubah, selama tidak ada dalil yang mengharamkannya.

### **Pasal 15**

Setiap sesuatu yang membawa kepada keharaman hukumnya adalah haram, apabila ianya diduga kuat dapat membawa kepada keharaman. Namun jika sesuatu itu hanya dikhuatiri membawa keharaman, maka ianya tidak haram.

## **SISTEM PEMERINTAHAN (NIZHAMUL HUKMI)**

### **Perkara 16**

Sistem pemerintahan negara adalah sistem kesatuan (wahidah) dan bukan sistem persekutuan (federasi).

## **Perkara 17**

Pemerintahan bersifat berpusat (centralised), sedangkan sistem pentadbiran adalah tidak berpusat (de-centralised)

## **Perkara 18**

Jawatan pemerintah/penguasa (al-hukam) terdiri daripada empat iaitu Khalifah, Mu'awin Tafwidh, Wali dan Amil. Selain mereka, tidak tergolong sebagai pemerintah, melainkan hanyalah pegawai pemerintahan.

## **Perkara 19**

Sesiapapun tidak dibenarkan berkuasa atau bertindak sebagai penguasa, kecuali dia adalah lelaki, merdeka, baligh, berakal, adil, memiliki kemampuan dan beragama Islam.

## **Perkara 20**

Muhasabah terhadap pemerintah merupakan salah satu hak kaum Muslimin dan hukumnya fardhu kifayah (kewajiban secara kolektif). Sementara bagi warganegara non-muslim, mereka memiliki hak untuk mengadukan kezaliman/ketidakadilan penguasa atau penyimpangan pemerintah dalam penerapan hukum-hukum Islam terhadap mereka.

## **Perkara 21**

Kaum Muslimin berhak mendirikan parti politik untuk mengkritik/memuhasabah penguasa/pemerintah; atau sebagai jalan untuk menduduki jawatan pemerintah melalui jalan(thariq) umat, dengan syarat asasnya adalah akidah Islam dan hukum-hukum yang diambil(tabanni) adalah hukum-hukum syarak. Penubuhan parti seumpama itu tidak memerlukan lesen (yang dikeluarkan oleh negara). Sebarang perkumpulan atau parti yang tidak berasaskan Islam adalah dilarang.

## **Perkara 22**

Sistem pemerintahan berdiri di atas empat asas iaitu :

1. Kedaulatan (As-siyadah) adalah milik syarak, bukan milik rakyat.
2. Kekuasaan (As-Sulthan) berada di tangan umat.
3. Perlantikan seorang Khalifah adalah fardhu atas seluruh kaum Muslimin.
4. Hanya Khalifah yang mempunyai hak untuk mengambil (tabanni) hukum-hukum syarak dan meluluskan perlembagaan dan undang-undang.

## **Perkara 23**

Institusi negara terdiri daripada tiga belas institusi iaitu:

- 1) Khalifah.
- 2) Al-Mu'awinun (Pembantu) – Wuzara' Al-tafwidh (Menteri Delegasi).
- 3) Wuzara' Al-Tanfidz (Menteri Esekutif/Perlaksanaan).
- 4) Al-Wulat (Para Wali).
- 5) Amirul Jihad.

- 6) Dairah Al- Aminu Al-Dakhili (Jabatan Keamanan Dalam Negeri).
- 7) Dairah Al-Kharijiyyah (Jabatan Hal Ehwal Luar Negara).
- 8) Dairah Al-Sina'ah (Jabatan Perindustrian).
- 9) Al-Qadha' (Kehakiman).
- 10) Jihaz Idari (Jentera-Jentera Pentadbiran).
- 11) Baitul Mal (Perbendaharaan Negara)
- 12) Dairah Al- I'lamiy (Jabatan Penerangan)
- 13) Majlis Al-Ummah (Musyawarah dan Muhasabah)

## **KHALIFAH**

### **Perkara 24**

Khalifah bertindak sebagai wakil umat dalam kekuasaan dan dalam pelaksanaan syarak.

### **Perkara 25**

Khilafah adalah aqad (kontrak) atas dasar sukarela dan pilihan. Tiada paksaan bagi seseorang untuk menerima jawatan Khalifah, dan tiada paksaan bagi seseorang untuk mencalonkan orang tertentu untuk jawatan Khalifah.

### **Perkara 26**

Setiap muslim yang baligh, berakal, baik lelaki mahupun wanita berhak memilih Khalifah dan membai'ahnya. Orang-orang bukan-muslim tidak memiliki hak memilih tersebut.

## **Perkara 27**

Apabila aqad Khilafah telah disempurnakan dengan pembai'atan oleh pihak yang berhak melakukan bai'ah in'iqad (perlantikan), maka bai'ah oleh kaum Muslim lainnya adalah bai'ah taat bukan bai'ah in'iqad. Setiap individu yang menunjukkan pengingkaran, penentangan dan memecahbelahkan kaum muslimin, dipaksa untuk berbai'ah.

## **Perkara 28**

Tidak seorang pun berhak menjadi Khalifah kecuali setelah dilantik oleh kaum Muslimin. Dan tidak seorang pun memiliki wewenang (hak dan kekuasaan) Khilafah, kecuali jika aqadnya telah sempurna berdasarkan hukum syarak, sebagaimana halnya pelaksanaan aqad-aqad lain di dalam Islam.

## **Perkara 29**

Mana-mana negara yang ingin membai'ah Khalifah dengan bai'ah in'iqad disyaratkan bahawa pemerintahnya mempunyai kekuasaan mandiri (independent), yang bersandar kepada kekuasaan kaum Muslimin sahaja, dan tidak bergantung kepada mana-mana negara kafir. Keamanan kaum Muslimin baik di dalam mahupun di luar negara tersebut adalah dengan keamanan Islam sahaja, bukan dengan keamanan kufur. Namun, bai'at taat yang diambil daripada kaum Muslimin di negara-negara lain tidak disyaratkan demikian.

### **Perkara 30**

Individu yang diberikan bai'ah Khilafah (iaitu Khalifah pent.) hanya perlu memenuhi syarat bai'ah in'iqad, dan tidak semestinya memiliki syarat keutamaan (afdhaliyyah). Yang paling penting adalah syarat-syarat in'iqad.

### **Perkara 31**

Terdapat tujuh syarat diperlukan bagi seorang Khalifah sehingga akad Khilafah terhadapnya adalah sah iaitu lelaki, muslim, merdeka, baligh, berakal, adil dan memiliki kemampuan untuk memegang tugas tersebut.

### **Perkara 32**

Apabila Jabatan Khilafah (Mansibul Khilafah) kosong, disebabkan oleh kematian atau perletakan jawatan atau pemecatan, maka wajib hukumnya melantik seorang pengganti sebagai Khalifah, dalam tempoh masa tiga hari termasuk dua malam sejak kekosongannya dalam Jabatan (Mansibul) Khilafah.

### **Perkara 33**

Amir sementara (Amir Muaqqat) dilantik untuk menangani urusan kaum Muslimin dan melaksanakan proses perantikan Khalifah yang baru setelah kekosongan Jabatan (Mansibul) Khilafah sebagai berikut:

- a. Ketika Khalifah sebelumnya merasakan ajalnya sudah hampir atau dia bertekad untuk mengundurkan diri, dia memiliki hak bagi menunjukkan amir sementara
- b. Jika Khalifah meninggal dunia atau diberhentikan sebelum ditetapkan amir sementara, atau kekosongan Jabatan Khilafah bukan akibat daripada Khalifah sebelumnya meninggal atau diberhentikan, maka Mu'awin (Mu'awin Tafwidl, pen.) yang paling tua usianya menjadi amir sementara, kecuali jika dia ingin mencalonkan diri untuk Jabatan Khilafah, maka yang menjabat amir sementara ialah Mu'awin Mu'awin Tafwidl, pen.) yang lebih muda, dan seterusnya.
- c. Jika semua Mu'awin ingin mencalonkan diri maka Mu'awin Tanfizh yang paling tua menjadi amir sementara, jika dia ingin mencalonkan diri maka yang lebih muda berikutnya, dan demikian seterusnya
- d. Jika semua Mu'awin Tanfizh ingin mencalonkan diri untuk jabatan Khilafah maka amir sementara dibatasi pada Mu'awin Tanfizh yang paling muda
- e. Amir sementara tidak berkuasa tabanni (menggambil dan menetapkan) hukum
- f. Amir sementara diberikan kuasa penuh untuk melaksanakan proses pengangkatan Khalifah yang baru secara sempurna dalam tempoh masa tiga hari. Had masa tersebut tidak boleh dipanjangkan kecuali di atas sebab-sebab yang memaksa atas persetujuan Mahkamah Mazhalim

## Perkara 34

Metode untuk melantik Khalifah adalah baiat. Adapun tatacara pengamalan untuk melantik dan membaiat Khalifah adalah sebagai berikut:

- a. Mahkamah Mazhalim mengumumkan kekosongan Jabatan Khilafah
- b. Amir sementara melaksanakan tugasnya dan mengumumkan pembukaan pintu pencalonan dengan segera.
- c. Penerimaan pencalonan para calon yang memenuhi syarat-syarat in'iqad dan penolakan pencalonan mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat in'iqad ditetapkan oleh Mahkamah Mazhalim.
- d. Para calon yang pencalonannya diterima oleh Mahkamah Mazhalim akan melalui saringan oleh anggota-anggota Muslim dalam Majlis Ummah dalam dua peringkat. Peringkat pertama, dipilih enam orang daripada para calon mengikut suara terbanyak. Peringkat Kedua, dipilih dua orang daripada enam calon sebelum itu dengan suara terbanyak
- e. Nama kedua-dua calon terpilih diumumkan. Kaum Muslim dituntut untuk memillih satu di antara mereka.
- f. Hasil pemilihan diumumkan dan kaum Muslimin diberitahu siapa calon yang mendapat suara terbanyak
- g. Kaum Muslimin memulakan pembaiatan terhadap calon yang mendapat suara terbanyak sebagai Khalifah bagi kaum Muslimin untuk melaksanakan Kitabullah dan Sunnah Rasulullah SAW
- h. Setelah proses baiat selesai, Khalifah kaum Muslimin diumumkan ke seluruh penjuru sehingga sampai kepada umat seluruhnya. Pengumuman itu disertai penyebutan nama Khalifah dan bahwa dia memenuhi sifat-sifat yang

menjadikannya berhak untuk menduduki Jabatan Khalifah

- i. Setelah proses pengangkatan Khalifah yang baru selesai, mandat amir sementara pun berakhir.

### **Perkara 35**

Umat memiliki hak melantik Khalifah, tetapi umat tidak memiliki hak memberhentikannya selepas bai'at in'iqadnya telah sempurna menurut ketentuan syarak.

### **Perkara 36**

Khalifah memiliki wewenang(hak dan kuasa) seperti berikut:

- a. Khalifah yang mengambil(tabanni) hukum-hukum syarak yang diperlukan untuk memelihara urusan-urusan umat, yang digali dengan ijtihad yang sahih dari Kitabullah dan Sunnah Rasulullah, sehingga menjadi undang-undang yang wajib ditaati dan tidak boleh dilanggar.
- b. Khalifah yang bertanggung jawab terhadap dasar politik di dalam dan juga luar negara. Dialah yang memegang kepemimpinan ketenteraan. Dia berhak mengumumkan perang, mengikat perjanjian damai, gencatan senjata serta seluruh perjanjian lainnya.
- c. Khalifah yang berhak menerima atau menolak duta-duta negara asing. Dia juga yang berhak menentukan dan memberhentikan duta kaum Muslimin.

- d. Khalifah yang menentukan dan memberhentikan para mu'awin dan para Wali. Kesemua mereka bertanggung jawab kepada Khalifah sebagaimana mereka juga bertanggung jawab kepada Majlis Al-Ummah.
- e. Khalifah yang menentukan dan memberhentikan Ketua Qadhi (Qadhi Al-Qudhat) dan seluruh qadhi kecuali Qadhi Mazhalim dalam situasi di mana Qadhi Mazhalim sedang mengadili suatu perkara ke atas Khalifah, Mu'awin atau Ketua Qadhi. Khalifahlah yang berhak menentukan dan memberhentikan ketua-ketua jabatan, Ketua Panglima Tentera dan para panglima tentera. Mereka bertanggung jawab kepada Khalifah, dan tidak bertanggung jawab terhadap Majlis Al-Ummah.
- f. Khalifah yang mengambil(tabanni) hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan hasil pendapatan dan belanjawan negara. Khalifah memutuskan bahagian-bahagiannya dan jumlah dana yang diperlukan untuk setiap bidang, sama ada yang berkaitan dengan hasil pendapatan atau perbelanjaan.

### **Perkara 37**

Khalifah terikat dengan hukum-hukum syarak yang diambilnya(tabanni). Dia diharamkan mengambil(tabanni) hukum yang tidak diambil melalui proses ijtihad yang benar dari dalil-dalil syarak. Khalifah terikat dengan hukum yang ditetapkannya(tabanni), dan terikat dengan metodologi ijtihad yang dipilihnya sebagai panduan dalam pengambilan(tabanni) sesuatu hukum. Khalifah tidak dibenarkan mengambil(tabanni) hukum berdasarkan metodologi ijtihad yang bertentangan dengan metode yang telah ditetapkannya,

dan tidak diperkenankan mengeluarkan perintah yang bertentangan dengan hukum-hukum yang telah ditetapkannya(tabanni).

### **Perkara 38**

Khalifah memiliki hak mutlak untuk mengatur urusan-urusan rakyat menurut pendapat dan ijtihadnya. Khalifah berhak menetapkan(tabanni) hal-hal mubah yang diperlukan demi memudahkan pengaturan urusan negara dan urusan rakyat. Khalifah tidak boleh menyalahi hukum syarak dengan alasan maslahat. Sebagai contoh, Khalifah tidak boleh melarang sebuah keluarga untuk memiliki lebih daripada seorang anak dengan alasan kekurangan bekalan makanan; atau Khalifah tidak boleh menetapkan harga kepada rakyat dengan dalih mencegah eksploitasi; atau Khalifah tidak boleh melantik orang kafir atau seorang wanita sebagai Wali dengan alasan (memudahkan) pengaturan urusan rakyat atau terdapat kemaslahatan, atau tindakan-tindakan lain yang bertentangan dengan hukum syarak. Khalifah tidak boleh mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram.

### **Perkara 39**

Tidak ada batasan waktu bagi jawatan Khalifah. Selagi mana dia mempertahankan syarak dan melaksanakan hukum-hukumnya, serta mampu menjalankan tugas-tugas negara, dia tetap menjawat sebagai Khalifah, melainkan terdapat perubahan keadaan yang menyebabkannya dia tidak layak lagi menjawaat sebagai Khalifah sehingga dia wajib diberhentikan segera.

## Perkara 40

Hal-hal yang mengubah keadaan Khalifah sehingga dia dikeluarkan daripada Jabatan Khilafah ada tiga perkara:

a. Jika melanggar salah satu syarat dari syarat-syarat in'iqad Khilafah, yang menjadi syarat keberlangsungan jabatan Khalifah, misalnya murtad, fasik secara terang-terangan, gila dan lain-lain. Ini kerana inilah syarat-syarat in'iqad dan syarat-syarat kelangsungannya.

b. Tidak mampu memikul tugas-tugas Khilafah dengan apa jua sebab sekalipun.

c. Terdapat tekanan yang menyebabkan Khalifah tidak mampu lagi menjalankan urusan kaum Muslimin menurut pendapatnya selari dengan ketentuan hukum syarak. Apabila terdapat tekanan dari pihak tertentu sehingga Khalifah tidak mampu memelihara urusan rakyat menurut pendapatnya sendiri selari dengan hukum syarak, maka secara rasminya dia tidak mampu menjalankan tugas-tugas negara, sehingga tidak layak lagi memegang jawatan Khalifah. Hal ini berlaku dalam dua keadaan:

*Pertama:* Apabila salah seorang atau beberapa orang daripada para pendampingnya menguasai Khalifah sehingga mereka mendominasi pelaksanaan urusan pemerintahan. Apabila masih ada harapan dapat terbebas daripada kekuasaan mereka, maka Khalifah akan ditegur dan diberi waktu untuk membebaskan diri. Jika ternyata tidak mampu mengatasi dominasi mereka, maka dia akan diberhentikan. Apabila tidak ada harapan lagi maka segera Khalifah diberhentikan.

*Kedua:* Apabila Khalifah menjadi tawanan musuh, baik ditawan atau di bawah kawalan musuh. Pada situasi seperti ini perlu dipertimbangkan. Jika masih ada harapan untuk dibebaskan maka pemberhentiannya ditangguhkan sampai batas tidak ada harapan lagi untuk membebaskannya, dan jika ternyata demikian, barulah dia diberhentikan. Jika tidak ada harapan sama sekali untuk membebaskannya maka segera diganti.

### **Perkara 41**

Mahkamah Mazhalim adalah satu-satunya lembaga yang menentukan apakah ada atau tidak perubahan keadaan pada diri Khalifah yang menjadikannya tidak layak memegang jawatan Khalifah. Mahkamah ini merupakan satu-satunya lembaga yang memiliki autoriti(hak dan kuasa) untuk memberhentikan atau menegur Khalifah.

## **MU'AWIN AT-TAFWIDH (PEMBANTU DELEGASI)**

### **Perkara 42**

Khalifah melantik seorang Mu'awin Tafwidh(pembantu delegasi) atau lebih dengan kuasa untuk membantunya dalam menjalankan tanggungjawab pemerintahan. Mu'awin Tafwidh diberi wewenang ( hak dan kuasa) untuk mengatur pelbagai urusan berdasarkan pendapat dan ijtihadnya. Apabila Khalifah wafat, maka jawatan Mu'awin juga ditamatkan. Dia tidak melanjutkan aktivitinya kecuali sepanjang beradanya Amir Sementara saja.

### **Perkara 43**

Syarat-syarat Mu'awin Tafwidh sama seperti persyaratan Khalifah, yaitu lelaki, merdeka, muslim, baligh, berakal, adil dan memiliki kemampuan dalam tugas-tugas yang dipikulnya.

### **Perkara 44**

Dalam perlantikan Mu'awin Tafwidh, disyaratkan dua perkara: *Pertama*, tugasnya melibatkan semua urusan negara secara umum. *Kedua*, sebagai wakil Khalifah. Oleh itu, ketika perlantikannya Khalifah mesti menyatakan: 'Saya melantik anda bagi pihak saya sebagai pembantu saya', atau dengan redaksi lain yang mencakup kedudukannya yang umum dan bersifat mewakili. Penyerahan tugas ini memungkinkan Khalifah untuk mengirinkan para Mu'awin ke mana-mana tempat, atau memindahkan mereka dari satu tempat ke tempat yang lain atau tugas yang lain mengikut keperluan Khalifah, tanpa memerlukan perlantikan yang baru kerana semua itu termasuk di dalam cakupan penyerahan tugas mereka sebelumnya.

### **Perkara 45**

Fungsi Mu'awin Tafwidh yang membezakannya dengan Khalifah dalam kekuasaannya adalah mereka perlu memberi laporan kepada Khalifah tentang apa yang mereka putuskan dan pelaksanaan tugas-tugas yang diberikan kepada mereka. Mu'awin Tafwidh wajib memberi laporan kepada Khalifah dan melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Khalifah.

## **Perkara 46**

Khalifah wajib memeriksa aktiviti dan pengaturan Mu'awin Tafwidh dalam semua urusan yang dilakukannya, agar Khalifah dapat mengesahkannya sekiranya tindakan mereka selari dengan kebenaran dan membetulkannya sekiranya berlaku kesalahan. Hal ini kerana pengurusan urusan umat adalah tugas Khalifah (yang hakiki) yang dijalankan berdasar ijtihadnya.

## **Perkara 47**

Apabila Mu'awin Tafwidh telah mengatur suatu urusan, lalu disetujui Khalifah, maka dia berhak melaksanakannya sebagaimana dipersetujui Khalifah, tanpa mengurangi atau menambahnya. Jika Khalifah menarik kembali persetujuannya, dan Mu'awin menolak mengembalikan apa yang telah diputuskan, maka dalam hal ini perlu dilihat; jika masih dalam rangka pelaksanaan hukum selari dengan perintahnya atau berkaitan harta yang sudah diserahkan kepada yang berhak, maka pendapat mu'awin yang dilaksanakannya, sebab pada dasarnya hal itu adalah pendapat Khalifah juga. Khalifah tidak boleh menarik kembali hukum yang sudah dilaksanakan, atau harta yang sudah diagihkan. Sebaliknya jika apa yang sudah dilaksanakan oleh Mu'awin diluar ketentuan-ketentuan tersebut, seperti melantik Wali atau mempersiapkan bala tentera, maka Khalifah berhak menolak perbuatan Mu'awin dan melaksanakan pendapatnya sendiri serta menghapus apa yang telah dilakukan oleh Mu'awin. Ini kerana Khalifah berhak untuk mengubah kembali kebijaksanaannya ataupun kebijaksanaan Mu'awinnya.

## **Perkara 48**

Mu'awin Tafwidh memiliki kekuasaan delegasi yang umum. Oleh yang demikian, dia tidak terikat dengan sesebuah jabatan tertentu atau tugas-tugas yang spesifik. Ini kerana mereka yang melaksanakan aktiviti administratif adalah para pegawai dan bukan penguasa, sedangkan Mu'awin Tafwidh adalah seorang penguasa. Maka dia tidak ditugaskan secara khusus dengan urusan-urusan administratif tersebut, kerana kekuasaannya bersifat umum.

### **MU'AWIN AT-TANFIDZ (PEMBANTU ESEKUTIF)**

## **Perkara 49**

Khalifah melantik Mu'awin Tanfidz sebagai pembantu dalam pentadbiran(administrative) dan bukan dalam pemerintahan. Tugasnya adalah melaksanakan perintah-perintah Khalifah baik urusan di dalam mahupun di luar negara dan menyampaikan laporan apa yang diterima dalam bidang tersebut kepada Khalifah. Jabatan Pentadbiran ini adalah perantara antara Khalifah dengan jabatan-jabatan yang lain, menyampaikan tugas daripada Khalifah atau sebaliknya menyampaikan laporan kepadanya dalam urusan berikut:

- a. Hubungan dengan rakyat
- b. Hubungan internasional
- c. Ketenteraan
- d. Institusi negara lainnya selain ketenteraan

## **Perkara 50**

Mu'awin Tanfidz mestilah seorang lelaki dan muslim, kerana dia mendampingi Khalifah.

## **Perkara 51**

Mu'awin Tanfidz selalu berhubungan langsung dengan Khalifah, seperti halnya Mu'awin Tafwidh. Dia dipandang sebagai Mu'awin (Pembantu) dalam hal pelaksanaan (esekutif), bukan berkaitan pemerintahan.

## **AL- WULAT (PARA GABENOR DI SETIAP WILAYAH)**

## **Perkara 52**

Seluruh wilayah yang dikuasai oleh negara dibahagikan kepada beberapa bahagian. Setiap bahagian dinamakan wilayah. Setiap wilayah dibahagikan menjadi beberapa 'imalat (daerah). Orang yang memerintah wilayah disebut Wali atau Amir dan yang memerintah 'imalat disebut 'Amil atau Hâkim.

## **Perkara 53**

Para Wali dilantik oleh Khalifah. Manakala para 'Amil dilantik oleh Khalifah atau Wali apabila Khalifah memberikan mandat tersebut kepada Wali. Syarat bagi seorang Wali dan 'Amil sama seperti persyaratan Mu'awin, iaitu laki-laki, merdeka, muslim, baligh, berakal, adil, memiliki kemampuan yang

sesuai dengan tugas yang diberikan, dan dipilih daripada kalangan orang yang bertaqwa serta kuat.

#### **Perkara 54**

Wali mempunyai autoriti(hak dan kuasa) dalam bidang pemerintahan dan mengawasi seluruh aktiviti jabatan-jabatan pentadbiran di wilayahnya, sebagai wakil Khalifah. Wali memiliki seluruh autoriti di wilayahnya kecuali urusan kewangan, pengadilan, dan ketenteraan. Dia memiliki kepemimpinan ke atas penduduk di wilayahnya dan memerhatikan seluruh urusan yang berhubungan dengan wilayahnya. Dia memimpin pasukan polis di dalam aspek operasi, bukan dalam aspek pentadbiran pasukan polis.

#### **Perkara 55**

Wali tidak wajib memberi laporan kepada Khalifah tentang apa yang dilakukannya di bawah kuasa pemerintahannya, kecuali dia berhadapan dengan beberapa pilihan. Apabila terdapat perkara baru yang belum pernah ditetapkan, dia perlu menunggu dan memberikan laporan kepada Khalifah, kemudian baru bertindak berdasarkan perintah Khalifah. Jika dengan menunggu persetujuan daripada Khalifah dikhuatiri keadaan bertambah buruk, maka dia boleh bertindak dahulu dan kemudian wajib melaporkannya kepada Khalifah, dan menjelaskan tentang sebab-sebab tiada laporan sebelum pelaksanaan.

## **Perkara 56**

Di setiap wilayah terdapat sebuah majlis, yang mana anggota-anggotanya dipilih oleh penduduk wilayah tersebut dan dipimpin oleh Wali. Majlis tersebut memiliki autoriti untuk turut serta dalam menyampaikan pendapat terhadap urusan-urusan pentadbiran, bukan dalam urusan kekuasaan (pemerintahan). Hal itu untuk dua tujuan:

*Pertama*, memberikan informasi penting kepada Wali tentang fakta wilayah dan keperluannya serta menyampaikan pendapat mereka dalam masalah tersebut.

*Kedua*, bagi mengungkapkan persetujuan atau pengaduan tentang pemerintahan Wali ke atas mereka.

Pendapat Majlis dalam hal yang pertama tidak mengikat (ghairu mulzamun). Namun pendapat majlis dalam hal yang kedua adalah mengikat (mulzamun). Jika Majlis mengadu tentang Wali, maka Wali tersebut diberhentikan.

## **Perkara 57**

Tempoh jawatan seorang Wali di sesuatu wilayah tidak boleh dalam jangka waktu yang sangat panjang (lama). Dia mesti diberhentikan apabila dia kelihatan lebih berkuasa dan/atau para penduduknya menjadi terpengaruh dengan dirinya.

## **Perkara 58**

Seorang Wali tidak boleh dipindahkan dari satu wilayah ke wilayah yang lain, kerana walaupun perlantikannya bersifat umum tetapi hanya bagi satu tempat yang ditetapkan sahaja.

Akan tetapi seorang Wali boleh diberhentikan kemudian dilantik lagi di tempat lain.

### **Perkara 59**

Wali diberhentikan apabila Khalifah memutuskan untuk memberhentikannya; atau apabila Majlis Umat menyatakan ketidakpuasan (ketidakrelaan) terhadap Wali, atau jika Majlis Wilayah menampakkan ketidaksukaan terhadapnya. Pemberhentiannya dilakukan oleh Khalifah.

### **Perkara 60**

Khalifah wajib sentiasa meneliti dan mengawasi tindakan setiap Wali dengan ketat. Khalifah boleh melantik orang yang mewakilinya untuk mengawasi dan memeriksa para Wali. Khalifah mesti mengumpulkan mereka satu persatu atau sebahagian daripada mereka dari masa ke semasa, dan mendengar pengaduan-pengaduan rakyat terhadap mereka.

## **AMIRUL JIHAD: DA'IRAH(JABATAN) PEPERANGAN – TENTERA**

### **Perkara 61**

Da'irah(Jabatan) peperangan menagai seluruh hal ehwal yang berkaitan dengan angkatan bersenjata baik pasukan tentera, polis, kelengkapan persenjataan, misi-misinya, amunisi, dan sebagainya. Juga semua akademi ketenteraan (kuliyyat askariah), semua misi ketenteraan (ba'asat askariah) dan segala hal yang menjadi tuntutan baik tsaqafah Islamiyah, mahaupun tsaqafah umum bagi pasukan. Dan semua hal yang

berhubungan dengan peperangan dan persiapannya. Ketua bagi jabatan ini disebut Amirul Jihad.

### **Perkara 61**

Jihad adalah kewajiban bagi seluruh kaum Muslimin dan latihan ketenteraan adalah wajib. Setiap lelaki muslim yang telah berusia 15 tahun diwajibkan mengikuti latihan ketenteraan, sebagai persiapan untuk berjihad. Sementara pengambilan anggota tetap pasukan tentera merupakan fardhu kifayah.

### **Perkara 63**

Tentera terdiri daripada dua bahagian: Pertama, bahagian/pasukan cadangan (qasam ihtiyathin) yang terdiri daripada seluruh kaum Muslimin yang mampu mengangkat senjata. Kedua, bahagian/pasukan tetap (qasam daimun) dalam tentera yang memperolehi gaji daripada belanjawan negara sebagaimana para pegawai negara yang lain.

### **Perkara 64**

Pasukan memiliki liwa(bendera) dan rayah(panji). Khalifah yang menyerahkan liwa kepada Ketua barisan peperangan (Panglima Perang/Commander-in chief). Sedangkan panji diserahkan oleh ketua-ketua briged (ru'asul alwiyati), (briged - sepasukan tentera yang terdiri daripada beberapa battalion-pent).

### **Perkara 65**

Khalifah adalah merupakan Ketua Angkatan Tentera (Qaaidul Jaishy). Khalifah melantik Ketua Staff Tentera (Rais al-Arkaan), Amir bagi setiap Briged (Liwa'an Amiran) dan Ketua bagi setiap Divisyen (Firqah Qaaidan). Para Amir setiap briged dan para ketua setiap divisyen melantik struktur barisan tentera yang lain. Pegawai-pegawai staff tentera (al-shakhshu fil Al-Arkaan) ditentukan berdasarkan tahap pengetahuan perang (tsaqafah al-harbiyah) masing-masing dan yang menetapkannya adalah Panglima Tentera.

## **Perkara 66**

Seluruh tentera ditetapkan sebagai satu kesatuan, yang ditempatkan diberbagai-bagai kem tentera. Sebahagian kem tentera mesti ditempatkan di wilayah yang berbeza, sebahagian lainnya ditempatkan di lokasi-lokasi strategik, dan sebahagian lainnya hendaklah kekal sebagai pasukan gerak tempur. Kem-kem tentera disusun dalam berbagai unit. Setiap unitnya boleh dinamakan dalam bentuk nombor seperti tentera 1, tentera 3 misalnya atau dinamakan mengikut wilayah atau daerah (imalah).

## **Perkara 67**

Setiap anggota tentera wajib diberikan pendidikan ketenteraan semaksima mungkin dan meningkatkan kemampuan berfikir mereka sesuai dengan kemampuan yang ada. Setiap anggota tentera hendaklah dibekalkan dengan tsaqofah Islam, sehingga memiliki kesedaran Islam secara keseluruhannya.

## **Perkara 68**

Dalam setiap kem tentera wajib terdapat sejumlah pegawai staff tentera (al-arkaan) yang cukup dan memiliki pengetahuan yang tinggi tentang ketenteraan, serta berpengalaman dalam menyusun strategi dan mengatur peperangan. Seluruh tentera perlu memiliki pegawai atasan tentera (al-arkaan) sebanyak mungkin dalam setiap batalion.

## **Perkara 69**

Setiap pasukan wajib dilengkapi dengan kelengkapan persenjataan, bekalan dan peralatan yang diperlukan serta keperluan-keperluan lain, yang membolehkan pasukan melaksanakan tugasnya sebaik mungkin sebagai pasukan tentera Islam.

## **JABATAN KEAMANAN DALAM NEGERI (DAIRAH AL-AMNI)**

## **Perkara 70**

Da'irah (Jabatan) Keamanan Dalam Negeri menangani segala perkara yang boleh mengganggu kemananan, mencegah segala perkara yang dapat mengancam keamanan dalam negeri, menjaga keamanan di dalam negeri melalui pasukan polis (Al-Syurtoh) dan tidak diserahkan kepada pasukan tentera (Al-Jaish) kecuali dengan perintah daripada Khalifah. Ketua bagi da'irah ini dinamakan Pengarah Keamananan Dalam Negeri. Da'irah ini memiliki cawangan di setiap wilayah yang disebut Jabatan Keamanan Dalam Negeri dan

ketuanya dinamakan Ketua Pentadbiran (Ketua Polis) di wilayah tersebut.

## **Perkara 71**

Terdapat dua jenis polis (AL-Syurtoh):

1. Polis Tentera (Syurtoh Al-Jaish) yang berada di bawah Amirul Jihad atau Da'irah Perang, dan;
2. Polis yang ada di bawah penguasa untuk menjaga keamanan; polis ini berada di bawah Da'irah(Direktorat) Keamanan Dalam Negeri.

Kedua jenis polis tersebut diberi latihan khusus dengan tsaqafah khusus demi melaksanakan tugas-tugasnya dengan baik.

## **Perkara 72**

Ancaman-ancaman terhadap keamanan dalam negeri yang ditangani oleh Da'irah(Direktorat) Keamanan Dalam Negeri untuk diselesaikan adalah: murtad, bughat(pemberontakan), hirabah(rompakan), penyerangan terhadap harta masyarakat, pelanggaran terhadap jiwa dan kehormatan, interaksi dengan orang-orang yang diragukan iaitu orang-orang yang menjadi perisik untuk orang kafir harbi.

## **JABATAN LUAR NEGARA (DA'IRAH AL-KHARAJIAH)**

### **Perkara 73**

Da'irah (Jabatan) Luar Negara menangani seluruh urusan luar negara yang berkaitan dengan hubungan Daulah Khilafah dengan negara-negara luar (al-dual al-ajnabi) baik dalam aspek politik, ekonomi, perindustrian, pertanian, perdagangan, perkhidmatan POS, perkhidmatan telekomunikasi baik berwayar atau tanpa wayar dan sebagainya.

## **JABATAN PERINDUSTRIAN (DA'IRAH AS-SINA'AH)**

### **Perkara 74**

Da'irah (Jabatan) perindustrian adalah da'irah yang menangani seluruh urusan yang berhubungan dengan industri, baik industri berat seperti industri mesin dan peralatan, industri automotif dan transportasi, industri bahan mentah dan industri elektronik; mahupun industri ringan. Baik kilang-kilang tersebut termasuk kepemilikan umum mahupun termasuk kepemilikan individu, namun memiliki hubungan dengan industri ketenteraan; dan segala jenis industri, semuanya wajib dijalankan berdasarkan politik perang.

## **AL QADHA (KEHAKIMAN)**

### **Perkara 75**

Al-Qadha adalah pemberitahuan keputusan hukum dalam bentuk yang mengikat (al-ilzam). Al-Qadha menyelesaikan perselisihan yang terjadi antara masyarakat, atau mencegah hal-hal yang dapat merugikan hak jama'ah, atau mengatasi perselisihan yang terjadi antara rakyat dengan struktur pemerintahan; para penguasa atau para pegawainya; termasuk Khalifah atau pegawai bawahannya yang lain.

### **Perkara 76**

Khalifah melantik Qadhi Qudhat (Ketua Hakim) daripada kalangan lelaki, baligh, merdeka, muslim, berakal, adil dan faqih. Jika Khalifah memberinya wewenang (hak dan kuasa) untuk melantik dan memberhentikan Qadhi Mazhalim, maka Qadhi Qudhat wajib seorang mujtahid. Qadhi Qudhat memiliki hak dan kuasa melantik para Qadhi, memberi peringatan dan memberhentikan mereka daripada jawatannya, selari dengan peraturan pentadbiran yang berlaku. Pegawai-pegawai Mahkamah yang lain terikat dengan Pengarah Jabatan Peradilan, yang mengatur urusan administratif untuk lembaga Peradilan.

### **Perkara 77**

Para Qadhi terbagi dalam tiga jenis:

1. *Qadhi*, iaitu Qadhi yang mempunyai hak dan kuasa menyelesaikan perselisihan antara masyarakat dalam urusan muamalat dan uqubat.
2. *Al-Muhtasib*, Qadhi yang mempunyai hak dan kuasa menyelesaikan pelanggaran-pelanggaran yang merugikan hak-hak jama'ah/masyarakat.
3. *Qadhi Mazhalim*, yang mempunyai hak dan kuasa mengatasi perselisihan yang terjadi antara rakyat dengan negara.

### **Perkara 78**

Orang yang menduduki jawatan Qadhi (Qadhi dan al-Muhtasib, pen.) disyaratkan seorang muslim, merdeka, baligh, berakal, adil dan faqih serta memahami cara mengaplikasikan hukum terhadap fakta/realiti. Sementara Qadhi Mazhalim ditambahkan pensyaratannya iaitu lelaki dan mujtahid.

### **Perkara 79**

Qadhi, al-Muhtasib dan Qadhi Mazhalim yang dilantik diberi hak dan kuasa secara umum ke atas seluruh kes yang terjadi di seluruh negara, atau boleh juga dilantik dan diberi hak dan kuasa secara khusus untuk sesuatu tempat atau untuk kes-kes tertentu.

### **Perkara 80**

Sidang pengadilan (mahkamah) tidak boleh dibentuk atas lebih daripada satu Qadhi yang berhak memutuskan perkara. Seorang Qadhi boleh dibantu oleh satu atau lebih qadhi lain, yang mana mereka diberikan hak untuk bermusyawarah dan

mengemukakan pendapat. Namun, mereka tidak mempunyai hak dan kuasa untuk menjatuhkan hukuman manakala pendapat mereka tidak memaksa Qadhi untuk menerimanya.

### **Perkara 81**

Seorang Qadhi tidak boleh memutuskan sesuatu perkara kecuali dalam majlis (sidang) pengadilan. Pembuktian dan sumpah hanya yang disampaikan di dalam sidang pengadilan dianggap sah,.

### **Perkara 82**

Ia adalah dibenarkan untuk mengelaskan tahap mahkamah bersesuaian dengan jenis kes. Seseengah qadhi boleh ditugaskan untuk mengendalikan kes-kes tertentu pada tahap tertentu manakala kes-kes yang lain dikendalikan oleh sidang mahkamah yang lain.

### **Perkara 83**

Tidak ada mahkamah rayuan kerana semua bentuk pengadilan (dalam memutuskan sesuatu perkara) mempunyai kedudukan yang sama. Apabila seorang qadhi telah memutuskan suatu perkara, maka keputusannya adalah sah dan tiada Qadhi lain yang boleh membatalkan keputusannya, kecuali dia memutuskan dengan selain daripada Islam (hukum syarak), atau keputusannya bertentangan dengan nash yang pasti daripada Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' Shahabat, atau keputusannya bertentangan dengan realiti yang sebenarnya.

## **Perkara 84**

Al-Muhtasib adalah Qadhi/Hakim yang mempertimbangkan (yanzhuru) semua kes yang berkaitan dengan hak-hak masyarakat secara umum, dan di dalamnya tidak perlu terdapat penuntut, dengan syarat tidak termasuk masalah hudud dan jinayat (jenayah).

## **Perkara 85**

Al-Muhtasib memiliki hak dan kuasa untuk memutuskan perkara terhadap pelanggaran/pencabulan yang diketahuinya secara langsung, di mana-mana tempat sekalipun tanpa memerlukan majlis/sidang pengadilan. Beberapa anggota polis ditempatkan di bawah hak dan kuasanya untuk melaksanakan perintahnya dan mesti melaksanakan keputusan yang diambil oleh Al-Muhtasib dengan segera.

## **Perkara 86**

Al-Muhtasib memiliki hak untuk memilih wakil-wakilnya yang memenuhi syarat-syarat seorang muhtasib. Mereka boleh ditugaskan diberbagai-bagai lokasi, dan masing-masing memiliki wewenang(hak dan kuasa) dalam menjalankan tugas hisbahnya, baik di bandar-bandar (Al-Mantiqah) ataupun di pekan-pekan (al-Mahaliyah) yang sudah ditentukan dalam perkara yang didelegasikan kepada mereka.

## **Perkara 87**

Qadhi Mazhalim adalah Qadhi yang dilantik untuk menghilangkan setiap tindakan zalim yang dilakukan oleh pihak negara yang menimpa ke atas setiap orang yang hidup di bawah kekuasaan negara, baik rakyatnya sendiri mahupun, tidak kira kezaliman itu dilakukan oleh Khalifah ataupun selain daripada Khalifah iaitu di kalangan para penguasa dan para pegawai yang lain.

## **Perkara 88**

Para Qadhi Mazhalim dilantik oleh Khalifah atau oleh Qadhi Qudhat (Ketua Qadhi). Sementara aktiviti memuhasabah, tindakan tatatertib dan pemecatan terhadap Qadhi Mazhalim dilakukan oleh Khalifah, atau Qadhi Qudhat –jika Khalifah memberikan hak dan kuasa tersebut kepada kepadanya. Kecuali ketika Qadhi Madzalim sedang menyiasat kes kezaliman Khalifah, atau Mu'awin Tafwidh atau Qadhi Qudhat. Dalam keadaan seperti itu, hak dan kuasa memberhentikan Qadhi Mazhalim berada di tangan Mahkamah Mazhalim.

## **Perkara 89**

Bilangan Qadhi Madzalim tidak terbatas dengan jumlah seorang atau lebih. Khalifah boleh melantik sebanyak mungkin bilangan Qadhi Madzalim yang difikirnya perlu dalam membasmi tindakan kezaliman yang ada. Walaupun dibenarkan lebih daripada seorang Qadhi Mazhalim untuk mengendalikan suatu perbicaraan, namun hak dan kuasa membuat keputusan hanya berada pada tangan seorang Qadhi.

Qadh-qadhi Mazhalim yang lain boleh mengikuti dan mendampingi hakim ketika perbicaraan, namun wewenang (hak dan kuasa) mereka hanya terbatas kepada memberi pendapat, dan pendapat mereka pula tidak mengikat terhadap Qadhi Mazhalim yang mempunyai hak dan kuasa untuk menjatuhkan hukuman.

### **Perkara 90**

Mahkamah Mazhalim berhak memberhentikan mana-mana penguasa atau pegawai negara. Mahkamah itu juga berhak memecat Khalifah sekiranya pemecatan tersebut diperlukan demi menghapuskan kezaliman.

### **Perkara 91**

Mahkamah Madzalim berhak menyiasat sebarang kezaliman, sama ada yang berkaitan dengan pegawai-pegawai pemerintahan, tindakan Khalifah yang berkaitan dengan pelanggaran-pelanggaran hukum syarak; atau yang berkaitan dengan penafsiran terhadap salah satu dari nash-nash syarak yang terdapat dalam perlembagaan, undang-undang dan semua hukum syarak yang ditetapkan (tabanni) oleh Khalifah; atau yang berkaitan dengan penentuan salah satu jenis cukai (dharibah) atau tindakan zalim yang lain.

### **Perkara 92**

Tidak disyaratkan ke atas Qadhi Mazhalim perlu ada sesi perbicaraan, atau adanya tuntutan daripada defendan (penuntut) atau kehadiran plaintif (tertuduh).

Mahkamah Mazhalim berhak menyiasat suatu kezaliman, walaupun tiada tuntutan daripada sesiapaapun.

### **Perkara 93**

Setiap orang (kedua-dua pihak defendan dan plaintif) berhak mewakilkan perkara dan pembelaannya kepada orang lain (peguam). Hak tersebut mencakupi semua orang, baik muslim mahupun bukan-Muslim, lelaki mahupun wanita, tanpa ada perbezaan antara pihak yang diwakili dan pihak yang mewakili. Pihak yang mewakilkan boleh memberi upah/bayaran kepada wakilnya, sesuai dengan kesepakatan di antara kedua-duanya.

### **Perkara 94**

Setiap orang yang memiliki kuasa dalam suatu tugas, baik tugas khusus, seperti washi - yang disertai wasiat- atau Wali, mahupun tugas umum seperti Khalifah, pegawai pemerintah lainnya, pegawai negara, qadhi mazhalim dan muhtasib; semuanya berhak melantik seseorang- misalnya peguam- yang menggantikannya dan bertindak selaku wakil dalam perkara perselisihan dan pembelaan, dilihat dari segi kedudukan mereka sebagai washi, Wali, ketua negara, pegawai pemerintah, pegawai negaea, qadhi mazhalim atau muhtasib. Tidak ada perbezaan -kedudukan mereka masing-masing- sebagai terdakwa atau penuntut.

## **Perkara 95**

Pelbagai transaksi/akad, muamalah dan keputusan mahkamah yang dilakukan dan telah selesai pelaksanaannya sebelum penubuhan Khilafah, tidak dibatalkan oleh para qadha' Khilafah dan tidak diadili kembali kecuali jika perkara itu:

- a. Memiliki pengaruh yang berterusan yang bertentangan dengan Islam, maka perkara tersebut dibicara ulang
- b. Jika perkara tersebut berkaitan dengan pelanggaran/ penyerangan terhadap Islam dan kaum Muslimin yang dilakukan oleh para penguasa lama dan pengikut mereka, maka Khalifah boleh menggerakkan kembali perkara tersebut.

## **JIHAZ AL-IDARI (JENTERA-JENTERA PENTADBIRAN)**

## **Perkara 96**

Pengurusan hal ehwal pentadbiran(idarah) negara dan penjagaan kepentingan rakyat, dilaksanakan, dan dipertanggungjawabkan kepada para pentadbir (masolih), direktorat-direktorat (dawairu) dan jabatan-jabatan (idaarat) yang bertugas menjalankan pentadbiran negara dan melayani kepentingan rakyat

## **Perkara 97**

Dasar pentadbiran (siyasa idarah) bagi pentadbir-pentadbir, direktorat-direktorat dan jabatan-jabatan adalah bersederhana dalam sistem, cepat dalam pelaksanaan tugas serta memiliki

kompetensi (mahir dan cekap) bagi mereka yang memimpin urusan pentadbiran.

### **Perkara 98**

Setiap warga negara yang memiliki kompetensi, sama ada lelaki ataupun wanita, muslim ataupun non-muslim boleh dilantik sebagai pengarah (mudir) atau pegawai (mauzafan) dalam mana-mana pentadbiran, direktorat atau jabatan.

### **Perkara 99**

Setiap pentadbiran mesti mempunyai pengarah umum dan setiap direktorat dan jabatan mesti mempunyai pengarah khas yang bertanggungjawab untuknya. Semua pengarah bertanggungjawab di hadapan pengarah umum pentadbiran, direktorat dan jabatan mereka, dan bertanggung jawab terhadap pentadbiran, direktorat dan jabatan yang mereka pimpin dalam aspek pelaksanaan tugas-tugasnya dan bertanggung jawab pula kepada Wali dan 'Amil dalam aspek keterikatannya terhadap hukum-hukum dan peraturan umum.

### **Perkara 100**

Para pengarah di semua pentadbiran, direktorat dan jabatan tidak boleh diberhentikan, kecuali terdapat alasan yang berkaitan dengan peraturan administrasi. Mereka dibenarkan untuk dipindahkan dari satu jawatan kepada jawatan yang lainnya, dan boleh digantung tugas. Pengarah umum bagi setiap pentadbiran, direktorat atau jabatan bertanggungjawab

terhadap perlantikan, pemberhentian, pemindahan, penggantungan tugas dan tindakan tatatertib.

### **Perkara 101**

Para pegawai selain daripada pengarah akan dilantik, dipindahkan, digantung tugas, dikenakan tindakan tatatertib atau diberhentikan oleh pihak pengurusan tertinggi (al-idarah al-'uliyah) bagi pentadbiran, direktorat atau jabatan masing-masing.

## **BAITUL MAL**

### **Perkara 102**

Baitul Mal adalah direktorat yang menguruskan pemasukan (al-waridat) dan pengeluaran (al-nafaqat) sesuai hukum syarak dari segi pengumpulan, penjagaan, dan perbelanjaannya. Ketua Direktorat Baitul Mal disebut Khazin Baitul Mal. Direktorat ini memiliki cawangan di setiap wilayah dan ketuanya di setiap cawangan disebut Shahib Baitul Mal.

## **JABATAN PENERANGAN (DA'IRAH AL-'ILAMI)**

### **Perkara 103**

Jabatan Penerangan adalah direktorat yang menangani penetapan dan pelaksanaan politik penerangan (siyasaah 'ilamiah) Daulah demi kemaslahatan Islam dan kaum Muslimin; di dalam negara: untuk membangun masyarakat

Islami yang kuat dan kukuh, menghilangkan keburukannya, dan menonjolkan kebaikannya; dan di luar negara: untuk memaparkan Islam yang damai dan perang dengan pemaparan yang menjelaskan keagungan Islam dan keadilannya, kekuatan pasukannya, dan menjelaskan kerosakan sistem buatan manusia dan kezalimannya serta kelemahan pasukannya.

### **Perkara 104**

Media yang dimiliki warga negara tidak memerlukan izin. Tetapi hanya perlu dimaklumkan kepada Jabatan Penerangan tentang bentuk (wasilah) media yang didirikan. Pemilik dan pemimpin wasilah media itu bertanggung jawab terhadap setiap perkara yang disebarkan. Dia akan diminta pertanggungjawaban terhadap setiap bentuk penyimpangan syar'i seperti individu rakyat lainnya.

## **MAJLIS UMAT**

### **Perkara 105**

Ahli-ahli Majlis Umat adalah mereka yang mewakili kaum Muslimin dalam menyampaikan pendapat, sebagai bahan pertimbangan bagi Khalifah. Mereka yang mewakili penduduk wilayah disebut Majlis Wilayah. Orang non-muslim dibolehkan menjadi anggota Majlis Umat untuk menyampaikan pengaduan tentang kezaliman atau penyimpangan para penguasa dalam pelaksanaan hukum-hukum Islam.

## **Perkara 106**

Anggota Majelis Wilayah dipilih secara langsung oleh penduduk wilayah tertentu. Jumlah anggota Majelis Wilayah ditentukan sepadan dengan perbandingan jumlah penduduk setiap wilayah di dalam Daulah. Anggota-anggota Majelis Umat dipilih secara langsung oleh Majelis Wilayah. Tempoh masa keanggotaan Majelis Umat sama dengan Majelis Wilayah.

## **Perkara 107**

Setiap warga negara yang baligh, dan berakal berhak menjadi anggota Majelis Umat atau Majelis Wilayah, sama ada lelaki ataupun wanita, muslim ataupun non-muslim. Namun, keanggotaan orang-orang non-muslim terbatas hanya pada penyampaian pengaduan tentang kezaliman atau penyimpangan para penguasa dalam pelaksanaan hukum-hukum Islam.

## **Perkara 108**

Syura dan masyurah ialah pengambilan pendapat secara mutlak. Pendapatnya tidak mengikat (muzalma) dalam masalah tasyri', definisi, masalah-masalah yang berkaitan pemikiran seperti menyingkap hakikat fakta, masalah-masalah sains dan teknologi. Walau bagaimanapun, pendapat hasil syura dan masyurah mengikat Khalifah dalam perkara-perkara dan tindakan-tindakan yang praktikal yang tidak memerlukan pembahasan dan penelitian.

## **Perkara 109**

Syura merupakan hak bagi kaum Muslimin sahaja dan bukan hak rakyat non-muslim. Namun, penyampaian pendapat boleh dilakukan oleh setiap warga negara, baik muslim mahupun non-muslim.

## **Perkara 110**

Persoalan-persoalan yang terdapat di dalam ruang lingkup syura yang bersifat mengikat, ketika Khalifah meminta pendapat, keputusan diambil berdasarkan pendapat majoriti, tanpa mempertimbangkan pendapat tersebut tepat atau keliru. Selain perkara tersebut, ia termasuk di dalam syura yang bersifat tidak mengikat, maka yang dipertimbangkan adalah kebenarannya, tanpa melihat lagi suara majoriti atau minoriti.

## **Perkara 111**

Majlis Umat memiliki lima hak dan kuasa :

1a) Dirujuk oleh Khalifah dan menyampaikan pendapat kepada Khalifah dalam aktiviti dan perkara-perkara yang praktikal yang berkaitan dengan pemeliharaan urusan dalam masalah politik dalam negeri yang tidak memerlukan pendalaman dan penelitian yang mendalam seperti urusan pemerintahan, pendidikan, kesihatan, ekonomi, perdagangan, industri, pertanian dan seumpamanya, maka pendapat Majlis Umat dalam perkara tersebut adalah mengikat.

1b) Sementara perkara-perkara yang memerlukan pembahasan mendalam dan penelitian, dan perkara-perkara yang bersifat teknikal, sains, kewangan, ketenteraan dan

politik luar negara, maka Khalifah berhak merujuk dan meminta pendapat Majlis, namun pendapat Majlis adalah tidak mengikat.

2) Khalifah boleh menyampaikan hukum-hukum dan undang-undang yang ingin diambilnya (tabanni) kepada Majlis Umat. Sementara kaum Muslimin di kalangan anggota Majlis berhak membincangkannya, serta menjelaskan keadaannya benar atau salah. Jika mereka berselisih dengan Khalifah dalam metodologu penetapan (tabanni) berbentuk ushul syariah yang telah ditetapkan (tabanni) oleh Daulah, maka penyelesaiannya dirujuk kepada Mahkamah Mazhalim. Pendapat Mahkamah dalam masalah ini adalah mengikat.

3) Majlis Umat berhak mengkritik Khalifah ke atas seluruh aktiviti yang telah dilaksanakannya di dalam Negara, sama ada urusan dalam negara, luar negara, kewangan, ketenteraan, atau yang lainnya. Pendapat Majlis adalah mengikat dalam masalah yang di dalamnya pendapat majoriti bersifat mengikat. Dan pendapat Majlis tidak bersifat mengikat dalam masalah yang di dalamnya pendapat mayoriti tidak bersifat mengikat. Jika Majlis umat berbeza pendapat dengan Khalifah dalam suatu aktiviti yang telah dilaksanakan dari aspek syar'i, maka hal itu dikembalikan kepada mahkamah mazhalim, untuk memastikan sama ada aktiviti tersebut syar'i atau tidak. Dan pendapat Mahkamah Mazhalim dalam hal itu adalah mengikat.

4) Majlis Umat berhak menampakkan ketidaksenangannya terhadap para Mu'awin, Wali dan 'Amil. Dan pendapat Majlis dalam hal ini adalah mengikat. Khalifah mesti segera memberhentikan mereka. Jika pendapat Majlis Umat bertentangan dengan pendapat Majlis Wilayah yang berkaitan keredhaan dan pengaduan atas Wali dan 'Amil,

maka pendapat Majlis Wilayah lebih diutamakan dalam hal itu.

5) Kaum Muslimin di kalangan anggota Majlis Umat berhak membatasi calon Khalifah di kalangan mereka yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Madzolim memenuhi syarat-syarat in'iqad, dan pendapat majoriti anggota Majlis dalam perkara itu adalah mengikat, sehingga tidak boleh dipilih kecuali calon yang telah dibatasi oleh Majlis.

## **SISTEM SOSIAL**

### **Perkara 112**

Hukum asal seorang wanita adalah ibu dan pengatur rumah tangga. Wanita merupakan kehormatan yang wajib dijaga.

### **Perkara 113**

Hukum asal kehidupan kaum lelaki terpisah dengan kaum wanita. Mereka tidak boleh berkumpul bersama-sama, kecuali terdapat suatu keperluan hidup yang dibolehkan syarak; atau mengharuskannya berkumpul, seperti ibadah haji dan berjual beli.

### **Perkara 114**

Wanita memiliki hak dan kewajiban yang sama dengan lelaki, kecuali apa yang telah dikhususkan oleh Islam untuk wanita atau lelaki berdasarkan dalil-dalil syarak. Wanita memiliki hak dalam aktiviti perdagangan, pertanian, perindustrian dan

mengendalikan pelbagai akad dan mu'amalat yang lain. Wanita dibolehkan memiliki setiap jenis pemilikan dan mengembangkan kekayaannya oleh dirinya sendiri mahupun bekerjasama dengan orang lain; serta berhak menjalankan seluruh urusan kehidupan.

### **Perkara 115**

Wanita boleh dilantik sebagai pegawai Daulah, dilantik sebagai Qadhi kecuali Qadhi Mazhalim, memilih anggota Majlis Umat dan menjadi anggota Majlis Umat, serta berhak memilih Khalifah dan membai'atnya.

### **Perkara 116**

Seorang wanita tidak boleh memegang jawatan pemerintah. Tidak boleh menjadi Khalifah, Mu'awin, Wali, atau Amil; dan tidak boleh mengamalkan aktiviti yang berkaitan dengan (kekuasaan) pemerintahan. Begitu juga tidak boleh menjawat sebagai Qadhi Qudhat, Qadhi Mahkamah Mazhalim dan Amirul Jihad.

### **Perkara 117**

Wanita hidup dalam lingkungan kehidupan umum dan juga kehidupan peribadi. Di dalam kehidupan umum wanita boleh bergaul bersama kaum wanita, atau kaum lelaki baik yang muhrim mahupun yang bukan; selama tidak menampakkan auratnya kecuali wajah dan tapak tangan, tidak bertabarruj dan tidak menampilkan lekuk tubuhnya. Namun, di dalam kehidupan peribadi tidak boleh bergaul kecuali dengan sesama kaum wanita, atau dengan dengan kaum lelaki yang menjadi

muhrimnya. Tidak dibolehkan bergaul dengan lelaki ajnabi (bukan mahram). Di dalam kedua bentuk kehidupan itu, seorang wanita mesti tetap terikat dengan seluruh hukum syarak.

### **Perkara 118**

Wanita dilarang bersendirian(berkhalwat) tanpa disertai mahramnya. Wanita dilarang melakukan tabarruj atau menampakkan auratnya di hadapan lelaki ajnabi (bukan mahram).

### **Perkara 119**

Seorang lelaki atau wanita tidak boleh melakukan perbuatan yang boleh membahayakan akhlak atau mengundang kerosakan di dalam masyarakat.

### **Perkara 120**

Kehidupan suami-isteri(al-hayah azawjiyyah) adalah kehidupan yang menghasilkan ketenangan. Pergaulan suami isteri adalah pergaulan yang penuh persahabatan. Kepemimpinan (quwamah) suami terhadap isteri adalah kepemimpinan yang bertanggung jawab, bukan kepemimpinan seperti seorang pemerintah. Seorang istri diwajibkan taat, dan seorang suami diwajibkan memberi nafkah yang layak, menurut kesesuaian taraf hidup.

## **Perkara 121**

Suami isteri bekerja secara harmoni dalam melaksanakan tugas-tugas rumah tangga. Suami wajib melaksanakan seluruh tugas-tugas yang biasanya dilakukan di luar rumah, sementara isteri wajib melaksanakan seluruh tugas-tugas yang biasanya dilakukan di dalam rumah sesuai dengan kemampuannya. Suami wajib menyediakan pembantu rumah dalam kadar yang memadai untuk membantu pekerjaan rumah tangga yang tidak mampu dilaksanakan oleh isterinya.

## **Perkara 122**

Hak penjagaan anak-anak adalah hak dan kewajiban bagi wanita, tidak kira sama ada dia adalah Muslimah ataupun bukan, selama anak kecil tersebut memerlukan penjagaan/perawatan. Apabila anak-anak tersebut sudah tidak memerlukan penjagaan lagi maka akan dipertimbangkan; jika ibu yang mengasuh anak atau walinya -kedua-duanya Islam-, maka terhadap anak tersebut diberikan pilihan untuk tinggal bersama orang yang dikehendakinya. Bagi orang yang dipilihnya maka dia berhak hidup bersamanya sama ada lelaki ataupun wanita, tanpa membezakan lagi apakah anak tersebut lelaki ataupun wanita. Apabila salah seorang di antara kedua-duanya itu non-muslim, maka terhadap anak tersebut tidak diberikan pilihan lain, kecuali diserahkan kepada pihak yang muslim.

## **SISTEM EKONOMI**

### **Perkara 123**

Politik ekonomi (siyasah al-iqtishodi) merupakan pandangan terhadap apakah bentuk masyarakat yang hendak diwujudkan, ketika menangani pemenuhan keperluan (manusia). Maka apakah bentuk masyarakat yang hendak diwujudkan akan dijadikan asas untuk memenuhi keperluan.

### **Perkara 124**

Masalah ekonomi yang fundamental ialah pengagihan dana/kekayaan dan perkhidmatan kepada seluruh individu masyarakat, serta memberi mereka peluang untuk memanfaatkannya dengan memberi kesempatan untuk mengusahakan dan memilikinya.

### **Perkara 125**

Pemenuhan seluruh keperluan asas individu masyarakat secara sempurna wajib dijamin ke atas setiap individu, dan setiap individu juga dijamin untuk membolehkannya memenuhi keperluan sekunder semaksimal mungkin.

### **Perkara 126**

Harta adalah milik Allah semata-mata. Dialah yang memberi hak pemilikan –secara umum- kepada manusia untuk menguasainya, maka dengan itu harta tersebut benar-benar menjadi hak miliknya (manusia tersebut). Dia juga yang

mengizinkan setiap individu untuk mendapatkannya, sehingga dengan izin yang bersifat khusus itu harta tersebut benar-benar menjadi miliknya secara nyata.

### **Perkara 127**

Terdapat tiga jenis pemilikan: pemilikan individu, pemilikan umum dan pemilikan negara.

### **Perkara 128**

Pemilikan individu adalah hukum syarak atas benda itu sendiri atau manfaat daripadanya, yang memberi peluang kepada orang yang memilikinya untuk memperoleh manfaat serta mendapatkan imbalan daripada penggunaannya.

### **Perkara 129**

Pemilikan umum adalah izin As-Syari' (Allah SWT) kepada jama'ah (masyarakat) untuk memanfaatkan benda-benda secara bersama-sama.

### **Perkara 130**

Setiap harta kekayaan yang penggunaannya bergantung kepada pendapat Khalifah dan ijtihadnya, dianggap sebagai pemilikan negara seperti cukai (Al-dharib), kharaj dan jizyah.

### **Perkara 131**

Pemilikan individu terhadap aset-aset cair dan aset-aset tetap hanya bergantung kepada lima sebab syar'i, iaitu:

- a. Bekerja.
- b. Warisan.
- c. Keperluan (mendesak) terhadap dana/harta demi mempertahankan hidup.
- d. Pemberian dana/kekayaan negara kepada rakyat.
- e. Harta yang diperoleh individu tanpa mengeluarkan pembiayaan atau usaha keras.

### **Perkara 132**

Penggunaan hak milik, terikat dengan izin dari Allah - selaku pembuat hukum-, sama ada ia digunakan untuk perbelanjaan ataupun untuk pelaburan/pengembangan harta. Dilarang berfoya-foya, pemborosan dan kikir. Tidak boleh mendirikan syarikat berdasarkan sistem kapitalis, atau koperasi dan semua bentuk transaksi yang bertentangan dengan syarak. Dilarang mengambil riba, memanipulasi harta secara berlebihan (al-gabn al-fahsy), penimbuan harta (al-ihtikar), perjudian dan sebagainya.

### **Perkara 133**

Tanah 'usyriyah adalah tanah suatu negara yang penduduknya masuk Islam (i.e. tanpa Jihad daripada Daulah Islam) dan tanah Jazirah Arab. Tanah kharaj adalah tanah suatu negara yang dibebaskan (futuhat) melalui peperangan atau perdamaian, kecuali tanah Jazirah Arab. Tanah 'usyriyah menjadi hak milik individu, baik tanahnya mahupun manfaatnya. Sedangkan tanah kharaj (tanahnya) menjadi

milik negara, namun manfaatnya milik individu. Setiap individu dibolehkan menjual/memberikan tanah 'usyriyah, atau menjual/ memberikan manfaat tanah kharajiyah selaras dengan aqad/perjanjian yang dibolehkan syarak; serta dapat diwariskan seperti harta-harta yang lain.

### **Perkara 134**

Tanah mati (al-mawwat- tanah yang tidak diusahakan selama 3 tahun atau lebih) dapat dimiliki dengan jalan membuka (menghidupkan) tanahnya dan memberinya batas/ pagar. Selain tanah mawwat, tidak dapat dimiliki kecuali dengan sebab-sebab pemilikan yang dibolehkan syarak, seperti waris, pembelian atau pemberian daripada negara.

### **Perkara 135**

Dilarang menyewakan tanah untuk pertanian secara mutlak, baik tanah kharaj mahupun tanah 'usyriyah seperti mana larangan Muzara'ah - bagi hasil atas tanah pertanian, tetapi musaqat iaitu mengupah orang untuk menjaga dan menyiram kebun adalah dibolehkan.

### **Perkara 136**

Setiap orang yang memiliki tanah (pertanian), mestilah mengelolaknya. Baitul Mal memberikan modal kepada para petani yang tidak memiliki modal untuk menggarap tanahnya. Setiap orang yang membiarkan tanahnya mati selama tiga tahun berturut-turut tanpa mengolahnya- , maka tanahnya akan diambil dan diserahkan kepada yang lain.

## **Pasal 137**

Pemilikan umum berlaku dalam tiga perkara:

- a. Setiap sesuatu yang diperlukan masyarakat umum (keperluan utiliti umum) seperti dataran-dataran bandar
- b. Sumber mineral (Al-ma'adin) yang jumlahnya tidak terbatas, seperti sumber minyak.
- c. Benda-benda yang secara tabii tidak boleh dimonopoli seseorang, seperti sungai.

## **Perkara 138**

Kilang/Industri pembuatan (al-mashona'u) dari segi sifatnya termasuk pemilikan individu, namun hukum terhadap kilang bergantung kepada produk yang dihasilkannya. Jika produknya termasuk di kalangan pemilikan individu maka industri/kilang tersebut menjadi hak milik individu, seperti kilang tenunan/ pemintalan. Sebaliknya jika produknya termasuk di kalangan pemilikan umum, maka industri/kilang tersebut menjadi hak milik umum, seperti kilang pembuatan besi.

## **Perkara 139**

Negara tidak boleh menukarkan hak milik individu menjadi hak milik umum kerana pemilikan umum ditentukan oleh sifat tabiinya harta tersebut, bukan berdasarkan pandangan negara.

## **Perkara 140**

Setiap individu di kalangan umat berhak menggunakan sesuatu yang termasuk dalam pemilikan umum. Negara tidak

dibenarkan mengizinkan orang-orang tertentu sahaja di kalangan rakyat, untuk memiliki atau mengelola pemilikan umum.

### **Perkara 141**

Negara dibenarkan memagari sebahagian tanah mati atau melindungi sesuatu yang termasuk dalam pemilikan umum, untuk kemaslahatan yang dilihatnya sebagai kemaslahatan rakyat.

### **Perkara 142**

Dilarang menimbun harta kekayaan (kanzul mal), sekalipun zakatnya dikeluarkan.

### **Perkara 143**

Zakat hanya diambil daripada kaum Muslimin, dan dikutip bersandarkan jenis kekayaan yang sudah ditentukan oleh syarak, baik dalam bentuk mata wang, barang-barang dagangan, binatang-binatang ternak mahupun bijirin. Selain yang sudah ditentukan oleh syarak tidak boleh dikutip. Zakat dikutip daripada para pemiliknya, baik dia mukallaf yang baligh dan berakal, ataupun bukan mukallaf, seperti anak kecil dan orang gila. Harta zakat disimpan/dipisahkan di bahagian khusus dalam Baitul Mal, dan tidak diagihkan kecuali kepada satu atau lebih daripada lapan asnaf yang tercatat dalam al - Qurannul Karim.

## **Perkara 144**

Jizyah dikutip daripada orang-orang non-Muslim (zhimmi) sahaja, dan diambil dari kalangan laki-laki baligh sahaja jika ia mampu. Jizyah tidak dikenakan terhadap kaum wanita dan anak-anak.

## **Pasal 145**

Kharaj dikutip ke atas tanah kharaj berdasarkan potensi hasilnya. Sedangkan tanah 'usyriyah zakatnya dikutip berdasarkan hasil sebenar/nyata.

## **Perkara 146**

Cukai (al-dharibah) hanya dikutip daripada kaum Muslimin berdasarkan ketentuan syarak untuk menampung perbelanjaan Baitul Mal, dengan syarat pungutannya diambil daripada lebih keperluan individu—setelah pemilik harta memenuhi kewajibannya dengan cara yang ma'ruf-. Hendaknya diperhatikan bahawa jumlah cukai adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan negara.

## **Perkara 147**

Setiap amal yang diwajibkan syarak terhadap umat untuk melaksanakannya, sedangkan Baitul Mal tidak ada harta yang cukup untuk memenuhinya, maka kewajiban tersebut beralih kepada umat. Pada ketika itu negara berhak mengumpulkan harta daripada umat dengan mewajibkan cukai (al-dharibah) ke atas mereka. Apa yang tidak diwajibkan syarak terhadap umat, maka negara tidak dibenarkan memungut cukai dalam apa jua bentuk, seperti mengambil bayaran untuk proses

peradilan, atau urusan birokrasi, atau apa-apa bentuk masalah yang lain.

### **Perkara 148**

Belanjawan negara memiliki sumber-sumber yang tetap yang telah ditentukan hukum syarak. Belanjawan tersebut dipecahkan kepada beberapa bahagian. Dana ditentukan bagi setiap bahagian dan perkara-perkara yang mana dana-dana ini akan diperuntukkan, semuanya ini ditentukan oleh pandangan dan ijtihad Khalifah.

### **Perkara 149**

Sumber tetap pendapatan (wardatid daimiyati) Baitul Mal dalam bentuk fa'i, jizyah, kharaj, seperlima harta rikaz dan zakat. Seluruh dana ini dipungut secara tetap, baik diperlukan atau tidak.

### **Perkara 150**

Apabila sumber tetap pendapatan Baitul Mal tidak mencukupi untuk menampung belanjawan negara, maka negara boleh memungut cukai(dharibah) daripada kaum Muslimin untuk menampung belanjawan wajib bagi Baitul mal dengan ketentuan sebagai berikut:

- a. Untuk memenuhi pembiayaan yang menjadi kewajiban Baitul Mal kepada para fakir, miskin, ibnu sabil dan pelaksanaan kewajiban jihad.
- b. Untuk memenuhi pembiayaan yang menjadi kewajiban Baitul Mal sebagai bayaran(sara diri) memberi khidmat

kepada negara, seperti gaji para pegawai, gaji tentara dan kompensasi para penguasa.

c. Untuk biaya-biaya yang menjadi kewajiban Baitul Mal dengan pertimbangan kemaslahatan dan pembangunan, tanpa mendapatkan pulangan, seperti pembangunan jalan raya, penyediaan bekal air yang bersih, pembangunan masjid, sekolah dan hospital.

d. Untuk keperluan biaya yang menjadi tanggung jawab Baitul Mal dalam keadaan darurat akibat bencana mendadak yang menimpa rakyat, misalnya bencana disebabkan kebuluran, ribut taufan, atau gempa bumi.

## **Perkara 151**

Sumber pendapatan yang disimpan di Baitul Mal merangkumi harta yang dipungut daripada duti kastam (thoghur) di sepanjang perbatasan negara, harta yang dihasilkan daripada pemilikan umum atau pemilikan negara, dan daripada harta pusaka tanpa warisnya.

## **Perkara 152**

Perbelanjaan Baitul Mal disalurkan kepada enam bahagian:

- i. Lapan golongan yang berhak menerima zakat. Mereka berhak mendapatkannya daripada bahagian/syeksen(bab) harta zakat.
- ii. Jika daripada syeksen harta zakat tidak ada dana, maka bagi orang fakir, miskin, ibnu sabil, jihad dan gharimin (orang yang dililit hutang) akan diberikan daripada sumber pendapatan Baitul Mal yang lain. Dan jika itupun

tidak ada dana, maka para gharimin tidak akan mendapatkan sebarang bantuan. Sementara bagi memenuhi keperluan orang fakir, miskin, ibnu sabil dan jihad, akan dipungut cukai(dharaib). Negara membuat pinjaman demi memenuhi keperluan tersebut apabila situasi dikhuatiri akan menimbulkan bencana/malapetaka(fasad).

- iii. Orang-orang yang memberikan perkhidmatan kepada negara seperti para pegawai, penguasa dan tentera, diberikan harta dari Baitul Mal untuk mereka. Apabila dana Baitul Mal tidak mencukupi, maka segera dipungut cukai(dharaib) untuk memenuhi pembayaran tersebut. Negara membuat pinjaman demi memenuhi keperluan tersebut apabila situasi dikawatiri menimbulkan bencana/mala petaka(fasad).
- iv. Pembangunan keperluan servis dan utiliti penting (al-masalih wal murafaq assasiyyah) masyarakat yang seperti jalan raya, masjid, hospital dan sekolah mendapatkan biaya dari Baitu Mal. Apabila dana Baitul Mal tidak mencukupi, segera dipungut cukai untuk memenuhi keperluan tersebut.
- v. Manakala Pembangunan kemudahan fasiliti pelengkap (al-masalih wal murafaq al-kamaliyyah) juga mendapatkan biaya dari Baitu Mal. Namun apabila dana Baitul Mal tidak mencukupi maka pendanaannya ditunda.
- vi. Bencana alam mendadak, seperti gempa bumi dan ribut taufan, pembiayaannya mesti ditanggung Baitul Mal. Apabila dana Baitul Mal tidak mencukupi maka negara berusaha mendapatkan pinjaman secepatnya, yang kemudian dibayar daripada hasil pungutan cukai.

### **Perkara 153**

Negara menjamin peluang pekerjaan bagi setiap warga negaranya.

### **Perkara 154**

Para pekerja syarikat dan mereka yang bekerja sendiri memiliki hak dan kewajiban yang sama seperti para pegawai pemerintahan. Setiap orang yang bekerja dengan upah/gaji merupakan pekerja, tanpa mengira jenis pekerjaan atau pihak yang bekerja. Apabila terjadi perselisihan antara pekerja dengan majikan mengenai kadar upah/gaji, maka kadar upah dinilai sesuai dengan nilai upah/gaji pasaran semasa. Apabila perselisihannya bukan berkaitan dengan upah, maka kontrak pekerjaan dinilai semula berdasarkan hukum-hukum syarak.

### **Perkara 155**

Upah/Gaji (Al-ujrah) ditentukan mengikut manfaat/hasil kerja ataupun manfaat kepada majikan, bukan berdasarkan pengalaman atau ijazah pekerja. Tidak ada kenaikan gaji bagi para pekerja, namun mereka diberikan upah yang layak menjadi haknya secara utuh; baik berdasarkan hasil pekerjaannya atau mengikut manfaat kepada majikannya.

### **Perkara 156**

Negara menjamin perbelanjaan hidup bagi orang yang tidak memiliki harta, tidak pekerjaan, atau tidak ada orang yang

wajib menanggung nafqahnya. Negara bertanggungjawab terhadap penginapan orang-orang tua dan orang-orang yang cacat.

### **Perkara 157**

Negara bertindak mengedarkan harta kekayaan (tadawul al-mal) di kalangan (seluruh) rakyat, dan mencegah berlakunya peredaran kekayaan hanya pada suatu kelompok tertentu.

### **Perkara 158**

Negara memberikan kesempatan bagi setiap warganya untuk memenuhi kehendak kemewahan, serta mewujudkan keseimbangan ekonomi dalam masyarakat dengan cara sebagai berikut:

- a. Dengan memberikan aset cair atau aset tetap yang dimiliki Baitul Mal, daripada harta fa'i dan lain-lain.
- b. Dengan mengurniakan tanah sama ada tanah yang hidup atau tidak kepada orang yang tidak memiliki tanah yang mencukupi. Bagi orang yang memiliki tanah tetapi tidak digarap oleh mereka, maka dia tidak diberikan sebarang tanah. Negara memberikan bantuan kewangan kepada mereka yang tidak mampu mengolah tanah pertaniannya agar dapat bertani/mengolahnya.
- c. Melunaskan hutang orang-orang yang tidak mampu membayarnya, yang diambil daripada zakat atau fa'i atau sebagainya.

## **Perkara 159**

Negara menyelia (tashrif) hal ehwal pertanian dan hasil pertanian selaras dengan dasar-dasar strategik pertanian negara untuk mencapai potensi maksimum tahap penggunaan tanah.

## **Perkara 160**

Negara menyelia semua sektor perindustrian dan menjalankan secara langsung industri yang termasuk ke dalam jenis pemilikan umum.

## **Perkara 161**

Perdagangan luar negara (foreign trade) berlaku menurut kewarganegaraan pedagang, bukan berdasarkan tempat asal barangannya. Para pedagang dari negara kafir harbi dilarang mengadakan aktiviti perdagangan di dalam daulah, kecuali dengan izin khusus kepada pedagang atau barangannya. Pedagang yang berasal dari negara yang terikat perjanjian (kafir muahid) diperlakukan selari dengan syarat-syarat perjanjian antara daulah dengan mereka. Pedagang di kalangan rakyat daulah tidak dibenarkan mengeksport bahan-bahan/barang-barang yang diperlukan negara, termasuk bahan-bahan yang akan memperkuat musuh baik secara militer, industri mahupun ekonomi. Namun, pedagang tidak dilarang mengimport harta/barang yang sudah mereka miliki. Mana-mana negara yang kita sedang menghadapi peperangan sebenar antara kita dan rakyatnya (seperti Israel) adalah dikecualikan daripada peruntukan ini. Hukum-hukum Darul Harb berlaku ke atas negara seumpama itu dalam semua

bentuk hubungan tidak kira sama ada perdagangan atau bentuk yang lain.

### **Perkara 162**

Setiap individu rakyat berhak mendirikan makmal kajian dan pembangunan (R&D) yang berkaitan dengan semua aspek kehidupan. Negara wajib membangunkan makmal-makmal seumpamanya.

### **Perkara 163**

Setiap individu dilarang memiliki makmal-makmal yang menghasilkan bahan-bahan yang mana kepemilikannya dapat membahayakan umat atau negara.

### **Perkara 164**

Negara menyediakan seluruh perkhidmatan kesihatan kepada seluruh rakyat secara percuma. Namun negara tidak melarang rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan doktor swasta, ataupun menjual ubat-ubatan.

### **Perkara 165**

Penggunaan modal asing dan pelaburannya di dalam negara adalah dilarang. Ia juga dilarang memberi francais kepada orang asing.

Investasi dan pengelolaan modal asing diseluruh negara tidak dibolehkan, termasuk larangan memberikan hak istimewa kepada pihak asing.

### **Perkara 166**

Negara mencetak dan mengeluarkan sendiri mata wang khusus yang mandiri, dan tidak boleh terikat dengan mana-mana mata wang asing.

### **Perkara 167**

Mata wang negara terdiri daripada emas dan perak, baik yang dicetak atau tidak. Negara tidak dibenarkan memiliki mata wang selain daripada keduanya itu. Negara dibenarkan mencetak dan mengeluarkan mata wang dalam bentuk lain, sebagai pengganti emas dan perak dengan syarat Negara (Baitul Mal) memiliki simpanan emas dan perak yang setara untuk menampung pengeluaran wang tersebut. Justeru itu, Negara boleh mengeluarkan mata wang daripada tembaga, gangsa atau wang kertas dan sebagainya, yang dicetak atas nama negara sebagai mata wang negara yang memiliki nilai yang setara dengan simpanan emas dan perak.

### **Perkara 168**

Pertukaran mata wang negara dengan mata wang asing dibolehkan seperti halnya penukaran di antara berbagai-bagai jenis mata wang negara. Adalah dibenarkan bagi kadar pertukaran antara dua jenis mata wang untuk berbeza dengan syarat mata wangnya berbeza antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, transaksinya adalah tunai dan tidak boleh

ditanggihkan. Kadar pertukaran boleh berubah-ubah tanpa sebarang sekatan selagi ia berada di antara dua mata wang yang berlainan. Setiap individu rakyat bebas membeli mata wang yang diingini, baik di dalam ataupun di luar negara tanpa perlu meminta izin sesiapa.

### **Perkara 169**

Mendirikan bank-bank adalah dilarang sama sekali, kecuali bank milik Daulah, yang tidak menjalankan amalan riba dan merupakan salah satu da'irah daripada Baitul Mal. Bank ini memberikan pinjaman dana sesuai hukum syarak, dengan transaksi kewangan yang mudah.

## **DASAR PENDIDIKAN (SIYASAH AL-TA'LIM)**

### **Perkara 170**

Kurikulum pendidikan wajib berasaskan akidah Islamiyah. Sukatan mata pelajaran serta metodologi penyampaian pelajaran seluruhnya disusun tanpa sebarang penyimpangan daripada asas tersebut dalam pendidikan.

### **Perkara 171**

Dasar pendidikan adalah untuk membentuk mentaliti dan sikap Islami (al-aqliyah wa Al-nafsiyah al-Islamiyyah). Seluruh mata pelajaran disusun berdasarkan dasar strategi tersebut.

## **Perkara 172**

Matlamat (al-ghayah) pendidikan adalah membentuk keperibadian Islam (as-syakhsyah al-islamiyyah) serta menyediakan manusia dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan yang berkaitan dengan kehidupan. Metodologi(thariqah) pengajaran diwujudkan untuk mencapai matlamat ini; Sebarang metodologi yang membawa kepada selain matlamat ini adalah dilarang.

## **Perkara 173**

Waktu pelajaran untuk ilmu-ilmu Islam dan bahasa Arab yang wajib diberikan setiap minggu dengan disesuaikan dengan waktu pelajaran untuk ilmu-ilmu lain, baik dari segi jumlah mahupun waktu.

## **Perkara 174**

Wajib dipisahkan dalam pendidikan di antara ilmu-ilmu sains-teknologi dan ko-kurikulum dengan ilmu-ilmu tsaqofah. Ilmu-ilmu sains diajarkan menurut keperluan dan tidak terikat dengan tahapan pendidikan tertentu. Ilmu-ilmu tsaqofah diberikan bermula dari tahap awal (sekolah) hingga tahap tinggi/al-'aliyyah (pengajian tinggi) mengikut dasar pendidikan yang tidak bertentangan dengan konsep(akfar) dan hukum Islam. Di peringkat pengajian tinggi ilmu-ilmu tsaqofah boleh diajarkan secara utuh seperti mana ilmu pengetahuan yang lain, dengan syarat tidak mengakibatkan sebarang penyimpangan daripada strategi dan tujuan pendidikan.

## **Perkara 175**

Tsaqofah Islam wajib diajarkan pada semua peringkat pendidikan. Namun di peringkat pengajian tinggi (marhalah 'aliyah) dibuka kepada pelbagai cabang disiplin ilmu keislaman, di samping ditawarkan jurusan yang lain seperti perubatan, kejuruteraan, fizik dan sebagainya.

## **Perkara 176**

Ilmu kesenian dan teknologi pembuatan dapat digolongkan sebagai ilmu pengetahuan, seperti perdagangan, pelayaran dan pertanian yang boleh dipelajari tanpa terikat batasan atau syarat tertentu; namun kadang-kadang digolongkan sebagai suatu ketamadunan (tsaqofah) apabila telah dipengaruhi oleh pandangan hidup tertentu, seperti seni lukis dan seni ukir yang tidak boleh dipelajari apabila ia bertentangan dengan pandangan Islam.

## **Perkara 177**

Kurikulum pendidikan (manhaj al-ta'lim) hanya satu. Tidak boleh menggunakan kurikulum selain kurikulum negara. Tiada larangan untuk mendirikan sekolah-sekolah swasta selagi mana mengikuti kurikulum negara dan ia berdiri dengan mencapai dasar dan tujuan pendidikan. Hanya sahaja pendidikan di sekolah itu tidak boleh bercampur baur antara lelaki dengan perempuan baik di kalangan pelajar mahupun guru. Juga tidak boleh dikhususkan untuk sesuatu kelompok, agama, mazhab, ras atau warna kulit tertentu.

## **Perkara 178**

Pengajaran tentang semua perkara yang diperlukan manusia dalam kehidupannya merupakan kewajiban negara ke atas setiap individu, tidak kira lelaki mahupun perempuan di peringkat pendidikan rendah dan menengah. Negara wajib menyediakan bagi seluruh warga negara pendidikan percuma. Sementara peluang melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi secara percuma dibuka seluas-luasnya dengan fasiliti pendidikan yang terbaik.

## **Perkara 179**

Negara menyediakan kemudahan untuk pengembangan ilmu pengetahuan seperti perpustakaan dan makmal-makmal, di samping sekolah-sekolah dan universiti-universiti bagi membolehkan mereka yang ingin melanjutkan kajian dalam berbagai-bagai bidang pengetahuan, seperti fiqh, ushul fiqh, hadits dan tafsir, termasuk di bidang ilmu pemikiran, kedokteran, teknikal, kimia, penemuan-penemuan dan ciptaan-ciptaan baru. Ini dilakukan demi mewujudkan sebanyak mungkin para mujtahideen, saintis dan pencipta yang cemerlang.

## **Perkara 180**

Larangan wujudnya hak milik dalam mengarang buku-buku pendidikan untuk semua peringkat. Tidak dibolehkan seseorang -baik pengarang mahupun bukan-memiliki hak cetak dan penerbitan, apabila sesebuah buku telah dicetak dan diterbitkan. Jika ia masih dalam pemikiran/idea yang dimiliki seseorang dan ia belum dicetak atau diedar, maka pemilik idea

boleh mengambil imbalan/bayaran kerana telah memindahkan ideanya ke dalam masyarakat, seperti mana mendapatkan bayaran kerana mengajar.

## **DASAR LUAR NEGARA (SIYASAH AL-KHARIJIYYAH)**

### **Perkara 181**

Politik adalah pemeliharaan urusan umat di dalam mahupun luar negara. Ia dilakukan oleh negara dan juga umat. Negara melaksanakan tindakan pemeliharaan tersebut, sedangkan umat memuhasabah negara terhadap pelaksanaannya.

### **Perkara 182**

Larangan mutlak ke atas mana-mana individu, parti, kumpulan atau persatuan untuk mengadakan hubungan dengan negara asing. Hubungan dengan negara-negara asing hanya dilakukan oleh negara, kerana hanya negara satu-satunya yang mempunyai hak untuk melaksanakan tindakan pemeliharaan urusan umat. Tugas umat dan kelompok-kelompok masyarakat adalah memuhasabah negara terhadap pelaksanaan hubungan luar negara tersebut.

### **Perkara 183**

Tujuan tidak akan menghalalkan semua cara, kerana thariqah (metodologi) seiring dengan pemikiran (fikrah). Maka tidak boleh mencapai suatu kewajiban atau suatu yang harus (mubah) dengan jalan yang haram. Sarana-sarana

(wasilah) politik tidak boleh bertentangan dengan thariqah (metodologi) politik.

#### **Perkara 184**

Manuver politik (al-munawarat as-siyasah) sangat penting dalam politik luar negara. Kekuatannya terletak dengan menzahirkan tindakan tetapi sebaliknya merahsiakan tujuan.

#### **Perkara 185**

Keberanian dalam mendedahkan pelbagai jenayah/kejahatan yang dilakukan oleh negara-negara lain, menjelaskan bahaya politik yang penuh kepalsuan, membongkar konspirasi jahat dan menghancurkan kredibiliti para pemimpin yang menyesatkan, merupakan cara-cara yang paling penting dalam menjalankan politik.

#### **Perkara 186**

Menampilkan keagungan pemikiran Islam dalam memelihara urusan-urusan baik individu-individu, bangsa-bangsa mahupun negara, merupakan thariqah (metodologi) politik yang paling penting.

#### **Perkara 187**

Prinsip utama politik (al-qadhiyah as-siyasah) umat adalah menampilkan Islam dalam susuk sebuah negara yang kuat,

penerapan hukum-hukumnya secara baik, serta usaha yang berterusan dalam mengemban dakwahnya ke seluruh dunia.

### **Perkara 188**

Mengemban dakwah Islam merupakan teras kepada seluruh dasar-dasar politik luar negaranya dan atas dasar inilah dibina hubungan dengan negara-negara lain.

### **Perkara 189**

Hubungan negara ini dengan negara-negara lain yang ada di dunia dibina berdasarkan empat pertimbangan:

**Pertama**, negara-negara yang berada di dalam dunia Islam sekarang dianggap berada dalam sebuah negara, sehingga tidak termasuk ke dalam bidang hubungan luar negara. Hubungan dengan negara-negara ini tidak dianggap berada dalam bidang dasar luar negara dan semua usaha mesti dilakukan untuk menyatukan semua negara-negara ini menjadi sebuah negara.

**Kedua**, negara-negara yang mempunyai perjanjian di bidang ekonomi, perdagangan, persahabatan atau budaya, maka negara-negara tersebut diperlakukan sesuai dengan syarat-syarat perjanjian. Warga negaranya dibolehkan memasuki negara-negara Islam dengan membawa kad pengenalan tanpa memerlukan passport, jika hal ini dinyatakan dalam teks perjanjian, dengan syarat warga negara kita juga mendapat perlakuan yang sama. Hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara tersebut terbatas kepada barang dan

keadaan tertentu yang dilihat amat diperlukan, serta tidak menyebabkan negara yang terlibat menjadi bertambah kuat.

**Ketiga**, negara-negara yang tidak mempunyai sebarang perjanjian, termasuk negara-negara imperialis seperti Britain, Amerika, dan Perancis, begitu pula dengan negara-negara yang memiliki cita-cita ke atas negeri-negeri Islam seperti Rusia; maka secara hukum dianggap sebagai negara yang bermusuhan (muhariban hukman). Semua tindakan pencegahan perlu diambil terhadap mereka dan adalah salah untuk membina hubungan diplomatik dengan mereka. Rakyat mereka boleh hanya memasuki Negara Islam dengan pasport dan visa khusus untuk setiap individu dan bagi setiap lawatan, kecuali jika ia menjadi negara berperang sebenar (muhariban fi'lan).

**Keempat**, negara-negara yang sedang berperang (muhariban fi'lan) seperti Israel, maka terhadap negara tersebut wajib bersikap seperti dalam keadaan darurat perang sebagai asas dalam setiap perlakuan dan tindakan terhadapnya, tidak kira terdapat perjanjian gencatan senjata ataupun tidak. Manakala seluruh penduduknya adalah dilarang memasuki wilayah Islam.

## **Perkara 190**

Larangan keras mengadakan perjanjian dan kesepakatan militer, atau yang terikat secara langsung dengan perjanjian tersebut, seperti perjanjian politik dan persetujuan penyewaan pangkalan tentera serta lapangan terbang. Namun dibolehkan mengadakan perjanjian antara negara tetangga, perjanjian dalam bidang ekonomi, perdagangan, kewangan, kebudayaan dan gencatan senjata.

## **Perkara 191**

Negara tidak boleh menjadi sebahagian daripada organisasi yang tidak berasaskan Islam atau menerapkan hukum-hukum selain Islam. Seperti organisasi internasional PBB, Mahkamah Antarabangsa, IMF, Bank Dunia. Begitu juga dengan organisasi serantau seperti Liga Arab.

# **AKHLAK DALAM PANDANGAN ISLAM ( AL-AKHLAK FIL ISLAM)**

Islam ditakrifkan sebagai agama/deen yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, yang mengatur hubungan manusia dengan Penciptanya(al-Khaliq), dirinya, dan dengan sesama manusia. Hubungan manusia dengan Penciptanya (al-Khaliq) merangkumi akidah dan ibadah. Hubungan manusia dengan dirinya merangkumi akhlak, makanan/minuman dan pakaian. Sementara hubungan manusia dengan sesama manusia merangkumi mu'amalat dan uqubat.

Islam menangani permasalahan manusia secara keseluruhan dan memandang manusia sebagai satu bahagian yang tidak dapat dipisahkan. Oleh sebab itu, Islam menyelesaikan permasalahan manusia hanya dengan satu thariqah(methodologi) yang sama. Islam dibina berasaskan ruhiyyah, iaitu akidah. Maka, aspek kerohanian merupakan asas peradaban, asas negara dan asas syariat Islam.

Walaupun syariat Islam telah menjelaskan pelbagai sistem dengan sangat terperinci seperti sistem ibadah, mu'amalat dan uqubat, namun Islam tidak mengemukakan sistem terperinci bagi akhlak. Sebaliknya, Islam memperlakukan hukum-hukum akhlak sebagai perintah dan larangan Allah SWT, tanpa melihat lagi apakah akhlak wajib diberikan perhatian khusus melebihi hukum-hukum atau ajaran Islam yang lain. Malah, akhlak adalah sebahagian

daripada perincian terhadap hukum-hukum dan perinciannya paling sedikit berbanding perincian-perincian yang lain. Dalam fiqih, tiada satu bab pun yang khusus membahaskan akhlak. Oleh sebab itu, dalam kitab-kitab fiqih yang mengandungi hukum-hukum syarak tidak akan ditemui sebuah bab khusus dengan sebutan bab akhlak. Para fuqaha dan mujtahidin tidak menitikberatkan pembahasan dan pengambilan hukum dalam perkara akhlak.

Akhlak tidak mempengaruhi secara langsung pembinaan sebuah masyarakat kerana masyarakat dibina di atas sistem-sistem kehidupan, dan dipengaruhi oleh perasaan-perasaan dan pemikiran-pemikiran. Akhlak tidak mempengaruhi berdirinya sesebuah masyarakat, baik kebangkitannya mahupun kejatuhannya. Sebaliknya, yang mempengaruhi masyarakat ialah kesepakatan umum (al-'uruf al-'am) yang lahir daripada persepsi tentang kehidupan. Di samping itu, bukanlah akhlak yang menggerakkan masyarakat, tetapi sistem-sistem yang diterapkan di dalamnya, pemikiran-pemikiran, dan perasaan yang dibawa oleh masyarakat tersebut. Akhlak sendiri terbit daripada pelbagai pemikiran, perasaan, dan hasil penerapan sistem.

Atas dasar inilah, maka tidak boleh mengemban dakwah hanya ke arah pembentukan akhlak dalam masyarakat. Ini kerana akhlak merupakan hasil daripada pelaksanaan terhadap perintah-perintah Allah SWT, yang diperoleh daripada dakwah kepada akidah dan daripada penerapan Islam secara sempurna. Di samping itu, mengajak masyarakat kepada akhlak semata-mata, hanyalah menterbalikkan persepsi Islam tentang kehidupan dan pada masa yang sama menjauhkan manusia daripada pemahaman yang benar tentang hakikat masyarakat dan elemen-elemen asasnya. Bahkan dapat membius manusia dengan hanya mengerjakan keutamaan

amal-amal individu lalu mengakibatkan kelalaian terhadap langkah-langkah yang benar menuju kemajuan hidup.

Dengan demikian, adalah sangat berbahaya mengarahkan dakwah Islamiyah hanya kepada pembentukan akhlak sahaja kerana ia akan membawa manusia kepada suatu anggapan bahawa dakwah Islam adalah dakwah untuk akhlak sahaja. Cara seperti ini dapat mengaburkan gambaran utuh tentang Islam dan menghalangi pemahaman manusia terhadap Islam. Lebih daripada itu, dapat menjauhkan masyarakat daripada satu-satunya thariqah (metodologi) dakwah yang mampu menghasilkan penerapan Islam, iaitu dengan mendirikan Daulah Islamiyah. Ketika syariat Islam mengatur hubungan manusia dengan dirinya, melalui hukum-hukum syariat yang berkaitan dengan sifat-sifat akhlak, ia tidak menjadikan hal itu sebagai sebuah sistem, seperti mana yang berlaku ke atas ibadah dan mu'amalat. Sebaliknya yang diperhitungkan tidak lain adalah usaha merealisasikan nilai-nilai tertentu yang diperintahkan oleh Allah SWT seperti jujur, amanah, tidak curang, atau dengki. Jadi akhlak dapat dibentuk hanya dengan satu cara, iaitu memenuhi perintah Allah SWT sehingga ia terwujud seperti budi pekerti yang luhur dan kebajikan. Amanah, misalnya, adalah salah satu sifat akhlak yang diperintahkan oleh Allah SWT. Maka, wajib diperhatikan nilai akhlak ini tatkala menjalankan amanat. Inilah yang dinamakan dengan akhlak. Sifat-sifat tersebut muncul kerana natijah perbuatan seperti sifat iffah (menjaga diri) adalah natijah daripada pelaksanaan solat atau sifat-sifat itu muncul kerana memang wajib diperhatikan tatkala melaksanakan berbagai-bagai mu'amalat (transaksi), seperti jujur yang wajib ada ketika transaksi jual beli. Meskipun aktiviti jual beli tersebut tidak secara automatik menghasilkan nilai akhlak, oleh kerana nilai tersebut bukanlah tujuan daripada transaksi jual beli, namun sifat-sifat tersebut muncul

sebagai natijah daripada pelaksanaan amal perbuatan, atau sebagai perkara yang sentiasa diperhatikan dan merupakan sifat seorang mukmin tatkala dia beribadah kepada Allah SWT mahupun tatkala menjalankan mu'amalat. Dengan demikian, seorang mukmin –dalam contoh tadi- telah menghasilkan nilai rohani daripada pelaksanaan solatnya. Dan –pada contoh lainnya- memperoleh nilai materialistik dalam transaksi perdagangannya dan pada masa yang sama dia juga memiliki sifat-sifat akhlak.

Syarak telah menjelaskan sifat-sifat yang dianggap sebagai akhlak yang baik dan sifat-sifat yang dianggap sebagai akhlak buruk. Ia mengajak melakukan kebaikan dan melarang melakukan keburukan. Syarak mendorong memiliki kejujuran, amanah, bermanis muka, kesopanan, berbakti kepada ibu bapa, bersilaturahmi dengan kerabat, membantu orang lain yang dalam kesulitan, mencintai saudara-saudaranya sebagaimana mencintai dirinya sendiri dan contoh-contoh lain seumpamanya, yang dianggap sebagai dorongan kepada manusia untuk mengikuti perintah Allah. Pada masa yang sama, syarak melarang memiliki sifat-sifat yang bertentangan dengan sifat-sifat tadi, seperti berdusta, khianat, hasad (dengki), melakukan maksiat, dan semisalnya. Sifat-sifat tersebut dan yang semisalnya adalah dilarang kerana Allah SWT melarangnya.

Akhlak adalah sebahagian(juzuk) daripada syariat Islam. Ia juga merupakan sebahagian daripada perintah-perintah Allah dan larangan-larangan-Nya. Akhlak mesti terlihat pada diri setiap muslim, agar sempurna seluruh amal perbuatannya dengan Islam, dan dalam melaksanakan perintah-perintah Allah. Namun untuk merealisasikannya di dalam masyarakat secara utuh, maka tidak ada jalan lain kecuali dengan mewujudkan perasaan-perasaan Islami (masha'ir Islamiyyah)

dan pemikiran-pemikiran Islam (afkar Islamiyyah). Setelah ia terwujud di dalam masyarakat, maka ia juga terwujud dalam diri individu-individu tanpa dapat dihindarinya. Yang pastinya, bagi merealisasikannya bukan melalui jalan dakwah kepada akhlak, melainkan dengan thariqah (metodologi) yang disebutkan di atas iaitu dengan mewujudkan perasaan dan pemikiran. Walau bagaimanapun, permulaan proses ini memerlukan penyediaan sebuah kelompok dakwah (kutlah) berlandaskan Islam secara keseluruhan, yang mana individu-individunya adalah sebahagian daripada jamaah dan bukan individu bebas - untuk mengemban dakwah Islam yang menyeluruh dalam masyarakat sehingga membawa kewujudan perasaan Islam dan pemikiran Islam. Lalu manusia memiliki akhlak beramai-ramai, setelah mereka beramai-ramai memeluk (kembali kepada) Islam. Perlu difahami dengan jelas bahawa pemahaman kita dalam masalah ini tetap menjadikan akhlak sebagai suatu keperluan yang sangat penting tatkala memenuhi perintah-perintah Allah dan menerapkan Islam. Sekaligus menegaskan betapa pentingnya seorang muslim memiliki akhlak yang terpuji.

Allah SWT telah menerangkan dalam banyak daripada surah-surah Al-Quran tentang sifat-sifat yang wajib dimiliki, serta yang wajib diraih oleh manusia. Sifat-sifat tersebut adalah akidah, ibadah, mu'amalat dan akhlak. Empat sifat ini saling berkaitan dan tidak dapat dipisahkan. Allah SWT berfirman dalam surat Luqman:

﴿وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنِهِ - وَهُوَ يَعِظُهُ رِيبُنِي لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ  
الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٢﴾ وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ  
وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى  
الْمَصِيرِ ﴿١٣﴾ وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ  
بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ط وَصَاحِبَهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ط وَأَتَّبِعْ  
سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَى ت ثُمَّ إِلَى مَرْجِعِكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ  
تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾ يَبْنِي إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي  
صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ  
خَبِيرٌ ﴿١٥﴾ يَبْنِي أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأَصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ ط إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٦﴾ وَلَا تُصَعِّرْ  
خَدْلَكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا ط إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ  
مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٧﴾ وَأَقْصِدْ فِي مَشِيكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ ط إِنَّ  
أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ﴿١٨﴾

*“Dan ingatlah ketika Luqman berkata kepada anaknya, ketika dia memberikan pelajarannya: ‘Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan (syirik) Allah. Sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang besar. Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada kedua ibu bapanya; ibunya yang telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan dan menceraikannya susu dalam masa dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kedua orang ibu bapamu. Hanya kepada Akulah tempat kembalimu. Dan jika mereka berdua mendesakmu untuk mempersekutukan Aku dengan sesuatu yang tidak ada pengetahuan tentangnya, maka janganlah kamu taat kepada mereka. Dan bergaullah dengan mereka dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku. Kemudian hanya kepada Akulah tempat kembalimu. Maka, (kelak akan) Aku akan menerangkan kepadamu apa saja yang telah kamu kerjakan. (Luqman berkata:) ‘Hai anakku, sesungguhnya tidak ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi dan berada di dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, pastilah Allah akan mendatangkannya (membalasnya). Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui. Hai anakku, dirikanlah shalat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu, sesungguhnya yang demikian itu perkara-perkara yang berat untuk dilakukan. Dan janganlah kamu memalingkan mukamu daripada manusia (kerana memandang rendah) dan berjalan di muka bumi dengan sombong. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri. Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan dan rendahkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara adalah suara keldai.”*

**(TQS. Luqman [31]: 13 - 19)**

Allah SWT juga berfirman dalam surat Al-Furqan:

﴿وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ﴿١٢﴾ وَالَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَمًا ﴿١٣﴾ وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا ﴿١٤﴾ إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا ﴿١٥﴾ وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿١٦﴾ وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ ﴿١٧﴾ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا ﴿١٨﴾ يُضَعَفُ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَيَخْلُدُ فِيهِ مُهَانًا ﴿١٩﴾ إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا فَأُولَئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ ﴿٢٠﴾ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٢١﴾ وَمَنْ تَابَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَإِنَّهُ

يَتُوبُ إِلَى اللَّهِ مَتَابًا ﴿٧١﴾ وَالَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ الزُّورَ وَإِذَا  
مَرُّوا بِاللَّغْوِ مَرُّوا كِرَامًا ﴿٧٢﴾ وَالَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِآيَاتِ  
رَبِّهِمْ لَمْ تَخْرُوا عَلَيْهَا صُمًّا وَعُمْيَانًا ﴿٧٣﴾ وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا  
هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا ﴿٧٤﴾ أُولَئِكَ تُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا وَيُلَقَّوْنَ فِيهَا  
تَحِيَّةً وَسَلَامًا ﴿٧٥﴾ خَالِدِينَ فِيهَا حَسُنَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا



*"Dan hamba-hamba Tuhan yang Maha Penyayang itu (ialah) orang-orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan 'salam'. Dan orang yang menghidupkan malam dengan bersujud dan berdiri(menunaikan solat) untuk Tuhan mereka. Dan orang-orang yang berkata: "Wahai Tuhan kami, jauhkanlah azab Jahannam daripada kami, Sesungguhnya azabnya itu adalah kebinasaan yang kekal". Sesungguhnya Jahannam itu seburuk-buruk tempat menetap dan tempat kediaman. Dan orang-orang yang apabila menafkahkan (harta), mereka tidak berlebihan, dan tidak (pula) kedekut, dan (pembelanjaan itu) adalah di antara kedua-duanya. Dan orang-orang yang tidak menyembah Tuhan yang lain beserta Allah dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah*

*(membunuhnya) kecuali dengan (alasan) yang benar, dan tidak berzina, sesiapa yang melakukan yang demikian itu, nescaya dia akan mendapat dosa. (yakni) akan dilipatgandakan azab untuknya pada hari kiamat dan dia akan kekal di dalam azab itu, dalam keadaan terhina, Kecuali orang-orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal soleh; Maka itu, kejahatan mereka diganti Allah dengan kebaikan. dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Dan orang-orang yang bertaubat dan mengerjakan amal soleh, Maka Sesungguhnya dia bertaubat kepada Allah dengan Taubat yang sebenar-benarnya. Dan orang-orang yang tidak memberikan persaksian palsu, dan apabila mereka bertemu dengan (orang-orang) yang mengerjakan perbuatan-perbuatan yang tidak berfaedah, mereka berlalu dengan menjaga kehormatan dirinya. Dan orang-orang yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhan mereka, mereka tidaklah bersikap sebagai orang-orang yang tuli dan buta. Dan orang-orang yang berkata: “Ya Tuhan kami, anugrahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (Kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa. Mereka Itulah orang yang dibalasi dengan martabat yang Tinggi (dalam syurga) kerana kesabaran mereka dan mereka disambut dengan penghormatan dan Ucapan selamat di dalamnya, Mereka kekal di dalamnya. syurga itu sebaik-baik tempat menetap dan tempat kediaman.” (TQS. Al-Furqan [25]: 63-76).*

Juga Allah SWT berfirman dalam surat Al-Isra :

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ  
عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا  
تَهَرَّهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ  
الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾  
رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمْ ۚ إِنَّ تَكُونُوا صَالِحِينَ فَإِنَّهُ كَانَ  
لِللَّوَابِقِ غَفُورًا ﴿٢٥﴾ وَءَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ  
السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾ إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ  
الشَّيْطَانِ ۗ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾ وَإِنَّمَا تُعْرَضُونَ عَنْهُمْ  
أَبْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِّن رَّبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَّيْسُورًا ﴿٢٨﴾ وَلَا  
تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ  
مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾ إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ ۗ إِنَّهُ  
كَانَ بِعِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا ﴿٣٠﴾ وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ ۗ  
نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ ۚ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا ﴿٣١﴾ وَلَا تَقْرَبُوا  
الزَّانِيَ ۗ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي

حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ<sup>ط</sup> وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيَّهِ  
 سُلْطٰنًا فَلَا يُسْرِفُ فِي الْقَتْلِ إِنَّهُ كَانَ مَنْصُورًا ﴿١٣﴾ وَلَا تَقْرَبُوا  
 مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ<sup>ج</sup> وَأَوْفُوا  
 بِالْعَهْدِ<sup>ط</sup> إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا ﴿١٤﴾ وَأَوْفُوا الْكَيْلَ إِذَا كِلْتُمْ  
 وَزِنْتُمْ بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ<sup>ج</sup> ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿١٥﴾ وَلَا  
 تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ<sup>ج</sup> إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ  
 أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿١٦﴾ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ  
 لَنْ تَخْرِقَ الْأَرْضَ وَلَنْ تَبْلُغَ الْجِبَالَ طُولًا ﴿١٧﴾

“Dan Tuhanmu Telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain-Nya dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. jika salah seorang di antara mereka atau kedua-duanya sampai usia tua dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada mereka perkataan “ah” dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: “Wahai Tuhanku, kasihilah mereka berdua, sebagaimana mereka berdua Telah mendidikkmu di waktu kecil”. Tuhanmu lebih mengetahui apa yang ada dalam hatimu; jika kamu orang-orang yang baik, Maka Sesungguhnya Dia Maha Pengampun bagi orang-orang yang bertaubat. Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang dekat akan haknya, kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan dan janganlah kamu membazir dengan pembaziran yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan

*itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya. Dan jika kamu berpaling daripada mereka untuk mencari rahmat daripada Tuhanmu yang kamu harapkan, maka katakanlah kepada mereka ucapan yang lemah-lembut. Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan janganlah kamu terlalu mengulurkannya kelak kamu menjadi tercela dan menyesal. Sesungguhnya Tuhanmu melapangkan dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dia kehendaki ; Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Maha Melihat akan hamba-hambaNya. Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepada kamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar. Dan janganlah kamu mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk. Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya), melainkan dengan hak dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya, tetapi janganlah ahli waris itu melampaui batas dalam pembunuhan. Sesungguhnya dia adalah orang yang mendapat pertolongan. Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih baik (bermanfaat) sampai dia dewasa dan penuhilah janji; Sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungjawaban. Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat, dan timbanglah dengan neraca yang benar. Itulah yang lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya. Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan dipertanggungjawabkan. Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan sombong, kerana sesungguhnya kamu sekali-kali tidak dapat menembus bumi dan sekali-kali kamu tidak akan sampai ketinggian gunung-ganang.” (TQS. Al-Isra [17]: 23-37)*

Ayat-ayat dalam ketiga-tiga surah di atas masing-masing merupakan satu kesatuan yang sempurna yang menonjolkan sifat-sifat yang beraneka ragam, menggambarkan identiti muslim, dan menjelaskan keperibadian Islam yang unik berbeza dengan umat yang lain. Dapat diperhatikan terhadap

sifat-sifat tersebut, bahawa ia merupakan perintah-perintah dan larangan Allah. Sebahagian merupakan hukum-hukum yang berkaitan dengan akidah. Sebahagian yang lain berkaitan dengan ibadah, mu'amalat dan akhlak. Dapat diperhatikan juga, bahawa ia tidak terbatas hanya pada sifat-sifat akhlak, tetapi mencakupi juga akidah, ibadah, mu'amalat di samping akhlak. Inilah sifat-sifat yang dapat membentuk keperibadian Islam. Membatasi pengambilan hukum hanya pada akhlak, tidak membentuk manusia yang sempurna dan berkeperibadian Islami. Untuk mencapai tujuan akhlak, maka hendaklah didasarkan atas landasan/asas ruh, iaitu akidah Islamiyah. Dan sifat-sifat akhlak mestilah berlandaskan akidah semata. Oleh kerana itu, seorang muslim tidak akan memiliki sifat jujur hanya semata-mata kejujuran sahaja, tetapi kerana Allah memerintahkan yang demikian; meskipun dia berusaha menampilkan nilai akhlaknya ketika dia berlaku jujur. Dengan demikian akhlak tidak semata-mata wajib dimiliki kerana diperlukan oleh manusia, akan tetapi ia merupakan perintah Allah.

Berdasarkan hal ini, seorang muslim mesti mempunyai akhlak dengan segala sifat-sifatnya dan melakukannya dengan penuh ketaatan dan kepasrahan kerana ia berkaitan dengan taqwa kepada Allah SWT. Akhlak kadangkala muncul sebagai hasil ibadah, sesuai dengan firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ﴾

“Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar” (TQS. Al-Ankabut [29]: 45)

Wajib juga dipelihara dalam pelaksanaan mu'amalat, kerana "Agama itu adalah mu'amalat" (berhubungan dengan

masyarakat). Di samping itu, akhlak merupakan sekumpulan perintah Allah dan larangan-larangan-Nya, maka akhlak pasti mengukuhkan diri setiap muslim dan menjadikannya sebagai suatu sifat yang lazim (mestiada). Berdasarkan keterangan di atas, maka penggabungan akhlak dengan seluruh sistem kehidupan yang lain -walaupun akhlak adalah sifat-sifat yang bebas/berdiri sendiri- akan menjamin pembentukan pribadi muslim (agar menyiapkan diri) dengan cara yang layak, terutamanya memiliki sifat-sifat akhlak merupakan pemenuhan terhadap perintah Allah atau menjauhi laranganNya, bukan kerana akhlak ini membawa manfaat atau mudarat dalam kehidupan. Inilah yang menjadikan seorang muslim mempunyai sifat akhlak yang baik secara terus menerus, selagi mana dia berusaha melaksanakan Islam, dan bukan kerana melihat aspek manfaatnya. Akhlak tidak ditujukan semata-mata demi kemanfaatan. Bahkan manfaat itu mesti dijauhkan kerana tujuan akhlak uakah menghasilkan nilai akhlak sahaja, bukan nilai materialistik, nilai kemanusiaan, atau nilai kerohanian. Selain itu nilai-nilai tersebut tidak boleh dicampur adukkan dengan akhlak, agar tidak terjadi kebimbangan dalam memiliki akhlak beserta sifat-sifatnya. Perlu diingat di sini, bahawa nilai materialistik mesti dijauhkan daripada akhlak dan begitu juga dijauhkan daripada pelaksanaan akhlak yang hanya mencari kemanfaatan/ keuntungan. Hal ini justeru sangat membahayakan akhlak.

Walhasil : akhlak tidak dapat dijadikan asas bagi terbentuknya suatu masyarakat, tetapi akhlak adalah salah satu asas bagi pembentukan keperibadian individu. Oleh yang demikian, masyarakat tidak dapat diperbaiki dengan akhlak, tetapi diperbaiki dengan pemikiran-pemikiran, perasaan-perasaan Islami, serta penerapan sistem-sistem Islam di dalam masyarakat itu. Memang benar, akhlak merupakan salah satu

dasar bagi pembentukan keperibadian individu, tetapi tidak boleh dijadikan satu-satunya (asas keperibadian). Akhlak mesti digabung dengan akidah, ibadah, dan mu'amalat. Atas dasar inilah maka seseorang tidak dianggap memiliki akhlak yang baik sementara akidahnya bukan akidah Islam, kerana dia masih kafir, dan tidak ada dosa yang lebih besar daripada kekafiran. Demikian pula seorang muslim tidak dianggap memiliki akhlak yang baik sementara dia tidak melaksanakan ibadah atau tidak menjalankan mu'amalat menurut hukum syarak. Dengan demikian sudah menjadi kemestian dalam meluruskan tingkah laku individu dengan memperhatikan akidah, ibadah, mu'amalat, dan akhlaknya secara bersamaan. Syarak tidak membolehkan menitikberatkan hanya semata-mata akhlak dan meninggalkan sifat-sifat lainnya. Bahkan tidak boleh memfokuskan sesuatu sebelum mantap akidahnya. Perkasa asas di dalam akhlak adalah bahawa akhlak wajib disandarkan kepada akidah Islamiyah. Setiap mukmin sewajarnya mempunyai sifat akhlak tidak lain sebagai perintah dan larangan Allah SWT. □